

BACAAN KEGEMARAN

Rakyat Malaysia

FAVOURITE READ
of MALAYSIANS



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



BACAAN KEGEMARAN

Rakyat Malaysia

FAVOURITE READ
of MALAYSIANS

Buku Bacaan

Kegemaran Rakyat Malaysia ini mengumpulkan bahan bacaan kegemaran peserta-peserta Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri-Negeri. Buku ini diterbitkan dengan harapan agar bacaan kegemaran peserta-peserta ini dikongsi bersama oleh seluruh rakyat Malaysia dan membangkitkan minat membaca di kalangan masyarakat.



BACAAN KEGEMARAN

Rakyat Malaysia

FAVOURITE READ
of MALAYSIANS




PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Kuala Lumpur

2004



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

© Perpustakaan Negara Malaysia 2004

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Bacaan kegemaran rakyat Malaysia = Favourite read of Malaysians

Mengandungi indeks


ISBN 967-931-174-0

1. Books and reading--Malaysia. 2. Reading interests--Malaysia.

I. Perpustakaan Negara Malaysia

028.909595

Putra: Biografi Yang Diperkenankan Tentang Riwayat Hidup DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail
• Di Bawah Lindungan Kaabah • All Fall Down • Angela's Ashes • The City Of Joy • Detik Sejarah Rundingan
Baling • Echoes • Edith Piaf • Financial Freedom: Your Guide To Lifetime Financial Planning • Flowers For
Algernon • Giant Steps: Small Changes To Make A Big Difference • The Heart Of Darkness • Hidup Untuk
Menang: Kalau Bukan Untuk Menang Untuk Apakah Hidup Ini? • Listen To The Quiet: The Gentle Art Of
Nourishing Your Soul • The Malays Par Excellence ... Warts And All: An Introspection • Mawar Putih Mawar
Merah • Meniti Senja • The Millionaire Next Door: The Surprising Secrets Of America's Wealthy • A Moveable
Feast • Nostalgia Padang • Orang Biasa Diraja: Hayat Dan Zaman Imam Perang Jabor (1858-1921) • A
Promise To Nadia • Putera Gunung Tahan • The Secret Diary Of Adrian Mole Aged 13 3/4 • Seni Kaligrafi Islam
• Stargate • Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu • Thick Face, Black Heart: The Asian Path To Thriving, Winning
And Succeeding • This Earth Of Mankind • Footsteps • Child Of All Nations: A Novel • House Of Glass •
Angles Of Reflection: Logic And A Mother's Love • Bukit Kepong • Buku Panduan Lengkap Penjagaan Ibu Dan
Anak • Can Asians Think? • Dare To Fail • Dari Lembah Ke Coolibah • Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan
Dalam Bahasa Melayu • Fishing Forays: An Angler's Travels In Malaysia • Gayat • Good Kids, Bad Behavior:
Helping Children Learn Self-Discipline • Great Expectations • Gung Ho! Turn On The People In Any
Organization • Hari Kiamat • Komunikasi Untuk Pemimpin • Latticework: The New Investing • The Leader In
You: How To Win Friends, Influence People And Succeed In A Changing World • Les Misérables • Life Is
Tremendous • The Magic Of Thinking Big = Berfikir Dan Berjiwa Besar • Malay Sketches • Meneroka Alam
Remaja • Meniti Kaca • The Mirror Image Ghost • The Missing Piece Meets The Big O • On The Frontiers Of
Management • The Partner • Pengajaran Wacana • Penjelasan Budaya Ilmu • Perlumbaan Kedua • Personality
Plus: How To Understand Others By Understanding Yourself • Pewaris • Pilot Café • Rich Kid Smart Kid: Giving
Your Child A Financial Head Start • Semangat Hutan • SQ - Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence •
Tafsir Quran Karim: Bahasa Indonesia • The Timeless Leader: Lessons On Leadership • War And Peace •
Wasiat Ibu • A Wild Herb Soup: The Life Of A French Countrywoman • You Are What You Believe • Yujia • The
Chrysalids • Daughter Of Persia: A Woman's Journey From Her Father's Harem Through The Islamic
Revolution • Do They Hear You When You Cry • 84, Charing Cross Road • Falling Leaves: The True Story Of An
Unwanted Chinese Daughter • For Men Of Understanding: The Signs In The Heavens And The Earth • The
Guns Of Navarone and Force Ten From Navarone • The Hobbit: Or There And Back Again • How To Stop
Worrying And Start Living • How To Win Friends And Influence People • Jerusalem In The Qur'an: An Islamic
View Of The Destiny Of Jerusalem Including A Muslim Response To The Attack On America • Keanehan Dan
Keunggulan Buku • Malay Pantuns = Pantun Melayu • A Mighty Collision Of Two Worlds • Mind Power For
Students • The Muslims Of Burma: A Study Of A Minority Group • On Our Own Terms: Portraits Of Women
Business Leaders • The Oxford Book Of Irish Short Stories • Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia •
Rich Dad Poor Dad: What The Rich Teach Their Kids About Money – That The Poor And Middle Class Do Not! •
The Right Mind: Making Sense Of The Hemispheres • Salina • The Seven Habits Of Highly Effective People:
Powerful Lessons in Personal Change • Takkan Melayu Hilang Di Dunia • 20 Most Common Questions About
Islam • War And Anti-War: Survival At The Dawn Of The 21st Century • Who Moved My Cheese? • Anugerah •
Apa Ertinya Saya Menganut Islam • Ceritalah 1: Malaysian In Transition • Ceritalah 2: Journeys Through
Southeast Asia • The Complete International Jew • Dare To Fail • The Fist Of God • God Of The Earth • Hari-
Hari Terakhir Seorang Seniman • Ihya Ulumiddin • Kaum-Kaum Yang Pupus • Kebangkitan Islam Abad Ke 21:
Renaissance Melayu • The Legends Of Langkawi • Matahari Senja • Nadia's Song • The Rice Mother • Sejarah
Melayu • Seribu Satu Malam = Alf laila wa laila • Sleepers • The Soul Of Malaya • Tenggelamnya Kapal Van
Der Wijck • The Vampire Lestat: The Second Book In The Chronicles Of The Vampires



WASIAH IBU

SHRI BOSMAYAN DAWI

SEMANGAT HUTAN

A.K. Zain *Hikayat Seribu Satu Malam***Masuk ke Dalam Cahaya**Edisi Klasik Sasterawan Negeri
Abdullah Hussain

MALAY SYITCH

BY
J. TENISON

N.Y. 352

NEW YORK

orang blasa Diraja: Hayat Zaman Imam Perang Jabor (1858–1921) HASHIM SAM

GOOD KIDS, BAD BEHAVIOR PETER WILLIAMSON, PH.D.

MIND POWER FOR STUDENT by Alan Doyle

HARI KIAMAT

abdul razzaq naufal

Lembah ke Coolibah

TM 221
855.9 BAS

P.J.

TOLSTOY War and Peace

PENGARAH CLASSICS

Salina

Sasterawan Negeri
A.Samad SaidCLEMENS and
ALBRECHT

THE TIMELESS LEA

PENGARAH
CLASSICSWONDERFUL ENCOUNTERS
Keseksamaan Terhadap Masyarakat Dengan Persepsi Berbilang Budaya Di Sekitar Dunia

Daisaku Ikeda

PENERBIT
UKMA.K. Zain *Hikayat Seribu Satu Malam*

TM 5

Silverstein THE MISSING PIECE Meets the BIG O

Harper
Collins2004
2004

ANNE RICE

THE VAMPIRE
LESTATDALE CARNegie
ASSOCIATES INC.

LEVINE & CROOK

The Leader In You

DAUGHTER OF PERSIA

Sattareh Farman Farmaian with Dona Munker

FREDERICK FORSYTH THE FIST OF GOD

Meniti Senja SAWAKO ARIYOSHI

JOHN WYNDHAM THE CHRYSALIDS

SIMONE BERTEAUT PIAF

THE MOST COMMON QUESTIONS ABOUT ISLAM

ROSABETH
MOSS KANTER

On the Frontiers of Management

THE MAGIC OF THINKING BIG David J. Schwartz

APA ERTINYA SAYA MENGANUT ISLAM FATHI YAKUB

ADELINE
YEN MAH

falling leaves

KARIM RASLAN Ceritalah: MALAYSIA IN TRANSITION

YOU ARE WHAT YOU BELIEVE

FOR MEN OF UNDERSTANDING

God of the Earth Ho Thean Foo

FRANK McCOURT ANGELA'S ASHES

SPIRITUAL INTELLIGENCE
THE ULTIMATE INTELLIGENCEDAHAB ZOHAR
IAN MARSHALL

KARIM RASLAN

JOURNEYS THROUGH
SOUTHEAST ASIA

THE MILLIONAIRE NEXT DOOR Stanley / Dan

THE MILLIONAIRE NEXT DOOR Stanley / Dan

THE MILLIONAIRE NEXT DOOR Stanley / Dan

THE 7 HABITS OF HIGHLY EFFECTIVE PEOPLE Stephen R. Covey


PUTRA

YM Che Puan

BUKU PANDUAN
LENGKAP

PENJAGAAN IBU &

Jawatankuasa Penerbitan



PENASIHAT

Y.Bhg. Dato' Zawiyah Baba
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

PENGERUSI

Puan Zainab Ibrahim
Pengarah
Prasarana Ilmu dan Maklumat

TIMBALAN PENGERUSI

Puan Siti Aishah Sheikh Kadir
Timbalan Pengarah
Gerakan Literasi Maklumat

AHLI JAWATANKUASA

Puan Musalmah A. Muiz
Puan Zaleha Zainal Abidin
Puan Ruhana Hussin
Puan Shahliza Adanan
Cik Anisatul Wahidah Wahid
Cik Suriyana Yusof
Encik Chong Soon Kiong



Kandungan

Kata Alu-aluan Yang Berhormat **Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein**
Menteri Pelajaran Malaysia

8

Prakata Yang Berbahagia **Dato' Zawiyah Baba**
Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia

9



Pengenalan

10

Bacaan Kegemaran Saya Bersama **DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra**
Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis,
Y.A.B. Dato' Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Pahang dan
Y.Bhg. Tan Sri Samsudin Bin Osman, Ketua Setiausaha Negara

11

Ulasan Bacaan Kegemaran Saya/

15

My Favourite Read Review 2000-2003

Jadual Persembahan Program Bacaan Kegemaran Saya/

133

My Favourite Read 2000-2003

Indeks Pengarang

142

Indeks Tajuk

149

KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tahniah dan syabas kepada Perpustakaan Negara Malaysia atas inisiatif menerbitkan buku Bacaan Kegemaran Rakyat Malaysia yang bertujuan untuk mencetuskan minat membaca melalui perkongsian bacaan yang digemari oleh rakyat Malaysia.

Penerbitan buku Bacaan Kegemaran Rakyat Malaysia memuatkan pembicara-pembicara buku yang terdiri dari pelbagai profesi dan latarbelakang, pelbagai peringkat umur dan pelbagai bidang perkara yang dibicarakan. Mudah-mudahan buku yang diterbitkan ini akan mempopularkan bacaan kegemaran yang dikongsi bersama di kalangan masyarakat dan seterusnya meningkatkan minat membaca di kalangan rakyat.

Ilmu yang diperoleh memang wajar dikongsi dan dimanfaatkan bersama bagi keperluan semua masyarakat. Melalui pembacaan, minda akan terbuka luas dan perkongsian maklumat akan terhasil dari pembacaan yang tanpa batas. Melalui pembacaan kita berupaya menilai sendiri kepentingan maklumat yang diperoleh. Masyarakat yang berjaya adalah masyarakat yang bermaklumat dan kaya dengan ilmu pengetahuan. Amalan membaca adalah amat penting untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berilmu. Hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berasaskan ilmu sukar dicapai sekiranya kadar membaca rakyat berada pada tahap yang rendah.

Saya berharap penerbitan buku ini dapat membangkitkan minat masyarakat terhadap buku dan ilmu serta meningkatkan kesedaran tentang pentingnya amalan membaca. Kita semua sama ada secara individu ataupun berkumpulan, perlu memberi sumbangan ke arah membina rakyat Malaysia yang meminati ilmu dan mengamalkan budaya membaca sebagai gaya hidup. ‘Amalan Membaca Sepanjang Hayat’ adalah satu aspek terpenting yang harus dipupuk untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju selaras dengan wawasan 2020. Masyarakat yang sejahtera dan berjaya adalah masyarakat yang berbudaya membaca.

Akhir kata, diharapkan penerbitan buku ‘Bacaan Kegemaran Rakyat Malaysia’ akan membawa manfaat kepada semua pihak.

Dato’ Sri Hishammuddin Tun Hussein

Menteri Pelajaran Malaysia

Disember 2004

PRAKATA

Sepenuh kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t kerana dengan izinnya Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya menerbitkan buku Bacaan Kegemaran Rakyat Malaysia hasil dari bicara buku kegemaran peserta-peserta Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) Bulan Membaca Kebangsaan bermula pada tahun 2000 hingga 2003. Buku ini mengumpulkan sebanyak 120 ulasan yang telah dipersembahkan oleh peserta-peserta program mengenai keistimewaan buku yang menjadi kegemaran mereka. Buku-buku pilihan peserta-peserta ini meliputi pelbagai bidang perkara dan cereka. Pesertanya pula terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, profesion atau pekerjaan serta bangsa dan agama.

Pilihan ulasan buku yang dimuatkan dalam terbitan ini bukan sahaja dari program Bacaan Kegemaran Saya yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia tetapi juga Perpustakaan Awam Negeri-Negeri.

Melalui penerbitan buku ini adalah diharapkan bacaan kegemaran peserta program BKS bukan sahaja dapat dikongsi bersama oleh masyarakat Malaysia tetapi mencetuskan pula minat serta mendorong rakyat untuk membaca dan memanfaatkan bahan bacaan yang dibicarakan. Buku ini memuatkan juga terbitan-terbitan lain oleh pengarang yang sama sebagai maklumat tambahan.

Program Bacaan Kegemaran Saya mengiktiraf mereka yang membaca. Semoga dengan pembukuan ilmu yang dapat dikongsi bersama ini akan menyebarluaskan lagi minat membaca di kalangan rakyat Malaysia serta mendorong kepelbagaian bahan yang dibaca. Buku ini merupakan langkah yang positif ke arah menjadikan amalan membaca sebagai satu budaya rakyatnya.


Teruskan membaca.

Dato' Zawiyah Baba

Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia

Disember 2004

PENGENALAN



Latarbelakang

Buku Bacaan Kegemaran Rakyat Malaysia ini diterbitkan hasil dari Program Bacaan Kegemaran Saya (BKS) yang mula dilaksanakan pada tahun 2000 sebagai projek perintis oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Ia dijadikan sebagai salah satu aktiviti sambutan Bulan Membaca Kebangsaan. Pada tahun 2001, program ini telah berkembang dengan penyertaan lebih banyak perpustakaan yang terdiri daripada Perpustakaan Awam Negeri dan Khusus. Setiap tahun Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan program Bacaan Kegemaran Saya yang melibatkan pelbagai tokoh masyarakat, para profesional, pelajar, selebriti, pensyarah, pakar motivasi dan orang awam. Seramai 131 orang peserta telah menyertai program Bacaan Kegemaran Saya ini selama ia berlangsung dari tahun 2000 hingga 2003.

Di peringkat Perpustakaan Awam Negeri pula, program ini bermula pada tahun 2001 apabila Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Negeri Sabah dan Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan program ini di perpustakaan masing-masing. Pada tahun 2002, beberapa Perpustakaan Awam telah mengadakan program ini tetapi di dalam format yang berlainan seperti Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah mengadakan program bersama Kelab Bayan Budiman iaitu *The Read I Love*, Perpustakaan Awam Pulau Pinang dengan program *Read*

To Me, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang melalui program Pelita Hati dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan melalui Bacalah Bersamaku. Negeri-negeri yang telah menjalankan Bacaan Kegemaran Saya pada tahun 2002 ialah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Perpustakaan Kuala Lumpur, Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis dan Pustaka Negeri Sarawak. Pada tahun 2003, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis, Perpustakaan Negeri Sabah dan Pustaka Negeri Sarawak telah melaksanakan program ini.

Objektif Program

- Mempopularkan bahan bacaan di kalangan rakyat Malaysia
- Melibatkan orang ramai di dalam program-program bacaan
- Menggalakkan aktiviti pembacaan melalui bahan bacaan yang digemari
- Mengadakan perkongsian ilmu melalui pembacaan
- Mengumpul dan menerbitkan Bacaan Kegemaran Rakyat Malaysia

Penyertaan

Penglibatan peserta di dalam program Bacaan Kegemaran Saya dari tahun 2000 hingga 2003 ialah seramai 244 orang. Dari jumlah tersebut 131 orang telah menyertai Program Bacaan Kegemaran Saya di peringkat Perpustakaan Negara Malaysia, 104 orang di peringkat Perpustakaan Awam Negeri dan 9 orang di peringkat Perpustakaan Khusus.

Syarat-syarat Penyertaan

- Mempunyai bahan bacaan kegemaran
- Bersedia membicarakan bacaan kegemaran
- Terbuka kepada orang ramai yang berumur 13 tahun dan ke atas
- Bahan bacaan boleh berbentuk fiksyen atau bukan fiksyen
- Bacaan pilihan telah diterbitkan
- Bahan bacaan hendaklah dalam bahasa Melayu atau Inggeris atau bahasa lain yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau Inggeris
- Membenarkan persempahan ulasan dirakamkan ke dalam bentuk audio/video serta diterbitkan

Persembahan Ulasan

Persembahan ulasan mengambil masa 15-20 minit, diikuti dengan sesi soal jawab dan perbincangan. Setiap sesi diselenggarakan oleh seorang pengurus dan pengacara majlis.

Isi persembahan meliputi:-

- Bagaimana bahan bacaan diperoleh
- Tema dan jalan cerita
- Sebab-sebab bahan bacaan digemari
- Masa dan kekerapan membaca
- Manfaat dan kesan bacaan

Setiap persembahan BKS dibuat rakaman video oleh Bahagian Hipermedia, Perpustakaan Negara Malaysia.

Ulasan Buku

Jumlah ulasan buku yang dimuatkan untuk penerbitan buku Bacaan Kegemaran Rakyat Malaysia ini ialah sebanyak 120 ulasan yang dipilih dari persembahan program BKS yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri. Ulasan buku dari persembahan BKS ini telah dibuat oleh pustakawan-pustakawan PNM.

Penutup

Penerbitan Buku Bacaan Kegemaran Rakyat Malaysia ini merupakan satu usaha Perpustakaan Negara Malaysia ke arah mewujudkan masyarakat yang gemar membaca dan menjadikannya sebagai satu gaya hidup serta mengadakan perkongsian ilmu melalui pembacaan.

BACAAN KEGEMARAN SAYA BERSAMA**DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA****IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, Pemangku Raja Perlis***


Judul Buku: **Putra : Biografi Yang Diperkenankan Tentang Riwayat Hidup
DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail**

Penerbit: London: Shah Alam : Times Edition, 1995

Sebuah buku Biografi yang memuatkan mengenai pemerintahan Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail sebagai Raja Perlis. Buku ini diterbitkan sempena Perayaan Jubli Emas (1945 – 1995) yang bertujuan untuk dijadikan tatapan rakyat jelata supaya rakyat lebih mengenali dengan lebih dekat lagi keluarga Diraja Perlis dan mengetahui pengalaman suka duka Almarhum sebagai '*The Longest Reigning Monarch In The World*' ketika itu.

Biografi ini memuatkan kisah ketika baginda dilahirkan, zaman remaja baginda, zaman perang, zaman pemerintahan baginda sebagai Raja Perlis dan sebagai Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong ke-3 Malaysia serta perihal keluarga baginda. Banyak celoteh peribadi baginda dalam buku ini yang mampu mencuit hati pembaca.

DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra telah memilih buku ini kerana bagi DYMM, "Banyak pengajaran yang boleh diperoleh dari buku ini. Antaranya, ia menonjolkan sikap dan peribadi baginda yang sungguh baik hati yang menjadi kebanggaan rakyat Perlis." Baginda merupakan seorang yang tenang dan periang walaupun mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai pemerintah negara dan negeri Perlis amnya. Buku ini juga memaparkan sikap bertanggungjawab baginda sebagai pemimpin yang walaupun sibuk tetap mempunyai masa untuk bersama keluarga tanpa mengabaikan rakyat jelata. Baginda mempunyai 14 orang putera dan puteri dan telah mendidik putera dan puterinya itu untuk menjadi manusia yang berguna walaupun ia bukanlah satu tugas yang mudah. Walau bagaimanapun hasil didikan yang sempurna yang diberikan oleh baginda dapat dilihat dengan perwatakan yang ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin yang boleh dijadikan sebagai "*role model*". Sikap baginda ini malah menjadi ikutan DYMM Tuanku Syed Faizuddin sebagai Pemangku Raja Perlis yang perlu peka terhadap pembangunan negeri serta kebajikan rakyatnya. Bagi DYMM Tuanku, beliau banyak mewarisi perwatakan Almarhum nendanya.



“...antaranya ia menonjolkan sikap dan peribadi baginda yang sungguh baik hati yang menjadi kebanggaan rakyat Perlis.”

* DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail telah menyertai program Bacaan Kegemaran Saya pada 31 Julai 2002 di pejabat DYMM Pemangku Raja Perlis anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis.

Pengarang: Noor Aini Datuk Abdullah


Memiliki Diploma dalam bidang Pelancongan dan Pentadbiran Perniagaan serta Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang kewartawanan. Buku pertama yang beliau hasilkan berjudul Jadilah Wanita Yang Dikagumi terbitan tahun 1988 telah diisytiharkan sebagai buku terlaris peringkat Kebangsaan beberapa hari sahaja selepas ia dipasarkan. Begitu juga dengan buku keduanya *Malaysian Customs and Etiquette: A Practical Handbook* (1991) telah juga mencatatkan jualan terlaris.

BACAAN KEGEMARAN SAYA BERSAMA

Y.A.B. DATO' SERI ADNAN YAAKOB, Menteri Besar Pahang*

Judul Buku: **Di Bawah Lindungan Kaabah**

Penerbit: Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981



“Hamka telah melahirkan satu karya yang begitu menarik dan menyayat hati sehingga sesiapa yang membacanya pasti akan tersentuh jiwanya.” Itulah yang diperkatakan oleh Y.A.B. Dato’ Seri Adnan bin Yaakob, Menteri Besar Pahang mengenai buku ini. Buku ini menceritakan mengenai kisah seorang sahabat bernama Hamid yang dikenali oleh Dr. Hamka ketika mereka sama-sama menaiki kapal untuk menunaikan haji ke Mekah. Hamid telah menceritakan kisah suka duka hidupnya bermula sejak umurnya empat tahun di mana dia telah menjadi anak yatim piatu dan hidup dalam kemiskinan sehinggalah dia bertemu dengan seorang kaya yang baik hati bernama Haji Jaafar.

Haji Jaafar telah membelanya hingga dewasa. Sepanjang bersama

dengan keluarga ini beliau telah berkawan baik dengan anak gadis Haji Jaafar. Pada mulanya persahabatan mereka hanya sekadar hubungan adik dengan abang tetapi setelah meningkat dewasa perasaan tersebut telah berubah dan tanpa disedari mereka saling mencintai. Malangnya cinta mereka tidak kesampaian kerana tidak dipersetujui oleh Haji Jaafar menyebabkan Hamid mengambil keputusan untuk membawa diri ke tanah suci Mekah. Sepeninggalan Hamid tiada khabar berita yang disampaikan kepada Zainab, hanya sepucuk surat sahaja yang dikirimkannya sebelum belayar ke Mekah dan hanya dengan sepucuk surat itulah Zainab meniti hari dengan penuh harapan.

Menurut Y.A.B. Dato’ Seri Adnan Yaakob, “Cerita ini banyak memberikan pengajaran dan keinsafan kepada saya tentang makna kehidupan. Betapa hidup ini hanyalah sementara dan akhirat jualah tempat kembali.”

**“...betapa hidup ini
hanyalah sementara
dan akhirat jualah
tempat kembali.”**

* Y.A.B. Dato’ Seri Adnan Yaakob telah menyertai program Bacaan Kegemaran Saya pada 24 Julai 2001 di Dewan Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Pahang anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

Pengarang: **Dr. Hamka, 1908-1981**

Merupakan seorang ulama, aktivis politik dan penulis Indonesia yang paling prolif. Dilahirkan pada 17 Februari 1908 di Sumatera Barat dan meninggal dunia pada tahun 1981. Nama sebenar Hamka ialah Haji Abdul Malik bin Karim bin Amrullah. Telah mengasaskan penerbitan majalah Muhammadiyah yang membawanya ke Makasar dan melibatkan diri dalam penerbitan buku mengenai sejarah Islam dan beberapa buah novel.

Beliau telah menghasilkan lebih daripada 100 buah buku mengenai sejarah, biografi, doktrin Islam, tafsir dan fiksyen. Antara karyanya termasuklah Tasyaaf Moden, Falsafah Hidup, Ayahku, Sejarah Umat Islam dan Tafsir Al-Azhar. Telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Kesusastraan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pernah menjadi “Imam besar” Al-Azhar pada tahun 1960.

BACAAN KEGEMARAN SAYA BERSAMA

Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN, Ketua Setiausaha Negara*

Saya membaca untuk hiburan, *relax*, serta menghilangkan penat sebentar

Saya boleh dikatakan seorang pembaca yang agak rambang dari segi pemilihan buku-buku. Banyak buku pilihan saya berkait rapat dengan minat saya terhadap alam semulajadi, dan kebanyakannya adalah buku-buku bergambar yang amat saya minati, iaitu membaca dan melihat tentang hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan. Saya juga suka membaca buku-buku *action packed thriller*. Saya minat kepada penulis yang bernama Frederick Forsyth. Beliau banyak menulis buku-buku *spy thriller/action*. Saya dapat buku beliau amat menarik dan cara penulisannya amat berkesan serta menarik perhatian dengan begitu ketara sekali sehingga apabila kita telah mula membaca adalah sukar untuk melepaskan buku tersebut kerana hendak tahu apa yang akan berlaku seterusnya.

Saya juga gemar melihat buku-buku lama serta kitab-kitab lama, dan salah satu yang saya minati terdapat di Perpustakaan Negara dalam bentuk koleksi manuskrip. Ianya sekadar memenuhi keinginan saya untuk mengetahui apa yang ditulis oleh orang-orang lama tentang agama, sejarah dan sebagainya, kerana minat saya yang mendalam mengenai perkara-perkara sedemikian. Buku-buku sentiasa ada di dalam kenderaan saya, dan saya bawa dari satu tempat ke satu tempat. Itulah masa yang sempat untuk saya membaca, seperti suratkhabar, bahan-bahan bacaan yang perlu dibaca atau perkara-perkara yang menarik minat saya. Semasa *outstation*, saya membawa beberapa majalah atau buku-buku dan menggunakan masa di atas kapalterbang untuk membaca. Saya membaca untuk hiburan, *relax*, serta menghilangkan penat sebentar dari rutin kerja, dan kalau beriadah, membaca mlarikan saya dari hal-hal yang perlu diuruskan sehari-hari.


Saya jarang membaca buku-buku yang bertemakan *romance* atau *love story* kerana ia boleh menimbulkan bermacam fikiran. Seperti juga siaran tv, saya tidak suka menonton cerita-cerita drama kerana akan mencetus bermacam-macam persoalan dalam diri saya, kenapa tidak begini atau begitu, dan sebagainya. Buku-buku begini juga boleh mencuit hati begitu rupa dan memberi kesan. Oleh yang demikian, pada satu ketika saya beralih ke *action packed* kerana buku-buku demikian senang dilupakan.

Walau bagaimanapun cara penulisan juga memberi kesan kepada kita, dari segi mencuit rasa, perasaan dan hati. Secara tidak langsung buku-buku dapat meninggalkan kesan dan ini diperoleh dengan membaca. Secara rambang, kita akan tahu setelah membaca sesebuah buku itu. Pernah juga kita membaca sesebuah buku dan kemudian tinggalkan tanpa menamatkan bacaan buku tersebut, kerana gaya bahasa dan jalan cerita yang tidak begitu sesuai dan menyusahkan kita untuk membaca, dan oleh itu kita tinggalkan.

Saya berpendapat minat membaca perlu dididik dan diasuh. Sebagai seorang yang ingin anaknya membaca kadang-kadang kita "over" atau keterlaluan kerana anak yang belum tahu apa-apa lagi kita telah belikan buku-buku yang anak belum dapat menguasainya lagi. Sepatutnya kita mulakan dengan memberi buku-buku bergambar yang menarik untuk mendidik dan menarik minat anak untuk membaca secara perlahan-lahan. Dengan cara itu, kita dapat mengasuh anak-anak untuk membaca. Saya ingat masa kecil dahulu, semasa di sekolah hanya terdapat buku-buku teks dan bacaan utama ialah suratkhabar. Saya belajar membaca dengan suratkhabar kerana itu sahaja bahan yang ada. Majalah tidaklah sebanyak sekarang. Kawan-kawan seangkatan saya juga mulai minat membaca melalui suratkhabar. Televisyen pun belum ada lagi, hanya radio sahaja.

Minat membaca perlu ditanam dari kecil lagi, dan di sekolah-sekolah perlu disediakan bahan-bahan bacaan yang boleh menarik minat pelajar dalam pelbagai perkara. Ramai daripada kita mula minat membaca apabila mengambil *English literature*. Dalam pada itu juga, kertas SPM bahasa Melayu banyak memberi ruang untuk pelajar-pelajar kita membaca sastera-sastera Melayu.

Kementerian dan Jabatan Kerajaan sekarang menyediakan perpustakaan dan kita lihat perpustakaan-perpustakaan ini mempunyai koleksi buku dan majalah, bagi memberi kesempatan untuk pegawai membaca. Salah satu yang disarankan dari segi dasar ialah pembelajaran berterusan, iaitu meningkatkan ilmu dan pengetahuan secara berterusan. Sistem Saran Malaysia menuntut kompetensi untuk anjakan gaji, serta lulus PTK sebagai salah satu kriteria bagi pertimbangan untuk kenaikan pangkat, dan ini menuntut pegawai-pegawai untuk membaca. Bukan sahaja membaca perkara yang mereka perlu tahu untuk menjadi pegawai kerajaan yang baik yang menjurus kepada kecekapan am mereka. Tetapi juga membaca bahan-bahan yang lain untuk meningkatkan pengetahuan. Kita memang mempunyai peluang dan kemudahan untuk pegawai membaca. Semasa di INTAN, pegawai-pegawai digalakkan membaca buku-buku pengurusan yang menjadi *best seller* dan seterusnya membuat persembahan mengenai buku yang telah dibaca. Saya ingin menganjurkan usaha-usaha sedemikian bagi menggalakkan pegawai-pegawai membaca.



Sekarang saya teruskan minat membaca buku-buku lama serta penulisan sedemikian, dan saya merasa amat gembira perpustakaan mempunyai koleksi manuskrip yang lama. Saya minat melihat tulisan jawi yang cantik dengan perkataan yang mudah, tetapi perlu melihat agak lama baru dapat difahami. Manuskrip mengandungi ilmu yang sukar dicari melainkan kita tahu pengarangnya. Contohnya buku-buku tentang orang-orang istana mengajar Raja-Raja yang lama. Ini dibukukan dan dijadikan Kitab di mana Raja-Raja dahulu faham tentang ajaran Islam dan ini amat berguna untuk dibaca. “*The presentation itself is an art.*” Buku-buku lama perlu pemahaman. Saya melihat tulisan tangan jawi yang cantik dan ini memberi kepuasan kepada saya. Saya suka membaca buku-buku *original* di mana ia memberi satu daya tarikan. Buku-buku klasik banyak diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia. Bila membaca buku klasik ini kita akan dapat menyelami budaya, tempat dan suasana yang berbeza daripada apa yang kita ada.

Mengenai pandangan yang menyatakan bahawa masyarakat kita kurang membaca, kita telah mengadakan pelbagai usaha untuk menarik minat membaca, dan segala yang dipromosikan telah ada hasilnya. Contohnya majalah semakin bertambah termasuk buku-buku, novel-novel sebagai *indicator* bahawa minat membaca telah meningkat dan menggalakkan. Apa yang dibaca adalah sebahagian kecil ilmu yang ada di dunia dan tiada tempoh masa yang menyatakan kita telah cukup membaca, apatah lagi kita mengamalkan prinsip pembelajaran yang berterusan. Dengan membaca kita boleh memperoleh ilmu dan sekiranya kita tidak membaca, sesuatu yang terletak untuk kita terokai dan fahami akan tertutup untuk selama-lamanya, dan ini bukan sahaja majalah hiburan malah perkara-perkara lain juga.

* Ulasan ini adalah berasaskan transkrip temu bual bersama Y.Bhg. Tan Sri Samsudin bin Osman pada 1 Jun 2004 untuk video khas Bacaan Kegemaran Saya terbitan Perpustakaan Negara Malaysia.

Judul Buku: All Fall Down

Penerbit: Oxford: Oxford University Press, 1983

All Fall Down yang menceritakan tentang sekumpulan binatang yang biasa dilihat oleh kanak-kanak telah menjadi buku kegemaran Puan Samsul Khamariah yang pakar dalam aktiviti bercerita terutamanya kepada kanak-kanak. Beliau memilih buku ini kerana tertarik dengan tajuknya dan kesesuaianya dijadikan bahan bagi sesi bercerita yang dikendalikan. Buku ini walaupun ‘simple’ tetapi amat berguna untuk pembelajaran. Malah menurut Puan Samsul, “Ianya mempunyai unsur *suspens* dan boleh dikaitkan dengan kehidupan.” Beliau akan menggunakan daya kreativitinya untuk mengolah unsur-unsur tersebut ke dalam bentuk cerita sambil menyelak helaian demi helaian buku ini sehingga kanak-kanak merasakan seolah-olah mereka mengalami apa yang diceritakan. Contohnya dari mengenali perkataan *bee*, *butterfly*, *bird* dan *seal* ianya boleh dikaitkan dengan madu, bunga, tebuan dan lebah. Begitu juga dengan perkataan *ball* yang ditulis penuh warna warni boleh dikaitkan dengan pelangi dan seterusnya lagu Pelangi boleh dinyanyikan bersama kanak-kanak.

“Ianya mempunyai unsur suspen dan boleh dikaitkan dengan kehidupan.”

**Brian Wildsmith, 1930-**

Seorang pelukis berbakat yang dilahirkan di Great Britain. Mula mempelajari seni lukis di sekolah sebelum menyambung pengajian dalam bidang berkenaan di *Slade School of Fine Arts*. Cenderung kepada melukis potret dan objek bergerak seperti burung. Buku bergambarnya yang pertama, *Brian Wildsmith's ABC* yang dihasilkan pada tahun 1996 telah memenangi hadiah *Kate Greenway* manakala buku keduanya, *The Lion and The Rat* (1987) juga telah dicalonkan untuk anugerah yang sama.

Pembicara**Puan Samsul Khamariah Hamzah**

Pustakawan Bahagian Gerakan Membaca
Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: **Angela's Ashes**

Penerbit: Rockland, MA: Wheeler Pub., 1997

"...he talked a lot about humanity and people... in the community... and you go to a different level... they didn't give them the help that they needed."


Dunia glamour tidak menghalang Kavita untuk membaca. Malah buku pemberian seorang sahabat berbangsa Irish telah berjaya menambat hatinya untuk menjadikan ia sebagai buku kegemarannya kerana, *"his style of writing is so simple... and he writes it through the eyes of a young boy... it's so tragic, the story, he's put in so much of humour."*

Buku ini mengisahkan mengenai seorang kanak-kanak lelaki berbangsa Irish yang membesar dalam sebuah keluarga yang miskin. Dia kemudiannya berhijrah ke Amerika Syarikat untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Nyata usahanya itu berhasil apabila dia akhirnya menjadi seorang yang berjaya walaupun

tidak berpendidikan tinggi. Buku ini juga menceritakan mengenai keperitan dan ketabahan seorang ibu di dalam membesarkan anak-anak sehingga mereka menjadi orang yang berjaya.

Angela's Ashes adalah sebuah novel yang membuktikan kepekaan penulis terhadap soal-soal kehidupan dan isu-isu masyarakat di Ireland. Menurut Kavita, *"he talked a lot about humanity and people... in the community... and you go to a different level... they didn't give them the help that they needed."* Antara mesej yang cuba dibangkitkan oleh penulis ialah bagaimana golongan miskin telah tidak diberi peluang hanya kerana kemiskinan mereka.

Menurut Kavita, *"there are lots of things that make you think about how people can be just by judging how they looked."* Beliau menambah lagi, *"this book has become such an international best seller that a lot of people are exposed to the situation in Ireland."*



Frank McCourt, 1930-

Lahir di Brooklyn, New York dari keturunan Irish yang berhijrah ke Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun beliau membesar di Limerick, Ireland. Bertugas sebagai pendidik selama 30 tahun di beberapa buah sekolah dan kolej di New York City. *Angela's Ashes* ialah memoir zaman kecil McCourt yang memenangi hadiah Pulitzer pada tahun 1997, *National Book Critics' Circle Award* dan *Los Angeles Times Award*. Buku ini telah diadaptasi ke filem pada tahun 1999.

Beliau juga telah menulis *The Irish and How They Got Away* yang kemudiannya dipentaskan. Buku biografi keduanya ialah *'Tis*.

Pembicara

Cik Kavita Kaur Sidhu

Peragawati Antarabangsa, Penerbit, Pelakon Filem dan TV

Judul Buku: **The City Of Joy**

Penerbit: London: Arrow Books, 1992

Tuan Haji Annuar Ayub amat meminati buku-buku yang memperkatakan mengenai kehidupan manusia kontemporari; tentang adat resam dan kehidupan sehari-hari. Menurut beliau, "Watak-watak yang diceritakan mestilah selaras dan mencerminkan realiti kehidupan sebenar masa sekarang serta berdasarkan kepada kisah benar yang dialami oleh masyarakat seantero dunia." Beliau tertarik dengan buku ini kerana ia telah diadaptasi ke filem yang boleh ditonton.

Buku ini mengisahkan pengalaman hidup seorang paderi yang telah menetap bersama-sama penduduk Calcutta, India yang daif. Ia memaparkan realiti kehidupan sebenar masyarakat Calcutta seramai 10 juta orang yang hidup tanpa kemudahan asas yang sepatutnya ada di bandar besar. Gambaran ini dijelaskan oleh Annuar dengan memetik, "...kedaifan Asari tinggal sehelai sepinggang di Calcutta sehingga terpaksa menggantung kain-kain buruknya untuk mendapat air dari hujan yang turun, lalu diperah untuk diminum." Kedaifan hidup ini telah memaksa golongan kelas bawahan membuat satu pakatan di kawasan Nagalight yang dipengaruhi oleh parti komunis China. Paderi ini pula telah dituduh sebagai tali barut British. Walau bagaimanapun beliau telah dibela oleh penduduk di situ yang telah menganggap dan menerima beliau sebagai sebahagian daripada mereka.

"...kedaifan Asari tinggal sehelai sepinggang di Calcutta sehingga terpaksa menggantung kain-kain buruknya untuk mendapat air dari hujan yang turun, lalu diperah untuk diminum."

Dominique Lapierre

Seorang wartawan Perancis yang memperjuangkan nasib golongan miskin di India.

Buku *The City of Joy* ini telah diadaptasikan ke filem. Novel-novel lain yang ditulis termasuklah *Beyond Love* (1992) dan *A Thousand Suns* (2000).

Pembicara

Tuan Haji Annuar Ayub

Ahli Persatuan Sejarah Malaysia



Judul Buku: Detik Sejarah Rundingan Baling

Penerbit: Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1985

Buku ini menjadi pilihan WAHBA kerana ia telah meninggalkan satu kenangan manis apabila beliau sendiri dapat bertemu dengan tokoh yang terlibat dengan peristiwa Rundingan Baling. Buku Detik Sejarah Rundingan Baling ini mengisahkan tentang sejarah kemasukan pengaruh komunis di Tanah Melayu. Parti Komunis di Tanah Besar Cina telah menjadikan Tanah Melayu sebagai satu tempat yang strategik untuk memperkembangkan ideologinya. Ini berikutan dari sikap penjajah British waktu itu yang banyak mengabaikan dan menindas rakyat. Penduduk yang cuba menentang telah terpengaruh dengan ideologi komunis yang pada tanggapan mereka 'sama-sama memperjuangkan keadilan.' Menurut WAHBA, "Orang Melayu masuk komunis bukan kerana fahaman tetapi untuk menentang penjajah British." Beliau menambah lagi, "Kalau kita nak tahu pasal sejarah komunisme di Malaysia dan nak tahu siapa yang terlibat di dalam komunis; mereka yang bergerak cergas di Malaysia seperti Chin Peng, Rashid Maidin dan Abdullah Sidi, semuanya dapat dijawab dalam buku ini." Buku yang mengambil masa selama setahun untuk disiapkan ini merupakan bukti yang amat berharga di dalam usaha menjaga khazanah sejarah bangsa dan negara.

**"Orang Melayu
masuk komunis
bukan kerana
fahaman tetapi
untuk menentang
penjajah British."**


Wan Hamzah Awang, 1948-

Lebih dikenali dengan nama WAHBA. Detik Sejarah Rundingan Baling menceritakan mengenai komunisme di Tanah Melayu. Kesinambungan kepada buku ini ialah Baling Membuka Jalan Damai yang diterbitkan pada tahun 1994. Lain-lain karya yang dihasilkan ialah Editor (1991); Hidup Meniti Ranau; Biografi Pak Sako (1991) dan Manusia P. Ramlee (1993).

Pembicara

Encik Wan Hamzah Awang

Editor Jurnal Pemikir
Pengarang Sastera
Bahagian Majalah Utusan



Judul Buku: **Echoes**

Penerbit: New York: Viking, 1986

Kecenderungannya untuk mendalami kisah-kisah masyarakat telah menarik minat Puan Maznah untuk mendapatkan buku ini. *Echoes* adalah buku hasil karya Maeve Binchy yang dibelinya di Kedai Buku Koperasi Universiti Malaya. *Echoes* mengisahkan mengenai usaha seorang gadis bernama Claire yang dibesarkan di sebuah *Convent* untuk keluar dari belenggu kedaifan hidup di kampungnya di Castlebay, Ireland. Cerita ini juga memaparkan mengenai keprihatinan seorang guru yang memberi bimbingan dan sokongan moral kepada Claire untuk mencapai kejayaan. Gadis gigih ini tabah mengejar kejayaan demi membuktikan kepada masyarakat dan keluarga bahawa anak tersisih sepertinya juga boleh berjaya.

Echoes merupakan sebuah buku yang menarik. Penulisnya berjaya menyampaikan mesejnya dengan berkesan. Novel ini turut memberi gambaran sebenar kehidupan masyarakat secara umumnya seperti kata Puan Maznah, "Di mana-mana juga di dunia ini, manusia adalah sama; ada perasaan; *social life* adalah sama, harapan sama, semuanya sama." Bagi beliau, kekuatan buku ini terletak kepada jalan ceritanya yang menarik. Ia menyedarkan pembaca bahawa semangat kekitaan sememangnya wujud dalam setiap masyarakat. Maeve Binchy juga berpandangan bahawa masyarakat banyak mempengaruhi kehidupan seseorang individu.


**"Di mana-mana juga di dunia ini,
manusia adalah sama; ada
perasaan; *social life* adalah sama,
harapan sama, semuanya sama."**

Maeve Binchy

Dilahirkan dan mendapat pendidikan di Dublin sebelum menetap di Dalkey, Ireland. Beliau merupakan wartawan untuk *The Irish Times* sejak tahun 1969. Buku-buku lain yang dihasilkan ialah *Circle of Friends* (1991); *The Glass Lake* (1996); *Tara Road* (2000) dan *Nights of Rain and Stars* (2004).

Pembicara

Puan Maznah bt. Itam
Pembantu Perpustakaan
Jabatan Kimia



Judul Buku: Edith Piaf

Penerbit: London: Penguin Books, 1973

Edith Piaf adalah satu nama besar dalam bidang seni yang telah 'diangkat' oleh rakyat Perancis sebagai legenda. Edith Piaf telah memulakan kerjayanya sebagai seniman jalanan seawal usia 5 tahun bagi menampung kehidupan keluarganya yang sangat miskin. Beliau tidak mempunyai pendidikan formal dalam bidang muzik tetapi berbekalkan bakat semulajadi yang ada serta usaha yang gigih, beliau akhirnya berjaya mengecap kejayaan sehingga menjadi idola yang disanjungi oleh rakyat Perancis. Sebagai penyanyi, penulis lirik dan pengubah lagu, jelas membuktikan bahawa Edith Piaf merupakan insan seni sejati.

Gaya hidup Edith Piaf yang '*simple*' telah menarik minat Shuhaimi Baba untuk membaca buku ini tanpa jemu. Menurut Shuhaimi, "Buku ini memuatkan gambar-gambar yang diambil dari filem mengenai Edith Piaf dan turut memasukkan lirik lagu yang ditulis oleh Edith dalam bahasa Perancis. Saya membaca buku ini berulangkali, mempunyai koleksi lagu-lagu Edith Piaf di dalam bahasa Perancis serta menghafal kebanyakan lagu-lagu beliau di dalam bahasa Perancis kerana ia mempunyai ciri-ciri *evergreen* yang kekal sepanjang zaman."

Walaupun Edith Piaf bertubuh kecil, namun nada dan kemerduan suaranya sukar ditandingi. Beliau disanjungi oleh rakyat Perancis yang sentiasa menyokong Edith Piaf walaupun kisah hidupnya diselubungi percintaan, perkahwinan dan perceraian. Di akhir hayatnya, pada tahun 1962, Edith Piaf masih mampu mengadakan konsert terakhir bagi memenuhi permintaan para peminatnya walaupun beliau ketika itu sedang 'berperang' dengan penyakit *multiple sclerosis* yang dihidapinya yang membawa kepada kematiannya pada tahun 1963. Begitulah lambang ketinggian jiwa seni yang dimiliki oleh Edith Piaf. "Itulah yang menjadi satu tarikan yang kuat kepada saya sehingga menggunakan lagu-lagu Edith Piaf sebagai sumber inspirasi. Saya kini sedang mengadaptasikan watak Edith Piaf dengan menggunakan watak melayu... dan tajuknya saya namakan Malu Bukit Cium yang kini dalam proses penyuntingan," kata Shuhaimi Baba sebagai mengakhiri ulasan.

"Itulah yang menjadi satu tarikan yang kuat kepada saya sehingga menggunakan lagu-lagu Edith Piaf sebagai sumber inspirasi..."


Simone Berteaut, 1918-

Lahir di Lyons, Perancis sebelum mengikut ibunya berpindah ke Paris. Mendapat pendidikan tidak formal dan mula bekerja di kilang ketika berusia 11 tahun. Beliau telah bertemu dengan Piaf yang merupakan saudara tirinya selepas dua tahun kemudian. Pertemuan ini telah mengubah kehidupan mereka berdua apabila mereka telah menjadi penyanyi jalanan dan tinggal bersama selama 30 tahun. Cerita Edith Piaf telah diadaptasikan ke filem pada tahun 1974 dan ke televisyen pada tahun 1984.

Pembicara

Cik Shuhaimi Baba

Penerbit dan Pengarah Filem



Judul Buku: **Financial Freedom:**
Your Guide To Lifetime Financial Planning

Penerbit: Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Mutual Fund, 1998


*“...this is the first non-fiction
book that almost made
me cry ...it's true...”*

Ramai yang beranggapan bahawa buku-buku yang membincarkan mengenai ekonomi dan kewangan amat membosankan. Cik Jaini Onggai juga tidak terkecuali daripada beranggapan sedemikian tetapi setelah membaca buku ini yang ditulis oleh tiga orang pengarang yang pakar dalam bidang kewangan, persepsi beliau telah berubah. Semuanya bermula apabila seorang rakan telah mencadangkan kepada beliau agar membaca buku ini setelah beliau menceritakan masalah kewangan yang dihadapi. Menurut Cik Jaini, *“I can't stop ...this book is very, very interesting.”*

Bagi beliau buku ini menggunakan bahasa yang amat mudah difahami dan digarap seakan-akan sebuah novel. Ia bukan sahaja memasukkan fakta-fakta mengenai kewangan tetapi menyelitkan juga cerita tujuh karektor yang mewarnai lagi corak penyampaian serta memudahkan pembaca memahami keseluruhan isi kandungan buku ini.

Buku yang diolah mengikut perspektif Malaysia ini amat sesuai dibaca terutama sekali bagi mereka yang menghadapi masalah kewangan dan bagi mereka yang memulakan penghidupan baru seperti baru mendirikan rumah tangga, berpindah ke rumah baru dan baru bertukar kerja.

Cik Jaini mencadangkan agar sesiapa sahaja yang menghadapi masalah kewangan sepertinya agar membaca buku ini. Katanya, *“...this is the first non-fiction book that almost made me cry ...it's true... I just want to recommend everyone to read this book.”*



Edmond Cheah

Beliau merupakan Ketua Pengarah Eksekutif KL Mutual, akauntan bertauliah terlatih dan banyak pengalaman dalam bidang audit, pengurusan dana, perancangan korporat dan perbankan.

Wong Boon Choy

Pengurus Besar Kanan KL Mutual. Bertanggungjawab menubuhkan *Federation of Malaysian Unit Trust Managers*.

Alex Sito

Ketua Jabatan Perancangan Pemasaran dan kewangan KL Mutual.

Rajen Devadason

Beliau pernah memenangi hadiah kewartawanan. Karya pertama beliau ialah *Your A-Z Guide to the Stock Market* (1997).

Pembicara

Cik Jaini Onggai

Pustakawan Bahagian Terbitan Bersiri Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: **Flowers For Algernon**

Penerbit: Oxford: Heinemann Educational, 1966


Flowers For Algernon adalah sebuah buku yang berjaya memenangi hati Dato' Dr. Zaiton untuk menjadikannya sebagai buku kegemaran beliau kerana, "...the stories and incidences in the book make me cry." Buku ini mengisahkan mengenai seorang lelaki bernama Charlie Gordon yang terencat akal, walaupun telah berusia 32 tahun tetapi Charlie masih bersifat keanak-anakan. Disebabkan terlalu ingin menjadi pandai, Charlie telah bersetuju untuk menyertai satu program ujikaji *guinea pig programme*.

Penulis telah membahagikan buku ini kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengisahkan mengenai kehidupan Charlie sebelum menyertai ujikaji. Manakala bahagian kedua pula menceritakan mengenai keadaan beliau setelah melalui pembedahan dan menyertai program ujikaji yang diadakan. Di makmal ujikaji inilah Charlie telah bertemu dan bersaing dengan Algernon, seekor tikus yang bijak.

Penulis telah berjaya membongkar konflik perasaan yang dialami oleh Charlie secara bijak apabila beliau dapat memahami apa sebenarnya yang telah berlaku kepada dirinya sebelum beliau menjadi pandai. Ia mengembalikan semula ingatan Charlie kepada peristiwa bagaimana beliau didera dan disisihkan oleh ibu dan keluarganya, dipermainkan serta 'diambil kesempatan' oleh mereka yang dianggap sebagai kawan. Menurut Dato' Dr. Zaiton, "one thing unique about this book is that it is written in the form of a diary or a log book or ...journal." Oleh itu pembaca sendiri dapat melihat perkembangan Charlie di peringkat pra pembedahan dan selepas pembedahan. Beliau juga berpendapat bahawa penulis telah menyelitkan banyak unsur-unsur psikologi di dalam buku ini yang dikategorikan sebagai buku fiksyen sains.

Antara pengajaran yang dapat diambil dari buku ini ialah, "mothers... will learn that that's not the way to treat the child who you think is not at par with your other child or other children." Buku yang diolah dengan cara menarik ini memang menarik untuk dibaca. Oleh itu Dato' Dr. Zaiton mencadangkan kepada semua agar membaca buku ini.

**"one thing unique about this book is that
it is written in the form of a diary or a log
book or ...journal."**



Daniel Keyes

Lahir di Brooklyn, New York pada 9 Ogos 1927. Berkelulusan Jjazah psikologi dari *City University of New York* dan kini bermastautin di Florida. Pernah berkhidmat sebagai tentera laut, editor majalah dan profesor di beberapa buah universiti.

Buku *Flowers for Algernon* telah diadaptasikan ke filem, drama televisyen, pementasan teater dan diaudiokan. Pementasan teater telah dibuat di Perancis, Poland dan Jepun.

Lain-lain karya yang dihasilkan termasuklah *The Fifth Sally: A Novel* (1980); *Unveiling Claudia: A True Story of Serial Murder* (1986); *The Minds of Billy Milligan* (1995) dan *The Touch* (2003).

Pembicara

Y.Bhg. Dato' Dr. Zaiton Osman
Ketua Pustakawan
Universiti Malaya

Judul Buku: **Giant Steps:** **Small Changes To Make A Big Difference**

Penerbit: New York: Fireside Book, 1994

Buku *Giant Steps* telah menjadi pilihan Mohd Fauzi Shafie kerana kenipisan dan kepadatan isinya. Menurutnya, "Walaupun kecil... *it needs speed of thinking* untuk faham." Buku ini telah dibeli oleh beliau pada tahun 1995 dan dijadikan bacaan kegemarannya kerana ia bukan sahaja sesuai untuk dibaca tetapi juga dijadikan sebagai rujukan ketika memberikan ceramah.

Giant Steps adalah intisari kepada buku *Awaken the Giant Within* hasil karya Anthony Robbins pada awal tahun 1980an. Pada asasnya buku ini membincangkan mengenai elemen-elemen untuk berubah, mengenal diri sendiri dan membentuk peribadi. Robbins telah membincarkan mengenai teknik-teknik, prinsip-prinsip dan strategi-strategi untuk menguasai diri. Antara elemen penting yang ditekankan oleh Robbins dalam membuat perubahan adalah keupayaan membuat keputusan, memberikan tumpuan dalam pekerjaan serta nekad di dalam menentukan matlamat hidup. Penulis juga telah memberikan 6 langkah utama yang perlu dilakukan untuk berubah.

Bagi Mohd. Fauzi Shafie, buku ini dapat membantu pembaca untuk mengenali diri sendiri. Beliau berpendapat, "Anthony Robbins telah berjaya membuktikan bagaimana untuk mendapatkan natijah yang maksima daripada... masa yang minima."


Anthony Robbins, 1960-

Selain daripada menulis buku mengenai motivasi, beliau juga merupakan seorang penceramah, pengasas dan penyokong kepada "neuroassociative conditioning" yang berasaskan kepada "neurolinguistic programming" (NLP). Buku *Awaken the Giant Within* (1992) dan *Unlimited Power* (1997) adalah antara karya beliau yang laris dijual.

Pembicara

Tuan Haji Mohd Fauzi Shafie
Perunding Sumber Manusia

"Anthony Robbins telah berjaya membuktikan bagaimana untuk mendapatkan natijah yang maksima daripada... masa yang minima."



Judul Buku: The Heart Of Darkness


Penerbit: New York: Dover Pub., 1990

Buku yang membicarakan mengenai kejahatan melawan kebaikan atau *evil versus goodness*, juga kekejaman bangsa kolonial kulit putih ke atas kaum peribumi karya Joseph Conrad yang diterbitkan pada tahun 1901 telah menjadi buku kegemaran Encik Khairy Jamaluddin. Menurut beliau, "...di universiti saya membaca buku ini secara sukarela sekali lagi oleh kerana tema di dalam buku ini ada hubungkaitnya dengan kehidupan kita."

Terdapat dua watak utama dalam cerita ini iaitu Charles Marlow dan Kurtz. Marlow telah diarahkan oleh syarikatnya untuk mencari Kurtz yang dilaporkan hilang di Belgian Congo, Afrika. Bagi Marlow perjalanan ini merupakan perjalanan fizikal dan juga spiritual. Fizikal kerana ingin mencari Kurtz dan spiritual kerana beliau berjaya mengenali dirinya sendiri.

Di sepanjang perjalanan beliau telah melihat berbagai kekejaman dan penindasan yang dilakukan oleh bangsanya ke atas penduduk peribumi Afrika. Orang kulit putih yang melabelkan kaum peribumi sebagai *savages* merupakan *savages* yang sebenar dilihat dari cara mereka melayan penduduk peribumi sebagai hamba abdi, tanpa belas kasihan dan penuh kekejaman. Ekoran dari itulah, beliau mula memahami akan kekurangan dalam diri Kurtz. Malah beliau telah menemui Kurtz dalam keadaan yang amat daif dan hampir maut. Berbeza dengan keadaan beliau sebelum ini yang amat disegani dan dihormati oleh orang kulit putih dari Afrika. Sebelum Kurtz meninggal dunia, dia menjerit, "*the horror, the horror*" yang menggambarkan bahawa Kurtz seakan mengetahui bahawa dia sedang menuju kebinasaan dan bukannya ke 'syurga'.

Bagi warga Afrika, buku ini merupakan sebuah karya yang berunsur prejudis dan perkauman. Walaupun begitu bagi Encik Khairy beliau berpendapat pengarang hanya menggambarkan apa yang dilihat oleh orang kulit putih apabila berada di Afrika atau negara-negara yang sedang membangun. "Keadaan ini mungkin sama dengan persepsi kita terhadap orang lain apabila kita berada di negara mereka", ujar Encik Khairy. Beliau mengesyorkan, "*I would recommend this book to anyone interested in politics and the human condition.*"



Joseph Conrad, 1857-1924

Nama sebenarnya ialah Jozef Tendor Konred Nalecz

Korzeniowski yang dilahirkan di Ukraine pada tahun 1857 dan menjadi yatim ketika masih kecil apabila bapanya meninggal dunia. Beliau kemudiannya dipelihara oleh bapa saudaranya sehingga usia 25 tahun. Pada tahun 1874, beliau belayar ke Marseilles dan memasuki tentera laut Perancis sebelum menyertai Perkapalan British pada tahun 1878 sebagai aperantis. Beliau memperoleh kerakyatan British dalam tahun 1886 dan lapan tahun selepas itu novelnya yang pertama berjudul *Almayer's Folly* telah dihasilkan. Novel lainnya ialah *Lord Jim*, *Typhoon*, *Nostromo*, *The Secret Agent* dan *Under Western Eyes*. Beliau meninggal dunia pada tahun 1924.

Pembicara

Encik Khairy Jamaluddin

Pegawai Khas kepada
Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri

"Orang kulit putih yang melabelkan kaum peribumi sebagai *savages* merupakan *savages* yang sebenar..."

Judul Buku: **Hidup Untuk Menang:**
Kalau Bukan Untuk Menang Untuk Apakah Hidup Ini?

Penerbit: Kuala Lumpur: SN Future Enterprise, 1996

Buku Hidup Untuk Menang memberikan kaedah yang jitu untuk mencapai kemenangan dan kejayaan dalam apa jua bidang. Buku ini juga memuatkan pelbagai panduan dan teknik yang praktikal yang boleh diaplikasikan dalam hidup. Menurut Bibi, dia amat tertarik dengan buku ini memandangkan ia memperkatakan mengenai penghijrahan daripada 'kekalah' kepada kemenangan'. Buku ini menjadi pilihan Bibi kerana, "...sebagai seorang pelajar saya dapat melaksanakan teknik-teknik yang terdapat dalam buku ini ...dan apabila saya membacanya berulangkali, ianya telah memberi kesan kepada diri saya sendiri, diri dengan persekitaran serta mengaplikasikan kaedah komunikasi yang dikemukakan ketika bersama dengan rakan-rakan."

"...sebagai seorang pelajar saya dapat melaksanakan teknik-teknik yang terdapat dalam buku ini."


Nor Bibi Maslina merupakan seorang pelajar yang kerap mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia untuk mengulangkaji pelajaran. Beliau telah menemui buku ini ketika mencari bahan untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah. Menurut beliau apa yang dipelajari daripada buku ini mampu mendorong setiap pembaca untuk mencapai kejayaan dan kemenangan serta yakin mengatakan bahawa; Hidup Untuk Menang!

Razzi Armansur

Selain buku ini beliau juga menulis buku Dalam Kesempitan Ada Kesempatan (1998) dan Berkongsi Untuk Berkembang.

Pembicara

Cik Nor Bibi Maslina bt. Jusoh
 Pelajar
 Kolej SAL, Kuala Lumpur





Judul Buku: **Listen to The Quiet:**
The Gentle Art Of Nourishing Your Soul

Penerbit: Eugene, Oregon: Harvest House Publishers, 2000

Kali pertama terpandang buku ini di sebuah kedai buku di Los Angeles, hati Puan Sri Zaleha terus terpikat untuk mengamati, malah membeli lalu memilikinya. Buku ini amat 'menyentuh' jiwa beliau memandangkan beliau amat menghargai masa-masa bersendirian yang beliau miliki. Ujar beliau, "*listening to the quiet helps us to be better mothers, better daughters, better friends, better sisters and better wives tomorrow than we are today.*" "*This sort of book can be related to situations which confront me and sometimes, when I can't find a solution to my problem, I listen to the quiet, and it helps a lot.*"

Sebagai seorang ibu yang telah membesar 7 orang anak dengan karenah masing-masing, Puan Sri menasihatkan kepada pembaca agar meluangkan masa untuk bersendirian bagi melakukan sesuatu aktiviti yang digemari tanpa merasa bersalah untuk meninggalkan anak-anak buat seketika; "Masa-masa bersendirian ini patut dihargai." Menurut beliau, *Listen To The Quiet* ini memberi pelbagai citarasa bagi pembaca untuk memilih masa-masa terluang dengan memberi contoh beliau yang menyukai suasana damai dengan duduk berseorangan di kerusi menghadap ke luar jendela. Bagi beliau apabila berseorangan idea dan sumber inspirasi yang diperoleh dapat menambah kepada keceriaan dan kebahagian hidup seharian.

"...listening to the quiet helps us to be better mothers, better daughters, better friends, better sisters and better wives tomorrow than we are today."



Alda Ellis

Beliau telah menceburi pelbagai bidang pekerjaan termasuklah sebagai usahawan dengan menubuhkan syarikatnya sendiri iaitu *Alda's Forever*, penceramah, pelukis dan doktor gigi yang akhirnya meninggalkan profesionnya untuk menjadi suri rumah sepenuh masa. Beliau banyak memberi ceramah kepada orang ramai mengenai penyakit barah payudara yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat mengenai bahaya penyakit tersebut dengan mengambil contoh penderitaan yang terpaksa ditanggung oleh ibunya.

Beliau juga telah menghasilkan buku *A Table of Grace : Stories and Recipes to Nourish the Heart* (2001); *A Gentle Beauty Within; A Heart Full of Happiness; An Angel in My Garden* dan *Always Friends*.

Pembicara

Y.Bhg. Puan Sri Zaleha Arshad
 Suri Rumah

Judul Buku: **The Malays Par Excellence ... Warts And All: An Introspection**


Penerbit: Kuala Lumpur: Pelanduk Publications, 2000

Dr. John Anthony Xavier sebenarnya telah berkhidmat dalam sektor kerajaan selama 27 tahun dan banyak bergaul dengan orang Melayu termasuk rakan sejawat, pekerja dan masyarakat Melayu amnya tetapi beliau masih merasakan ia belum mencukupi untuk membantunya mengenali orang Melayu dengan lebih ‘dekat’. Buku *The Malay Par Excellence* ternyata dapat menambah kefahamannya tentang orang Melayu kerana menurut penulis, dua perkara yang amat penting untuk mengenali orang Melayu ialah pertama, tentang budaya, ciri-ciri dan perwatakan orang Melayu dan kedua, tentang agamanya. Orang Melayu terkenal dengan adat resamnya, cara hidup, cara bergaul dan sebagainya. Dari segi agama, orang Melayu kebanyakannya beragama Islam.

“Ia menyatakan dan mengulas ‘apa’ yang mengubah orang Melayu dan ‘apa’ yang dikatakan sebagai identiti Melayu.”

ahli politik Melayu serta bagaimana mereka menyelesaikan konflik tersebut. Pendedahan ini sebenarnya mempunyai tujuan tertentu. Pengarang mengharapkan agar orang Melayu mengimbau kembali latar belakang sejarah mereka untuk diambil iktibar dan menggunakan bagi menangani cabaran-cabaran masa kini dan akan datang.

Pengarang juga menasihatkan orang Melayu agar terus maju ke hadapan dan setanding dengan bangsa-bangsa lain dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Menurut Dr. John Anthony Xavier, “Buku ini tidak mengagungkan orang Melayu tetapi berusaha memberi gambaran yang objektif demi memupuk satu kesedaran di kalangan orang Melayu sendiri bahawa mereka adalah satu bangsa yang boleh dibanggakan.”



Ismail Noor

Merupakan Konsultan pengurusan berkualiti. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dan pernah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik(PTD). Kemudiannya melanjutkan pengajian ke Amerika Syarikat dan berkhidmat sebagai perunding kepada beberapa syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Antara judul buku yang beliau hasilkan ialah *Takkan Melayu Hilang Di Dunia* (2000) dan *Pak Lah A Sense Of Accountability: An Insight Into Effective Stewardship* (2003).

Muhammad Azaham Wahab

Graduan Universiti Malaya dan United Kingdom yang berkhidmat sebagai perunding bebas dalam bidang kepimpinan dan kajian pengurusan. Pernah berkhidmat sebagai PTD dan beberapa jawatan dalam bidang pengurusan di sektor swasta. Aktif dalam persatuan belia dan pernah memimpin Majlis Belia Malaysia dan Presiden Majlis Belia Asia tahun 1980.

Pembicara

Dr. John Anthony Xavier

Timbalan Pengarah Program Kewangan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Judul Buku: **Mawar Putih Mawar Merah**

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993

Adik Siti Nur Laily telah membeli buku ini ketika berusia sembilan tahun semasa beliau mengunjungi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur pada tahun 1994 di Pusat Dagangan Dunia Putra. Buku ini telah memenangi Anugerah Novel Kanak-kanak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1991.

Mawar Putih Mawar Merah mengisahkan tentang ketabahan seorang anak bernama Darlina yang mengharapkan kasih sejati dari ibu bapanya yang telah berpisah. Mawar putih dan Mawar merah membawakan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Simbolik mawar putih dan mawar merah hanya diketahui pada klimaks cerita bilamana Mawar putih menggambarkan perasaan syukur apabila ibu bapa Darlina telah berbaik semula. Mawar merah pula melambangkan tanda terima kasih Darlina kepada gurunya, Cikgu Mala yang telah memberi sokongan moral dan galakan kepada Darlina semasa menghadapi dilema perceraian ibu dan bapanya.

Buku yang menyelitkan unsur-unsur agama dan nasihat serta menggunakan bahasa yang mudah telah menarik minat Siti Nur untuk membacanya. Malah menurutnya, "Buku ini bukan sahaja sesuai dibaca oleh kanak-kanak tetapi juga oleh ibu bapa supaya mereka dapat menyelami hati dan perasaan anak-anak." Kekuatan karya ini terletak pada plot dan teknik penceritaan yang cukup menarik. Mawar Putih Mawar Merah juga telah mengembalikan semula ingatan kita kepada puisi-puisi yang telah lama ditinggalkan seperti talibun, munazam, masnawi dan mentera.

"Buku ini bukan sahaja sesuai dibaca oleh kanak-kanak tetapi juga oleh ibu bapa supaya mereka dapat menyelami hati dan perasaan anak-anak."

Khairuddin Ayip, 1962-


Merupakan seorang pengarang yang banyak menulis buku-buku fiksyen termasuklah Darah Pahlawan (1988); Bintang Hatiku (1989); Bukan Untukku (1989); Janji Bayan Budiman (1992) dan Tun Fatimah : Teruskan Perjuanganmu (1992).

Pembicara

Siti Nur Laily bt. Hussin

Pelajar

Sekolah Menengah Sungai Besi,
Selangor



Judul Buku: Meniti Senja

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999


Sebagai seorang ahli sosiologi, Dr. Wan Ibrahim amat menggemari novel yang memaparkan mengenai kisah hidup warga tua. Justeru tidak hairanlah beliau memilih buku Meniti Senja karya Sawako Ariyoshi yang mengisahkan mengenai seorang lelaki Jepun bernama Shigezo yang meniti kehidupan hari-hari tua di ketika usia 84 tahun. Lelaki tua ini menurut kacamata menantu perempuannya, Akiko ialah seorang yang bengis, pemarah dan langsung tidak memahami perasaan wanita. Baginya, seorang wanita tidak sesuai bekerja di luar rumah. Walau bagaimanapun sikap Shigezo mulai berubah apabila beliau mengalami masalah nyanyuk dan menunjukkan tanda-tanda menjadi seorang lelaki yang penyayang. Ketika ini beliau dijaga oleh Akiko yang pada mulanya amat membenci warga tua termasuklah Shigezo. Namun di akhir

“...penjagaan dan kasih sayang kepada orang tua adalah perlu dipupuk khususnya di kalangan anak-anak.”

kehidupan Shigezo, Akiko mulai sedar bahawa beliau amat menyayangi bapa mertuanya dan keadaan ini dibuktikan dengan rasa sedih yang dialaminya ketika kematian bapa mertuanya itu.

Kisah ini bagi Dr. Wan Ibrahim menunjukkan bahawa, "...wanitalah yang banyak bersusah payah menjaga suami, anak-anak dan warga tua sedangkan lelaki merasa seronok dengan kesibukan kerjaya."

Novel ini ditulis dengan menggabungkan fiksyen dengan fakta. Penulis telah mengambil masa selama tujuh tahun untuk menyiapkannya. Bagi Dr. Wan Ibrahim, pengarang telah berjaya memaparkan kehidupan warga tua yang sebenarnya dan beliau menyarankan, "...penjagaan dan kasih sayang kepada orang tua adalah perlu dipupuk khususnya di kalangan anak-anak." Banyak pengajaran yang boleh dimanfaatkan dari novel ini kerana pengarang berjaya memaparkan secara terperinci tentang kehidupan warga tua.



Sawako Ariyoshi, 1931-1984

Lahir di Wakayama City. Mula menulis cerpen dalam tahun 1950an dan diikuti dengan novel-novel yang memaparkan isu-isu sosial masyarakat. Antara isu yang sering diketengahkan ialah status wanita dalam keluarga tradisional Jepun yang ditulis dalam *The Doctor's Wife* (1967), isu pemisahan kaum di Amerika Syarikat dalam *Hishoku* (1964) dan pencemaran udara dalam *Fukugo-sen* (1975). Buku yang berjudul *The Twilight Years* yang diterbitkan pada tahun 1972 telah dicetak sebanyak lebih daripada satu juta naskhah. Banyak daripada novel beliau telah diadaptasi ke drama pentas, televisyen dan difilemkan. Diterjemahkan pula ke dalam pelbagai bahasa dan ada di antaranya telah menerima anugerah tertinggi seperti *Mainichi Culture Prize* pada tahun 1979. *The River Ki; Her Highness Princess Kazu* dan *Kabuki Dancer* adalah antara karya lain yang dihasilkan.

Penterjemah
Thaiyibah Sulaiman


Pembicara
Dr. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad
Pensyarah
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Terengganu

Judul Buku: **The Millionaire Next Door:**
The Surprising Secrets Of America's Wealthy

Penerbit: New York: Simon & Schuster Corporation, 1999

Dr. Safiah telah membeli buku kegemarannya ini di sebuah kedai buku di Los Angeles, Amerika Syarikat. Beliau tertarik melihat "cover" buku ini yang tertulis perkataan *best seller*. Lantas beliau membeli dan membacanya tanpa jemu. Buku ini memuatkan kajian gaya hidup jutawan di Amerika Syarikat. Kebanyakan mereka adalah usahawan yang hidup secara sederhana di samping melatih anak-anak mereka hidup berdikari dan berjimat cermat. Kesederhanaan golongan ini amat ketara sekali sehingga mereka enggan menggunakan barang-barang berjenama luar negara. Mereka lebih cenderung membeli barang buatan tempatan (Amerika) kerana menurut mereka ia tidak jauh berbeza dari segi kualiti. Contohnya kereta.

Menurut Dr. Safiah, "Kebanyakan daripada mereka tidak berminat untuk menjadi kaya, tetapi cara hidup mereka, cara mengumpul harta dan menabung atau melabur membuatkan mereka kaya." Kebanyakan jutawan ini tidak memperoleh kekayaan mereka melalui harta warisan tetapi atas usaha gigih mereka sendiri. Mereka menjalani kehidupan seperti orang biasa dan isteri mereka merupakan suri rumah sepenuh masa. Justeru itu buku ini menjelaskan kepada pembaca bahawa, "Kita tidak boleh melihat seseorang itu dari luar sahaja, sedangkan kita tidak tahu sama ada mereka berharta atau tidak." Menurut beliau lagi, "...adalah sangat berbeza gaya hidup para jutawan Amerika dengan jutawan di Malaysia."



"...adalah sangat berbeza gaya hidup para jutawan Amerika dengan jutawan di Malaysia."

Thomas J. Stanley

Merupakan seorang penulis, pensyarah dan penyelidik yang mengkaji golongan jutawan sejak tahun 1973. *Marketing to the Affluent* (1997), merupakan buku terlaris yang dihasilkan oleh beliau dan tersenarai dalam sepuluh buah buku perniagaan paling terkemuka di Amerika oleh pengarang 'Best of Business Quarterly'. Terkenal sebagai *Omicron Delta Kappa Outstanding Professor* di *Georgia State University* dan pernah berkhidmat di *University at Albany, State University of New York*.

William D. Danko

Profesor Bersekutu dan pengurus bidang pemasaran di *University at Albany, State University of New York*. Hasil karyanya diterbitkan dalam *Journal of Consumer Research*, *Journal of Business Research*, *Journal of Advertising Research* dan lain-lain jurnal kepimpinan.

Pembicara


Dr. Safiah bt. Mohd. Yusof
 Pegawai Zat Makanan
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Judul Buku: **A Moveable Feast**

Penerbit: New York: C. Scribner's, 1964

Buku *A Moveable Feast* adalah buku Hemingway pertama yang dibaca oleh Encik Reza. Penulis terkenal Amerika dan penerima anugerah Pulitzer ini telah dikenali oleh Encik Reza ketika umur beliau 11 tahun. Lantaran itu, beliau menjadikan buku ini sebagai buku kegemarannya kerana, "ia ditulis oleh seorang penulis yang sangat berbakat, sangat inovatif dan amat diminati sekian lama." Buku ini mengisahkan mengenai kehidupan di kota Paris dan pengalaman penulis semasa beliau berada di Paris selepas perang dunia. *A Moveable Feast* dibahagikan kepada enam belas bab yang menggambarkan mengenai tempat-tempat yang dikunjungi oleh Hemingway dan individu-individu yang ditemui oleh beliau ketika di Paris.

Buku ini digarap dengan cara yang menarik dan lain daripada yang lain. Seperti kata Reza, "*this book is very different because the style of writing which Ernest Hemingway presents in this book... Instead of describing what happens, he takes the liberty of writing how the environment, the place and the people he mingled with... affects him at that particular time.*" Pada masa yang sama beliau tertarik dengan teknik menulis yang dinyatakan oleh Hemingway, antaranya, "*I had learnt already never to empty the well of my writing, but always to stop when there was still something there in the deep part of the well and let it refill at night from the springs that fed it.*" Pada Reza, tips penulisan yang diberikan ini sungguh menarik dan amat bermanfaat. Dengan membaca hasil karya Hemingway ini pembaca juga akan dapat menilai karektor penulis sezaman dengannya seperti Gertrude Stein dan F. Scott Fitzgerald.



Ernest Hemingway, 1881-1961

Lahir di Oak Park, Illinois. Memulakan kerjayanya sebagai penulis pada usia 17 tahun. Berkhidmat dengan tentera Itali sebagai sukarelawan pertolongan cemas semasa Perang Dunia Pertama. Sekembalinya ke Amerika Syarikat, beliau bertugas sebagai wartawan akhbar Kanada dan Amerika Syarikat. Beliau kemudiannya berpindah ke Eropah untuk membuat liputan berita tentang revolusi di Greece dan perang saudara di Sepanyol. Pengalaman beliau ketika di Eropah telah memberikan beliau banyak ilham untuk berkarya. Novel pertamanya ialah *The Sun Also Rises* (1926). Novel-novel lain yang terkenal termasuklah *A Farewell to Arms* (1929); *For Whom the Bell Tolls* (1940) dan *The Old Man and the Sea* (1952).

Pembicara

**Encik Muhammad Arif Reza
bin Yusof**


Graduan Jurusan Kejuruteraan Kimia
University of Sheffield

"...ia ditulis oleh seorang penulis yang sangat berbakat, sangat inovatif dan amat diminati sekian lama."

Judul Buku: Nostalgia Padang

Penerbit: Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1995

Kesibukan kerja sebagai seorang doktor gigi tidak menghalang Dr. Dasrilsyah untuk menjadikan membaca sebagai hobi. Beliau telah memilih buku Nostalgia Padang sebagai buku kegemarannya kerana, "Pengarang buku ini telah berjaya melahirkan suatu bentuk karya sastera melalui penggabungan fakta-fakta sejarah yang digarap dengan cara yang amat menarik sekali."



Padang, menurut *Johore Annual Report for 1880* adalah kawasan di sepanjang tebing kanan mudik sungai Muar dan di persisiran pantai bahagian Pantai Barat Daerah Muar. Di dalam novel ini ada diceritakan mengenai tokoh yang telah membuka daerah Padang yang telah mengorbankan sebahagian besar hidupnya untuk berjuang menentang penjajah. Beliau ialah Tuan Haji Muhammad Mukti yang kaya dengan pelbagai pengalaman hidup.

Walau bagaimanapun nama Padang kemudiannya hanya tinggal sebagai nostalgia. Begitu juga, cerita yang dipaparkan dalam novel ini menurut Dr. Dasrilsyah, "Tidak boleh dicabar kesahihannya sebab ia berbentuk novel..." Tegas beliau lagi, "...penulis berjaya mengaitkan maklumat-maklumat yang betul dengan imaginasinya..." Paling istimewa, beliau memperoleh buku ini dari tangan penulisnya sendiri.

"...penulis berjaya mengaitkan maklumat-maklumat yang betul dengan imaginasinya..."

Dzul Karnain Ithnain, 1954-
Nostalgia Padang adalah karya yang memenangi tempat kedua Hadiah Novel Nasional.

Pembicara
Dr. Dasrilsyah bin Syahrial
Doktor Gigi
Universiti Putra Malaysia

Judul Buku: **Orang Biasa Diraja:**
Hayat Dan Zaman Imam Perang Jabor (1858-1921)

Penerbit: Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2000

“Di sinilah terserlahnya kelemahan orang-orang Melayu!. Yang paling terserlah ialah ketiadaan semangat perpaduan di antara orang-orang Melayu!...”

Secara berterus terang Hashim Sam mengakui tidak mempunyai kelayakan akademik untuk menulis buku mengenai sejarah tetapi beliau hanya ingin mendedahkan mengenai sejarah datuknya Tok Jabor. Dalam tulisannya beliau menekankan bahawa, “Saya tidak berhasrat untuk membangkitkan mengenai peristiwa pembunuhan J.W.W Birch di Pasir Salak dan mengungkitkan peristiwa yang telah berlaku, hanya menceritakan apa sebenarnya.”

Buku ini mengungkap sejarah orang-orang Melayu Perak menentang penjajah Inggeris bermula dengan rasa tidak puas hati mereka terhadap Perjanjian Pangkor yang sebenarnya berpuncanya daripada percanggahan di kalangan orang Melayu sendiri. Perpecahan ini menjadi ketara setelah J.W.W Birch dibunuh walhal sebulan sebelum pembunuhan tersebut, pembesar-pembesar Melayu dan mereka yang terlibat di dalam pembunuhan itu telah bermesyuarat dan menyatakan persetujuan sebalut suara bahawa apa sahaja keputusan yang dibuat oleh Dato' Maharaja Lela akan disokong. Setelah J.W.W Birch dibunuh ramai pembesar-pembesar Perak telah menemui Frank Swettenham bagi menyatakan sokongan mereka kepada Inggeris untuk menangkap mereka yang telah membunuh Birch.

Bagi Hashim Sam, “Di sinilah terserlahnya kelemahan orang-orang Melayu!. Yang paling terserlah ialah ketiadaan semangat perpaduan di antara orang-orang Melayu!. Tidak ada perpaduan di antara Raja-raja, orang-orang Besar serta rakyat jelata!.” Tujuan beliau menulis bukan untuk memberi makna tentang perpaduan tetapi membiarkan pembaca membuat interpretasi sendiri. Beliau turut mengemukakan ‘terjemahan-terjemahan’ tentang perbicaraan yang telah dilakukan ke atas orang-orang besar melayu dan pengikutnya yang telah dituduh melakukan pembunuhan tersebut bertujuan untuk bersikap adil dan tidak mahu mempengaruhi pendapat pembaca tentang apa yang telah berlaku.



Hashim Sam, 1928-

Beliau ialah Dato' Mohammed Hashim bin Sam Abdul Latiff yang dilahirkan di Telok Anson, Perak pada 21 Jun 1928. Berkelulusan dari Universiti Malaya dan pernah memasuki Perkhidmatan Tadbir Malaya (M.C.S) pada tahun 1954 sehingga negara merdeka. Beliau kemudiannya mengikuti kursus Diplomatik dan Perhubungan Antarabangsa di *London School of Economics and Political Science, University of London*. Telah bertugas di luar negara selama lebih kurang 15 tahun termasuk di Indonesia, Jepun, Filipina dan Itali serta pernah dilantik sebagai pemangku Wakil Tetap Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pada tahun 1970 beliau kembali bertugas di beberapa buah Kementerian termasuklah dipinjamkan ke Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Ketua Pengarah sehingga Jun 1983. Pernah memegang jawatan Naib Yang Dipertua Persatuan Asia DiRaja Bahagian Malaysia dari tahun 1972-1981.

Pembicara

Y.Bhg. Dato' Mohammed Hashim bin Sam Abdul Latiff

Pesara/Bekas Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: **A Promise To Nadia**

Penerbit: New York: Little Brown, 2000

“...Nadia yang walaupun berusia 34 tahun tetapi mempunyai raut wajah seorang yang berusia 60 tahun. Satu penanggungan yang amat berat dan suatu kisah hidup yang amat memilukan.”

Membaca sinopsis buku *A Promise To Nadia* telah menarik minat Puan Fuziah untuk mendalami isi kandungan ceritanya, lantas membeli buku tersebut dan membacanya. Katanya, *“I did the reading in one sitting from 9 pm to 3 am ...because it is such a beautifully written book but a very sad book at the same time.”*

Nadia yang ketika itu berusia 14 tahun dan kakaknya Zana telah dijual oleh ayah mereka kepada seorang lelaki Arab di Yemen dengan cara membohongi mereka dengan mengatakan bahawa mereka akan pergi bercuti selama dua minggu di sana. Apakah motif di sebalik kejadian ini semua? Apakah tujuan ayah Nadia dan Zana menjual mereka sedangkan sebagai seorang bapa beliau sepatutnya sentiasa melindungi anaknya? Inilah kisah yang ingin beliau ketahui yang disusuli pula dengan jalan ceritanya yang sungguh menyedihkan kerana membongkar kisah perhambaan yang masih berlaku di zaman moden ini, lebih-lebih lagi di kalangan keluarga yang beragama. Nadia telah tersiksa jiwa dan raganya bukan hanya kerana menjadi hamba kepada suami sendiri, bahkan juga kepada lelaki-lelaki lain di dalam keluarga suaminya.

Buku ini melakarkan kisah perhambaan yang masih berlaku di zaman moden, merendah-rendahkan martabat wanita serta budaya diskriminasi terhadap wanita yang masih diamalkan oleh sesetengah pemerintah. Novel ini juga menyelitkan mengenai perlakuan jahat manusia yang mengambil kesempatan di atas kesusahan dan penderitaan yang dialami orang lain. Kakak kepada Nadia iaitu pengarang buku ini telah berjaya ‘melepaskan diri’ dari ‘siksaan’ selepas 8 tahun merana. Beliau telah berjanji akan berusaha untuk melepaskan Nadia daripada ketidaktentuan fikiran dan penderitaan yang Nadia tanggung; ‘Nadia yang walaupun berusia 34 tahun tetapi mempunyai raut wajah seorang yang berusia 60 tahun. Satu penanggungan yang amat berat dan suatu kisah hidup yang amat memilukan.’

Memperkatakan buku ini, Prof. Madya Fuziah menyarankan, *“Highly recommended and it is an unmissable book. Everybody should read this book.”*

Zana Muhsen


Selain *A Promise to Nadia*, Zana juga menghasilkan buku *Sold: Story of Modern-day Slavery* (1994) bersama-sama dengan Andrew Crofts.

Andrew Crofts

Merupakan seorang penulis ‘hantu’ yang berjaya di Britain. Kebanyakan penerbit telah mendapatkan khidmat beliau bagi menerbitkan buku berkaitan orang kenamaan dan para jutawan. Beliau berpegang pada kata-kata, “Jika ceritanya baik, saya akan menulisnya.”

Pembicara

Prof. Madya Fuziah bt. Mohd Nadzar
Pensyarah
Universiti Teknologi MARA (UiTM)



Judul Buku: Putera Gunung Tahan


Penerbit: Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agensi, 1973

“...pemikiran yang bersandarkan kepada prinsip-prinsip dan kebenaran yang ditemui daripada pencarian yang menggunakan akal.”

Abdul Karim Abdullah atau lebih dikenali sebagai “Bung Karim” adalah seorang penulis eseai tetapi minat beliau lebih terarah kepada kerja-kerja menyelenggara dan mendokumenkan tulisan pengarang-pengarang terkenal tanah air seperti Dr. Ishak Haji Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako. Bersesuaian dengan itu, maka beliau telah memilih buku Putera Gunung Tahan sebagai buku kegemaran beliau. Beliau telah mula membaca buku ini semasa di Tingkatan 5 dan telah membacanya berulang kali. Minatnya yang mendalam terhadap karya Pak Sako telah mendorong Bung Karim menyalin semula buku ini dari versi Jawi ke Rumi pada tahun 1973.

Buku Putera Gunung Tahan mengisahkan mengenai perjuangan menentang penjajah Inggeris di Negeri Pahang. Buku ini menjadi satu saluran untuk menyedarkan masyarakat akan kewajipan dan tanggungjawab mempertahankan tanah air, agama, bangsa dan adat resam agar tidak terbinasa dan tergadai oleh ‘kerakusan’ penjajah. Menurut Bung Karim, “...novel ini penuh sindiran, kiasan, sensitiviti dan memuatkan mesej yang tajam dan berkongsi pengalaman Pak Sako ketika memperjuangkan kemerdekaan tanah air.”

Bagi Bung Karim buku ini berjaya mananamkan semangat cinta dan sayang akan tanah air, bangsa dan agama di kalangan orang Melayu. Bung Karim ‘mengangkat’ buku ini sebagai, “...pemikiran yang bersandarkan kepada prinsip-prinsip dan kebenaran yang ditemui daripada pencarian yang menggunakan akal.” Putera Gunung Tahan telah dihasilkan untuk memberi kesedaran kepada generasi sekarang tentang perjuangan menuntut kemerdekaan, keadilan dan pembebasan daripada penjajah.



Ishak Hj. Muhammad, 1909-1991

Lahir di Kampung Bukit Saguntang, Temerloh, Pahang. Lebih dikenali dengan nama Pak Sako. Mendapat pendidikan awal di Pahang sebelum memasuki Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pernah berkhidmat sebagai Timbalan Penolong Pegawai Daerah, Majistret Kelas III dan guru bahasa sebelum melibatkan diri dalam dunia penulisan. Beliau dikenali sebagai tokoh wartawan, sasterawan dan nasionalis yang berkarisma, seorang yang kuat jiwa kemelayuannya dan ideanya yang bertunjang pada tradisi dan nilai hidup kampung. Malah, Putera Gunung Tahan dan Anak Mat Lela Gila adalah novel yang mencerminkan pandangan dan cita-cita Ishak sebagai patriot dan sasterawan. Telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Malaya pada tahun 1973 dan “Pejuang Sastera” daripada Perdana Menteri pada tahun 1976. Telah meninggal dunia pada 7 November 1991 di Ulu Langat, Selangor.

Pembicara

Tuan Haji Abdul Karim bin Hj. Abdullah
Penyelenggara dan Pendokumentator Sejarah

Judul Buku: **The Secret Diary Of Adrian Mole Aged 13 3/4**


Penerbit: Oxford: Heinemann, 1982

Buku ini telah dibeli oleh Esmi ketika beliau belajar di sekolah Aberystwyth, Wales iaitu dari *Car Boot Sale* dengan harga 99 pound. Buku ini menarik perhatiannya ketika terbaca dalam blurb buku, “*it's a sobering book which all 25 years old must read to remind them what childhood is like.*” Apa yang menarik lagi ialah ia mengetengahkan watak Adrian yang serius tetapi kelakar. Unsur-unsur humor yang dimuatkan dalam buku ini sering membuatkan beliau tertawa sendiri dan tidak jemu untuk membacanya lagi.

“it's a sobering book which all 25 years old must read to remind them what childhood is like.”

Buku ini menceritakan diari Adrian Mole ketika berusia 13 3/4 tahun hingga 14 3/4 tahun. Adrian Mole ialah seorang perisau dan pemikirannya adalah seperti pemikiran orang dewasa. Keadaan ini boleh diterjemahkan apabila di dalam diarinya ditulis, “*buy strikingly coloured stationery on which to write poem and send to the BBC.*”

Diari Adrian memberikan gambaran mengenai kehidupan tipikal anak-anak bangsa British. Esmi menyatakan bahawa beliau dapat merasakan betapa kelakarnya perangai, kelakuan dan pemikiran Adrian Mole berdasarkan diari yang ditulisnya, apatah lagi ketika itu beliau membacanya semasa menuntut di United Kingdom. Gaya bahasa yang digunakan oleh Adrian di dalam diarinya ini menggambarkan pemikirannya yang matang yang ‘mengalahkan’ usianya.



Sue Townsend, 1946-

Dilahirkan di Leicester, England tetapi telah menamatkan persekolahannya lebih awal pada usia 15 tahun. Pengalaman yang dilaluinya ketika di *Glen Hills Primary School* telah mengilhamkannya untuk menghasilkan buku *Diary of a Schoolgirl Aged 4 1/4*. Walau bagaimanapun beliau terkenal dengan novelnya *The Secret Diary of Adrian Mole Aged 13 3/4*.

Novel-novel beliau yang lain termasuklah *Rebuilding Coventry* (1988); *The Queen and I* (1991); *Ghost Children* (1998); *Adrian Mole: The Cappuccino Years* (2000); *The Growing Pains of Adrian Mole* (2002); *The True Confessions of Adrian Mole* (2003) dan *Adrian Mole: The Wilderness Years* (2003).

Pembicara

Cik Nur Esmi Zahara bt. Yusof

Pelajar, Institut Sledgehammer/
Pembantu Jualan, Tower Records

Judul Buku: Seni Kaligrafi Islam

Penerbit: Bandung: Remaja Rosdakarya, 2000



Prof. Madya Dr. Muhd Bukhari amat meminati seni khat; malah pernah cuba menulis seni khat sejak di bangku sekolah lagi. Cuma usahanya itu kurang berjaya kerana tulisannya ‘tidak seindah seni khat.’ Sebagai jalan penyelesaiannya beliau telah berusaha mengumpul berpuluhan-puluhan jenis tulisan khat dan menyimpannya. Beliau amat menyayangi koleksinya yang memberikan gambaran bahawa beliau amat mencintai seni tulisan ini. Beliau juga gemar membaca buku yang membicarakan mengenai seni tulisan khat. Tidak hairanlah jika beliau telah memilih buku Seni Kaligrafi Islam terbitan negara Indonesia memandangkan tidak ada bahan atau buku yang diterbitkan di Malaysia yang membicarakan mengenai seni khat secara menyeluruh.

Buku ini memperkatakan tentang jenis-jenis khat yang terdapat di seluruh dunia dan 7 jenis khat yang murni/asli. Dimuatkan juga jenis seni khat yang tidak Islamik seperti khat figural yang baginya amat bercanggah dengan prinsip seni khat. Tokoh-tokoh seni khat juga ada dinyatakan seperti Hamid Al-Amidi. Pembaca juga turut didedahkan dengan situasi di Indonesia yang telah mempunyai seni khat Indonesia yang beridentitikan flora dan fauna. Menurut beliau, “Walaupun seni khat begitu popular dan berkembang di negara-negara Islam seperti Iran, Iraq, Mesir dan Turki tetapi kemajuan seni khat di Malaysia tidak begitu ketara dan sistematik.”


D. Sirajuddin A. R., 1957-
Beliau merupakan seorang penulis yang dilahirkan di Indonesia.

Pembicara
Prof. Madya Dr. Muhd Bukhari Lubis
Timbalan Presiden
Persatuan Seni Khat Kebangsaan

“Walaupun seni khat begitu popular dan berkembang di negara-negara Islam seperti Iran, Iraq, Mesir dan Turki tetapi kemajuan seni khat di Malaysia tidak begitu ketara dan sistematik.”

Judul Buku: **Stargate**

Penerbit: London: Penguin Books, 1999



Kebimbangan dan kepekaan Y.Bhg. Toh Puan Uma sebagai seorang isteri ahli politik dengan sikap generasi muda yang semakin tidak mengamalkan membaca mendorong beliau untuk memilih buku ini. Bagi beliau buku berbentuk fiksyen ini sedikit sebanyak akan menarik minat golongan muda untuk membaca. Menurut beliau, *"you can see how they develop your interest... even if you don't like science fiction, the way it is develop... once you can comprehend the book... you become a book worm."* Secara tidak langsung beliau ingin mengajak rakyat Malaysia supaya gemar membaca.

Stargate adalah sebuah buku yang diadaptasi dari sebuah filem box-office Inggeris yang mengisahkan mengenai seorang arkeologis bernama Daniel Jackson yang telah menemui *Stargate*. Beliau bersama sekumpulan tentera Amerika telah pergi menyiasat dan menjumpai sebuah dunia baru seakan Mesir lama. Dunia ini diperintah oleh Ra, Tuhan Matahari. Di sana penduduknya menjadi tawanan dan hamba abdi kepada Ra. Penulis menceritakan lagi bagaimana Daniel dan kumpulannya berusaha menyelamatkan diri dan keluar dari dunia asing.

Apa yang menarik lagi bagi Toh Puan ialah ia menggalakkan perkembangan minda dan daya imaginasi ketika membaca. Katanya, *"...if you develop your brain, you can go much further than any artificial intelligence of computer... this is the message that the authorities need to highlight."*

"...if you develop your brain, you can go much further than any artificial intelligence of computer... this is the message that the authorities need to highlight."

Sean Devlin

Lahir pada 27 Ogos 1962. Banyak menulis dan menerbitkan filem di samping berlakon. Antara buku yang difilemkan ialah *Universal Soldier* (1992); *Stargate* (1994); *Independence Day* (1996) dan *Godzilla* (1998).

Roland Emmerich

Dilahirkan pada 10 November 1955 di Stuttgart, Jerman. Beliau juga seorang pengarah dan penerbit filem. Filem-filem yang diarahkan termasuklah *Universal Soldier* (1992); *Stargate* (1994); *Independence Day* (1996); *Godzilla* (1998) dan *The Patriot* (2000).

Sheila Black


Pengarang bersama.

Pembicara

Y.Bhg. Toh Puan Uma Sambanthan
Suri Rumah

Judul Buku: Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979



Sulalatus salatin membawa makna salasilah Sultan-Sultan atau jurai keturunan Raja-Raja (Melayu) atau lebih dikenali sebagai Sejarah Melayu. Ia adalah suatu hasil sastera tradisional yang tergolong sebagai sastera sejarah. Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Salleh menyatakan, "Kalau hendak mengetahui bagaimana minda masyarakat Melayu ...buku apakah yang mereka rujuk dalam pentadbiran... jawapannya dapat ditemui dalam Sulalatus Salatin."

Bagi Prof. Madya Dato' Dr. Siti Hawa, beliau telahpun mengenali teks yang terkenal ini semenjak kecil lagi oleh kerana ianya adalah teks yang sering dibaca oleh ibu atau bapa, saudara mara dan sahabat handai beliau. Menurut beliau lagi, "Apabila saya menghayati teks ini dengan sendirinya minat saya bertambah sehingga teks ini menjadi buku yang paling saya gemari." Pengarang cuba mengungkapkan satu dinasti Melayu yang ulung bermula dari Bukit Si Guntang, Gunung Mahameru di Palembang membawa ke Bentan, Singapura dan akhirnya ke Melaka sebelum ia jatuh ke tangan kuasa-kuasa Barat. Peristiwa-peristiwa penting juga turut dimuatkan selain daripada melakarkan peranan tokoh-tokoh yang menjadi tonggak kepada pemerintahan dalam sejarah Melayu dan merakamkan keagungan kerajaan Melayu Melaka yang setanding dengan kerajaan Seriwijaya, Majapahit, Siam dan Cina pada zaman dahulu.

Tun Seri Lanang

Buku ini disusun oleh beliau atas arahan Raja Abdullah, Yang DiPertuan DiHilir semasa zaman pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah. Kerja-kerja penyusunan ini dimulakan di Johor Lama pada tahun 1612 dan diselesaikan di Acheh sebelum Sultan Alauddin Riayat Shah mangkat. Tujuan buku ini ditulis ialah untuk menerangkan mengenai sejarah keturunan Raja-Raja Melayu, segala peristiwa, peraturan dan adat istiadat untuk diketahui oleh keturunan mereka kemudian.


Pembicara

Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Salleh
Pensyarah
Universiti Kebangsaan Malaysia

**"Kalau hendak mengetahui
bagaimana minda masyarakat
Melayu ...buku apakah yang
mereka rujuk dalam
pentadbiran... jawapannya dapat
ditemui dalam Sulalatus Salatin."**

Judul Buku: **Thick Face, Black Heart:**
The Asian Path To Thriving, Winning And Succeeding

Penerbit: New York : Warner Books, 1992



Buku pemberian suami pada pertengahan tahun 1999 ini telah menjadi bacaan kegemaran Datin Hajjah Siti Mariani S.M. Omar. Judulnya yang unik telah menarik minat beliau untuk mendalami isi kandungannya. Tambahan pula buku ini ditulis oleh seorang penulis wanita Asia yang juga Presiden *Asian Marketing Consultants*, Chin Ning Chu. *Thick Face, Black Heart* merupakan sebuah buku motivasi yang memberikan panduan untuk berjaya di dalam hidup. Buku yang digarap dengan menarik ini mengajak pembaca supaya berani mencuba, berfikiran terbuka, berdaya saing dan mempunyai daya ketahanan dalam menghadapi cabaran menuju kejayaan.

Buku ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Bagi Datin Siti Mariani, "...ia memberi satu panduan, satu inspirasi dan satu *inner strength* bagi beliau di dalam memegang jawatan yang disandang sekarang. Tambahan pula tiap-tiap ciri yang diberi diuraikan dalam bentuk cerita, pengalaman diri, pengalaman rakan-rakan serta artis seperti Elizabeth Taylor iaitu... orang-orang yang kita kenal yang masih hidup."

Penulis lebih banyak memasukkan falsafah timur yang bersesuaian dengan orang timur berbanding dengan falsafah barat. Lantas beliau banyak memetik falsafah-falsafah Hindu dan Cina dan kerana itulah menurut Datin Siti Mariani, "Kita sebagai orang timur senang memahami buku ini kerana kita dari rumpun yang sama. Ini mungkin kerana penulis sendiri adalah orang Asia yang berketurunan Cina."

Menurut Datin Siti lagi, isi kandungan buku ini banyak memberi manfaat kepada mereka yang ingin berjaya dalam kerjaya. Malah beliau mencadangkan kepada sesiapa yang ingin meningkatkan keyakinan diri ketika berhadapan dengan setiap tugas dan cemerlang dalam hidup supaya "...bacalah buku ini."

YOU CANNOT OBTAIN WHAT YOU
 ALREADY HAVE

Chin-Ning Chu

Merupakan Presiden *Asian Marketing Consultants Inc.*, pensyarah antarabangsa, jurulatih korporat, konsultan dan pengarang kepada *The Chinese Mind Game* dan *The Asian Mind Game*. Dilahirkan di China tetapi telah dibesarkan di Taiwan. Memasuki sekolah katolik ketika berusia belasan tahun dan telah mengembangkan bidang spiritual dengan memasukkan falsafah Cina tradisional, kepercayaan Budha dan kitab Hindu lama. Pengetahuan beliau dalam bidang falsafah dan spiritual telah membantunya untuk mengkaji betapa kompleksnya dunia perniagaan masa kini. Peranannya ini telah mendapat pengiktirafan yang tinggi daripada media berpengaruh termasuklah *Financial Times of London, USA Today* dan *Gannet News Service*.

Pembicara

Y.Bhg. Datin Siti Mariani S. M. Omar
 Pengarah Pusat Manusrip Melayu
 Perpustakaan Negara Malaysia

**"...ia memberi satu
 panduan, satu inspirasi
 dan satu *inner strength*..."**

Judul Buku: This Earth Of Mankind

Penerbit: New York: William Morrow, 1979

Judul Buku: Child Of All Nations: A Novel

Penerbit: London: Penguin Books, 1975

Judul Buku: Footsteps

Penerbit: New York: William Morrow, 1993

Judul Buku: House of Glass

Penerbit: London: Penguin Books, 1988

Empat buah buku karangan Pramoedya Ananta Toer telah menjadi buku kegemaran Dr. Hatta Azad Khan. Beliau telah membeli tiga buah buku berkenaan dari kedai-kedai buku di sekitar Kuala Lumpur sementara buku *House of Glass* adalah hadiah dari seorang rakannya di Bangkok.

“Tulisannya banyak mengangkat martabat bangsa Indonesia di samping menyemaikan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.”

Karya Pramoedya ini dipilih kerana rasa kagum beliau terhadap penulis ini yang bagi beliau amat unik sehingga beliau berusaha membaca keempat-empat karya ini berulangkali tanpa jemu. Menurut Dr. Hatta, “Saya baca berulang kali keempat-empat bukunya, baru saya mengenali Pramoedya Ananta Toer; bukunya sangat menarik.”

Secara keseluruhannya karya Pramoedya ini lebih tertumpu kepada membicarakan mengenai masyarakat Jawa di Indonesia. Pramoedya cuba mengajak bangsanya agar berusaha untuk terus maju dan bergerak ke hadapan. Beliau juga kurang bersetuju dengan adat resam bangsanya yang terlalu mengongkong dan menghalang mereka untuk maju walaupun beliau lahir dari kalangan keluarga bangsawan Jawa yang penuh dengan adat dan pantang larang. Dr. Hatta mengulas, “Pramoedya tidak pernah mengaku apa yang ditulisnya adalah mengenai dirinya tetapi kita boleh mengetahuinya dengan membaca bukunya... watak yang diceritakan sebenarnya adalah kisah hidupnya.” Menurut Dr. Hatta lagi, “Apabila saya membaca buku Pramoedya, saya berupaya menterjemahkan tulisannya ke dalam bentuk visual dan bagi saya ia telah mengemukakan satu ‘idea besar’ yang sesuai untuk difilemkan.”

Pramoedya banyak menulis tentang penghinaan yang dilemparkan terhadap bangsa dan negaranya. Oleh itu, tulisannya lebih menjurus untuk mengangkat martabat bangsa Indonesia di samping menyemaikan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Bagi Dr. Hatta, beliau hanya akan membaca karya-karya yang dianggap terbaik yang ditulis oleh penulisnya sendiri.

Pramoedya Ananta Toer, 1925-
Dilahirkan di Kepulauan Jawa pada tahun 1925. Pernah dipenjarakan oleh pemerintah Belanda dari tahun 1947 hingga 1949 kerana penglibatannya dalam Revolusi Indonesia dan kemudiannya oleh kerajaan Indonesia sebagai banduan politik. Kebanyakan hasil karyanya ditulis ketika di penjara termasuklah ketika beliau ditahan di Pulau Buru dari tahun 1969 hingga 1979. Antara karyanya ialah *The Burn Quartet*. Beliau telah mengarang lebih daripada 30 jenis buah buku fiksyen dan bukan fiksyen. Novelnya telah diterjemahkan ke dalam 20 bahasa dan telah memenangi beberapa anugerah.

Pembicara**Dr. Hatta Azad Khan**

Pengarah

Akademi Seni Kebangsaan



Judul Buku: Angles Of Reflection: Logic And A Mother's Love

Penerbit: New York: W. H. Freeman, 2000

Buku ini amat menarik minat Puan Rashidah untuk membacanya kerana bagi beliau, "Buku ini memuatkan perbincangan dan perbahasan mengenai matematik yang diolah ke dalam bentuk cerita menjadi sebuah novel yang berbentuk intelektual dan kasih sayang." Ia ditulis berdasarkan kepada pengalaman Joan sendiri ketika berhadapan dengan tuntutan seorang ibu dan kepentingan kerjayanya tanpa mahu mengorbankan salah satu daripadanya dan dalam masa yang sama pula beliau terpaksa menjaga anaknya yang menghidap penyakit tumor. Dalam mempertimbangkan keadaan ini Richards telah mendapat idea daripada konsep matematik gunaan yang dikemukakan oleh Augustus De Morgan dan teori-teori yang diperkenalkan oleh Newton dan Leibnitz. Beliau telah menggunakan konsep dan teori berkenaan untuk menilai keperluan kerjaya dan mengekalkan hubungan kekeluargaan yang erat tanpa mengorbankan keduanya.

Joan L. Richards, 1948-

Merupakan profesor di Universiti Brown, Amerika Syarikat dan pakar dalam bidang matematik. Telah menulis buku, *Mathematical Visions : The Pursuit of Geometry in Victorian England* (1988). Buku *Angles of Reflection* ini ditulis berdasarkan kepada pengalaman beliau ketika berhadapan dengan rasa kecewa dan putus asa melihat 'kesengsaraan' anaknya yang menghidap tumor di otaknya.

Pembicara

Puan Rashidah Haji Bolhassan
Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak

"...memuatkan perbincangan dan perbahasan mengenai matematik yang diolah ke dalam bentuk cerita menjadi sebuah novel yang berbentuk intelektual dan kasih sayang..."



Judul Buku: **Bukit Kepong**


Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999

“...buku ini dapat menyuntik semangat juang yang jitu untuk mempertahankan tanah air dan merupakan peristiwa sejarah yang menyentuh hati rakyat Malaysia yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.”

Encik Muhammad Zaidee Daut telah memilih buku yang bertajuk Bukit Kepong hasil karya Ismail Johari sebagai buku yang paling digemari kerana buku ini dapat menyuntik semangat juang yang jitu untuk mempertahankan tanah air dan merupakan peristiwa sejarah yang menyentuh hatinya sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

Peristiwa Bukit Kepong yang berlaku pada waktu subuh tanggal 23 Februari 1950 menyingkap semangat juang hingga ke titisan darah terakhir pahlawan-pahlawan Bukit Kepong daripada serangan pengganas komunis. Seramai 14 orang anggota polis telah terkorban, ada yang cacat seumur hidup, anak-anak menjadi yatim piatu dan isteri-isteri menjadi balu.

Buku ini berjaya membangkitkan nostalgia “Kemenangan dalam kekalahan” yang seharusnya menjadi satu titik sejarah yang perlu dibanggakan tetapi malangnya kian luput dari ingatan generasi hari ini. Kejayaan perjuangan wira Bukit Kepong adalah simbol kemenangan dan azam mereka yang cinta akan kebebasan dan keluhuran bangsa, negara dan agama. Perjuangan untuk menyelamatkan Bukit Kepong daripada jatuh ke tangan komunis berjaya meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca. Bagi beliau, penulis ini telah berjaya mengukir perasaan sedih, pilu, simpati dan bangga terhadap pahlawan-pahlawan negara serta benci dan marah kepada pengganas yang cuba memporak perandakan kemakmuran negara.



Ismail Johari

Anak kelahiran Tanjung Karang, Selangor. Pernah berkhidmat sebagai kerani di Bank Negara dan memegang beberapa jawatan penting dalam perkhidmatan Polis; Siasatan Jenayah, Cawangan Khas Interpol, Penyelidikan dan Perancang dan pernah menjadi pensyarah di Maktab Polis Kuala Kubu Baru selama hampir 20 tahun mulai November 1969. Semasa dalam perkhidmatan Polis, beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana muda Komunikasi di Universiti Sains Malaysia dan sarjana di Amerika Syarikat dalam bidang Sistem Keadilan Jenayah. Kemudiannya berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia sehingga Mei 1993. Telah bersara dari jawatan kerajaan dan menjalankan perniagaan sendiri. Bukit Kepong telah difilemkan dan telah memenangi Anugerah Filem Terbaik di Festival Filem Malaysia ke-3, 1982.

Pembicara

Encik Muhammad Zaidee Daut
Pembantu Perpustakaan
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Melaka


Judul Buku: **Buku Panduan Lengkap Penjagaan Ibu Dan Anak**

Penerbit: Johor Bahru: Penerbitan Pelangi, 1997

Buku ini menjadi pilihan Puan Mawar kerana ia mengemukakan suatu panduan lengkap bagi ibu dan penjagaan bayi. Ia dipenuhi dengan gambar foto yang menarik yang mengandungi maklumat tentang kehamilan, kelahiran dan kesihatan ibu serta bayi. Sebelum ini pengetahuan beliau tentang kehamilan dan kelahiran amat cetek sehingga beliau membaca mengenainya daripada buku ini yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama memperihalkan mengenai kehamilan mulai dari minggu pertama sehingga ke minggu 36 dan diikuti pula dengan panduan kelahiran. Bahagian kedua pula memuatkan kaedah penjagaan anak yang sempurna dari segi pemakanan, keselamatan dan keperluan harian bayi. Bahagian ketiga memberikan tips kesihatan bagi ibu dan anak.

“Buku ini telah benar-benar memberi keyakinan ketika menghadapi saat-saat melahirkan.”

Menurutnya, “Buku ini telah benar-benar memberi keyakinan kepada saya ketika menghadapi saat-saat melahirkan.” Banyak panduan yang diberikan terutamanya dari segi bagaimana untuk menjaga bayi secara sempurna. Lebih menarik adalah ilustrasinya yang berwarna warni dan dicetak dengan menggunakan kertas yang bermutu tinggi. Buku ini juga mudah dirujuk kerana disertai dengan indeks yang lengkap. Oleh itu beliau mengesyorkan agar buku ini dibaca dan dihayati oleh bakal-bakal ibu sebagai panduan bagi mereka ketika hamil maupun semasa melahirkan.



Elizabeth Fenwick, 1935-

Menetap di London dan menulis beberapa buah buku termasuklah *Adolescence: The Survival Guide for Parents and Teenagers* dan *Understanding Pregnancy*. Beliau juga telah menulis *Adolescence - The Survival Guide for Parents and Teenagers* dan *Childbirth :101 Essential Tips*, bersama-sama dengan Tony Smith.

Penterjemah
Mary Huang Soo Lee

Pembicara
Puan Mawar Maureen Mustapa
Penolong Pengurus/Pelajar


Judul Buku: **Can Asians Think?**

Penerbit: Singapore: Times Book International, 2002

Buku penuh kontroversi ini menarik minat Tuan Sayed Mawismi Al-Jamalullail untuk menjadikannya sebagai bacaan kegemaran beliau kerana ia membicarakan tentang jurang di antara Barat dan Timur dari segi pemikiran atau minda masyarakatnya. Beliau juga menyebut bahawa Majalah *The Economist* telah mencanangkannya sebagai "Toynbee Asia yang cenderung kepada kecermerlangan dan kejatuhan tamadun", manakala *Washington Post* telah melabelkannya sebagai "Max Weber dengan ajaran baru Confucious" dan majalah *Time* telah meletakkan Kishore Mahbubani sebagai seorang pemimpin prototaip abad kedua puluh satu.

Analisis Mahbubani mengenai sejarah zaman silam dan ramalan masa depan telah mengejutkan masyarakat Asia dan juga Barat. Dalam bab-bab tertentu, Mahbubani menyelar sikap orang barat yang kebanyakannya angkuh terhadap dunia Timur. Bagi beliau, jika sikap ini tidak diubah akan membahayakan diri mereka sendiri. "Ekonomi Asia akan 'menghambat' keadaan di Eropah dan Amerika Utara dalam jangka masa lima puluh tahun lagi."

Apa yang menarik lagi bagi Tuan Sayed ialah tulisan Kishore Mahbubani telah disifatkan oleh Paul Volker sebagai penuh dengan maklumat dan mencabar fikiran. Bagi beliau, masyarakat Barat harus menilai diri mereka sendiri dan Peristiwa 11 September seharusnya dijadikan sebagai asas ukuran kepada keperluan itu.



"Ekonomi Asia akan 'menghambat' keadaan di Eropah dan Amerika Utara dalam jangka masa lima puluh tahun lagi."

Kishore Mahbubani

Mendapat pendidikan dalam bidang falsafah dan sejarah. Berasal dari Singapura dan ketika ini berkhidmat sebagai duta besar negaranya ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Can Asia Recover? dan The Pacific Way merupakan hasil karyanya yang telah diterbitkan dalam beberapa buah jurnal dan akhbar terkemuka seperti *Foreign Affairs*, *The National Interest*, *The New York Times* dan *The Wall Street Journal*. Pernah berucap di beberapa forum antarabangsa seperti Davos, Williamsburg, Ditchley dan Institut Pengajian Strategik Antarabangsa (IISS) di samping bertindak sebagai 'think tank' bagi beberapa institusi di Singapura. Beliau juga merupakan seorang fellow di Pusat Antarabangsa Universiti Harvard, selain pernah berkhidmat sebagai Diplomat negaranya di Kemboja, Malaysia dan Kanada.

Pembicara

Tuan Sayed Mawismi Al-Jamalullail
Pelajar
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Judul Buku: Dare To Fail

Penerbit: Petaling Jaya: Hardknocks Factory, 1998

Kegagalan tidak bererti berakhirnya sebuah kehidupan." Buku ini mengukir suatu idea dan fahaman baru yang membawa kepada anjakan paradigma dalam bidang motivasi serta mendedahkan fahaman 'kejayaan' kepada masyarakat terutamanya bagi mereka yang mendambakan kejayaan hidup. Kejayaan bukan hanya terletak kepada kecemerlangan akademik semata-mata tetapi banyak lagi bidang lain yang boleh diceburi sehingga berjaya sekiranya seseorang itu berani mencuba. Perkara yang paling penting untuk berjaya ialah berani untuk menghadapi kegagalan. Pengarang telah memperihalkan pengalaman kegagalan yang pernah beliau lalui dan bagaimana beliau bangkit dan menjadi antara orang yang berjaya. Buku ini juga memuatkan tokoh-tokoh terkenal dunia yang pernah gagal tetapi bangkit dengan lebih gagah dan berjaya. *"There are a lot of ways to become a failure, but never taking a chance is the most successful."*

Buku ini amat bermakna bagi Puan Nahiah Midih yang pernah mengalami kegagalan semasa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Beliau malah telah diperkecilkan oleh gurunya sendiri tetapi semua itu diterima sebagai satu cabaran yang akhirnya membawa kepada kejayaan bilamana hanya beliau seorang sahaja yang berjaya mendapat tempat di universiti pada ketika itu.

Oleh itu beliau menyarankan kepada mereka yang pernah mengalami kegagalan agar tidak berdiam diri dan bermurung memikirkan kegagalan tersebut tetapi menganalisis dan mengenalpasti puncanya dan berusaha memperbaikinya sehingga 'mencipta' kejayaan.


"There are a lot of ways to become a failure, but never taking a chance is the most successful."

Billi P. S. Lim, 1950-

Lahir pada tahun 1950 dan memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma Pendidikan dari Universiti Malaya, di samping menamatkan pengajian dalam kursus pengurusan dari Universiti Singapura dan kursus pengurusan dari Institut pengurusan Asia, Filipina. Beliau telah menghasilkan buku *A to Z of Dare to Fail; Dare to Fail Inspirational comic – series 1; From KSE to KBE* dan *Wisdom In Failure*. Selain menulis, beliau juga merupakan seorang penceramah, jurulatih dan konsultan dalam bidang latihan keusahawanan dan telah mengasaskan penubuhan Institut Hardrocks (IHK) serta menganjurkan seminar *"Born to Be Free."* Buku *Dare to Fail* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, Thai, Indonesia, Taiwan, Mandarin dan Jepun.

Pembicara


Puan Nahiah Midih
Pegawai Akauntan
YS Shipping Sdn. Bhd.



Judul Buku: Dari Lembah Ke Coolibah

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000

“Wanita dan isteri mesti bijak dalam menangani rumah tangga... bestari dan manja, walaupun usia merangkak senja tetapi masih belum lewat malam.”



Puan Che Zainon Omar mula meminati buku bacaannya ini apabila beliau menghadiri satu majlis ‘Membicara Novel Saya’ yang mengundang pengarang buku ini iaitu Ibu Titis Basino P.I. untuk mengulas novelnya sendiri. Pada waktu itu, Puan Che Zainon telah tertarik dengan pengajaran dan kesinambungan cerita dalam novel ini yang mengisahkan mengenai ketabahan, pengorbanan, kasih sayang dan keharmonian watak utamanya iaitu Ibu Nor.

“Cerita ini telah diolah dengan gaya dan teknik penceritaan yang menarik dan menyentuh mengenai ‘dunia’ wanita secara telus. Ia mengisahkan tentang gelagat wanita 50an yang berjiwa muda dengan hasrat dan impiannya yang hanya dimengertikan oleh kaum hawa.”

Ia memuatkan kisah pengorbanan, ketabahan, kasih sayang dan keharmonian watak utamanya yang berusia 50an yang berpenampilan menarik dan mempunyai keberanian yang mengagumkan. Ibu Nor digambarkan sebagai wanita penggoda kerana selalu mendapat perhatian kaum lelaki. Malah bagi Puan Che Zainon beliau merasakan bahawa, “Wanita dan isteri mesti bijak dalam menangani rumah tangga... bestari dan manja, walaupun usia merangkak senja tetapi masih belum lewat malam.”

Titis Basino P. I., 1939-
Lahir pada 17 Januari 1939 di Magelang (Jawa Tengah). Tamat sahaja pengajian dari Fakultas Sastera Universitas Indonesia, beliau bekerja sebagai Pramugari udara di Syarikat Penerbangan GARUDA (1963-1966). Cerpen tulisan beliau, “Dia”, “Hotel” dan “Suatu Keputusan” telah memenangi Hadiah Hiburan majalah sastera tahun 1963. Novel yang dihasilkan pula ialah Pelabuhan Hati (1978), Di Bumi Aku Bersua Di langit Aku Bertemu (1983) dan Bukan Rumahku (1986). Setelah lama menyepi, Titis Basino kembali semula menulis dan menghasilkan trilogi novel Dari Lembah ke Coolibah (1997); Welas Asih Merengkuh Tajali (1997) dan Menyucikan Perselingkuhan (1998). Novel lain ialah Aku Supiah Istri Wardian (1998); Terjalnya Gunung Batu (1998) dan Aku Kendalikan Air dan Angin (1998).


**Pembicara
Che Zainon Omar**
Pensyarah
Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM)

Judul Buku: **Epigrafi Melayu:
Sejarah Sistem Tulisan Dalam Bahasa Melayu**

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997

Buku ini merupakan buku rujukan beliau sebagai seorang pensyarah di Institut Bahasa Melayu Malaysia. Epigrafi Melayu memberikan maklumat tentang pelbagai sistem tulisan iaitu Pallava, Kawi, Jawi dan Rumi yang digunakan suatu ketika dahulu. Ia membentangkan hasil kajian yang menarik dan harus diketahui oleh masyarakat umum kerana ia merupakan tinggalan sejarah dalam bentuk paleografi dan epigrafi. Lebih menarik lagi buku ini juga menyentuh tentang bahasa daerah yang lain seperti Rejang, Lampung, Batak, Kerinci, Lembak, Pasemah, Serawai dan Makassar-Bugis yang digunakan dalam penulisan kesusasteraan dan persuratan Melayu.

Buku ini bagi Puan Aziah, "Boleh digunakan sebagai garis panduan dan rujukan kepada pengkaji sejarah bahasa Melayu khususnya dan pengkaji persuratan dan kesusasteraan Melayu amnya." Sistem tulisan dikatakan telah wujud apabila manusia mula mengetahui bagaimana hendak menyampaikan fikiran dan perasaan melalui tanda-tanda tampak atau dalam bentuk yang boleh difahami.



"Boleh digunakan sebagai garis panduan dan rujukan kepada pengkaji sejarah bahasa Melayu khususnya dan pengkaji persuratan dan kesusasteraan Melayu amnya."

Hashim Musa

Merupakan seorang Profesor dan Ketua Jabatan Institut Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan (IPPP), Fakulti Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Berkelulusan Sijil Perguruan, Sijil Bahasa Arab dan Ph.D. Pakar dalam bidang bahasa Melayu, Linguistik, Falsafah, Tamadun dan pemikiran orang Melayu. Beliau bergiat aktif di dalam Persatuan Linguistik, Persatuan Pencinta Tulisan Jawi Malaysia dan Seni Khat Malaysia.

Antara buku yang dihasilkan ialah Binaan dan Fungsi Perkataan Dalam Bahasa Melayu; Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi dan Epigrafi Melayu: Sejarah Sistem Tulisan Dalam Bahasa Melayu.

Beliau juga menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan Kamus Biografi Tokoh Melayu dan Pemikiran dan Hati Budi Melayu.

Pembicara

Puan Aziah Ismail

Pensyarah

Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM)

Judul Buku: **Fishing Forays:**
An Angler's Travels In Malaysia

Penerbit: Kuala Lumpur: Aznir Abdul Malek, 1999

Buku ini dibaca oleh Encik Zulkifli untuk menambahkan pengetahuan beliau dalam aktiviti memancing. Kandungan buku ini mengandungi 10 bab dan setiap bab dimulakan dengan sajak menarik berkaitan dengan aktiviti memancing.

Buku ini menceritakan pengalaman dan peristiwa-peristiwa lucu yang dialami oleh pengarang sewaktu mengesan lubuk-lubuk ikan di Kuala Tahan, Tasik Chini dan Tasik Bera. Aznir juga memuatkan peristiwa gangguan makhluk halus dan pengalaman bertemu dengan harimau ketika memancing. Sebagai seorang yang gemarkan keindahan alam semulajadi beliau juga memberikan maklumat mengenai tempat-tempat menarik yang menjadi tempat kunjungan pemancing, di samping mengimbas kembali tentang lubuk ikan yang pernah dikunjungi oleh beliau sewaktu kecil tetapi telah musnah oleh pencemaran. Turut dimasukkan juga ilustrasi serta maklumat mengenai enam puluh jenis spesis ikan air tawar yang terdapat di Malaysia untuk menjadi rujukan generasi muda yang kurang mengenali jenis-jenis ikan air tawar. Gambar pengarang berserta hasil tangkapan juga dimuatkan yang menambahkan lagi daya tarikan Encik Zulkifli untuk membaca buku ini. Malah

menurut beliau, "Buku ini sesuai dibaca oleh kaki pancing untuk menambah ilmu memancing,

selain menimba pengetahuan dalam menjelaki dan mengesan lubuk-lubuk ikan dari pelbagai spesis."


"...sesuai dibaca oleh kaki pancing untuk menambah ilmu memancing..."

Aznir Abdul Malek

Anak kampung yang berpengalaman memancing di sungai, parit dan kolam berhampiran rumahnya tetapi mula aktif memancing setelah bekerja sebagai jurutera perindustrian. Menyedari minatnya yang mendalam dalam aktiviti memancing, beliau telah menyertai Persatuan Memancing Malaysia sebagai ahli yang aktif. Beliau kini merupakan panel pengarang Majalah Joran dan Pancing dan Timbalan Presiden Persatuan Memancing Malaysia yang amat dikenali. Kegiatan memancing dan penglibatan peribadinya dalam aktiviti memancing telah membawa beliau ke seluruh Semenanjung. Penglibatannya ini telah menambahkan lagi pengetahuan dan pengalaman beliau. Aznir kini menetap di Kuala Lumpur dan bekerja sebagai pengurus perniagaan.

Pembicara

Encik Zulkifli Abd Samad
 Pegawai Perpustakaan
 Pusat Penyerahan Negara (PPN)
 Perpustakaan Negara Malaysia



Judul Buku: **Gayat**

Penerbit: Selangor: s.n., 2001

“...Pilihanraya Umum 1999 adalah tahun yang melukakan hati pengarang kerana beliau telah kalah teruk dalam Pilihanraya tersebut...”


Sebagai seorang ahli politik buku ini amat gemar dibaca oleh Datuk Ahmad Zahid Hamidi kerana buku ini mengisahkan pengalaman dan perjalanan politik yang pernah dilalui oleh pengarangnya. Antaranya ialah perpecahan yang berlaku pada tahun 1987 bilamana Tengku Razaleigh Hamzah telah bertanding untuk merebut jawatan Penggerusi UMNO yang disandang oleh Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Ia kemudian membawa kepada pengharaman UMNO pada tahun 1988.

Menurut beliau lagi, “Pilihanraya Umum 1999 adalah tahun yang melukakan hati pengarang kerana beliau telah kalah teruk dalam Pilihanraya tersebut kerana keakurannya pada arahan supaya bertanding di kawasan Parlimen Parit.” Bagi Datuk Ahmad Zahid Hamidi, apa yang dipaparkan oleh pengarang mengenai Pilihanraya Umum 1999 juga merupakan satu isyarat bahawa kemelut yang lagi hebat akan berlaku di kalangan orang Melayu jika sesuatu tindakan tidak diambil. Ini berikutan pelbagai karenah telah ditimbulkan oleh orang awam dan juga para pemimpin UMNO sendiri. Mereka seakan lupa bahawa mereka berkuasa hanya kerana adanya sokongan padu rakyat. Mereka terjerumus ke dalam perkara-perkara yang tidak sihat, mengambil rasuah dan tidak mengambil berat serta mempedulikan hal rakyat yang memilihnya. Perbuatan salah laku dan tidak bertanggungjawab ini telah menimbulkan rasa benci di kalangan rakyat dan pegawai kerajaan.

Fenomena yang berlaku ini jika tidak diatasi akan membawa kesan yang lebih buruk lagi. Oleh itu pengarang telah menyarankan agar UMNO membuat perubahan yang drastik dengan menangani segala isu yang timbul jika ingin memperoleh semula sokongan majoriti rakyat. Soal keadilan, biasiswa dan pengagihankekayaan haruslah diperhitungkan semula supaya orang Melayu tidak ketinggalan tetapi masih mengambil kira pembangunan semua bangsa. Beliau menyebutkan saranan pengarang agar pemimpin-pemimpin UMNO kembali semula kepada sumber hukum Islam iaitu al-Quran, al-Hadis, ijtimak dan ulama di dalam menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah dan mencari jalan penyelesaian kepada segala masalah yang berlaku dengan sebaik-baiknya.


Megat Junid Megat Ayob, 1944-
Beliau amat aktif dalam politik dan pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sebagai Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Pembicara
Y.B. Datuk Ahmad Zahid Hamidi
Pengerusi
Syarikat Perumahan Negara Berhad



Judul Buku: **Good Kids, Bad Behavior:**
Helping Children Learn Self-Discipline

Penerbit: New York: Simon Schuster, 1990



Minat yang mendalam terhadap pendidikan kanak-kanak telah mendorong Wan Roslina untuk menjadikan buku ini sebagai bacaan kegemarannya. Menurutnya, "Membaca dan menghayati buku ini telah memberi banyak pengajaran dan pengetahuan berguna bagi saya dari segi pendidikan kanak-kanak."

Buku ini membentangkan kaedah-kaedah untuk membentuk sikap positif dari perlakuan buruk yang terdapat pada kanak-kanak. Psikologis kanak-kanak Peter

Williamson telah mengemukakan pendekatan

baru untuk mendisiplin anak-anak. Bagi beliau bimbingan adalah lebih penting berbanding hukuman bagi mendisiplin anak-anak dengan berkesan di samping mengajar dan memperbetulkan kesilapan. Ia menerangkan kepada pembaca akan kaedah untuk membantu kanak-kanak mempelajari disiplin kendiri. Dalam ertikata lain, yang diketengahkan oleh Williamson ialah cara-cara membantu kanak-kanak membuat keputusan sendiri mengenai kelakuan mereka.

Menurut beliau, ibu bapa masa kini sering mengeluh mengenai kelakuan kanak-kanak sekarang yang semakin sukar dididik berbanding dengan kanak-kanak zaman dahulu. Keluhan, "Apa sudah jadi dengan anak-anak hari ini" sering didengar. Buku ini juga memperjelaskan beberapa kesilapan mendidik anak-anak sehingga menimbulkan salah laku di kalangan mereka serta diberikan cadangan bagaimana untuk mengatasinya. Adalah penting bagi ibu bapa untuk mencari punca kenapa berlakunya salah laku di kalangan anak-anak. Rumahtangga yang harmoni boleh menjadi pemangkin kepada pembentukan anak-anak yang berdisiplin dan cemerlang. Justeru bagi Puan Roslina, "Buku ini amat sesuai dijadikan sumber rujukan bagi para ibu bapa di dalam membimbing anak-anak."

Peter Williamson, 1730-1799

Merupakan seorang 'reformer'. Beliau telah diculik dari tanah kelahirannya di Aberdeen dan dijual sebagai hamba abdi di Amerika Syarikat. Beliau telah melarikan diri dari menyertai tentera dan dipenjarakan di Perancis. Keluar dari penjara, beliau kembali semula ke Edinburgh dan mula menerbitkan direktori, menubuhkan perkhidmatan pos dan berjaya menyaman pegawai-pegawai Aberdeen yang terlibat di dalam perniagaan hamba abdi.

Pembicara

Puan Wan Roslina Wan Rahman


Pengarah

British Montessori Pre-School

"Membaca dan menghayati buku ini telah memberi banyak pengajaran dan pengetahuan berguna ...dari segi pendidikan kanak-kanak."

Judul Buku: Great Expectations

Penerbit: Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974



Mengisahkan mengenai kehidupan Pip bermula dari usianya 7 tahun hingga ke usia 30an. Pip merupakan seorang anak yatim yang dibesarkan oleh kakaknya tanpa kasih sayang kerana Pip dianggap sebagai membebankan. Hanya abang iparnya sahaja yang menyayanginya. Ketika Pip menziarahi pusara ibu bapanya, dia telah bertemu dengan dua orang pelarian. Pip bersympati dengan mereka dan atas dasar perikemanusiaan, dia telah membantu pelarian tersebut. Malangnya mereka kemudiannya telah ditemui dan dipenjarakan.

Pip kemudiannya telah bekerja di rumah Miss Havisham sebagai tukang besi bersama-sama Joe. Semasa bekerja di sini, Pip telah jatuh hati dengan Estella dan merasakan bahawa dia sepatutnya mencari pekerjaan yang lebih baik untuk memikat Estella. Impiannya tercapai apabila dia mendapat wang wasiat dari seorang pelarian yang dibantunya dahulu. Hal ini tidak diketahuinya kerana dia menjangkakan wang tersebut diwasiatkan oleh Miss Havisham. Walau bagaimanapun kekayaan yang diperoleh ini telah melalaikan Pip. Dia telah pergi ke London dan bertemu dengan Herbert Pocket yang telah membawanya kepada cara hidup mewah dan akhirnya memerangkap Pip ke dalam beban hutang yang banyak. Hanya apabila Pip mengetahui rahsia sebenar kekayaan yang diperoleh barulah dia sedar dan berasa malu dengan sikapnya itu. Beliau telah berubah dan kembali ke negeri asalnya dan bertemu semula dengan Estella.

Menurut Y.Bhg. Tan Sri, "Nilai-nilai kemanusiaan yang ditonjolkan dalam cerita ini ialah kesanggupan Pip untuk membantu pelarian walaupun risikonya tinggi dan sanggup berbuat apa sahaja agar Estella jatuh hati padanya. Pengajarannya pula ialah kekayaan yang diperoleh sekelip mata tanpa usaha sendiri hanya akan menghancurkan diri sendiri jika seseorang itu tidak dapat mengurusnya dengan jujur."

Charles Dickens, 1812-1870

Merupakan seorang penulis yang prolifik dan amat dikenali di kalangan pencinta kesasteraan Inggeris. Beliau banyak menulis novel-novel klasik yang menjadi kegemaran ramai hingga kini.

Banyak daripada novel beliau telah diadaptasi ke filem dan beberapa siri televisyen termasuklah *Great Expectations*.

Antara novel yang dihasilkan oleh Dickens ialah *Oliver Twist* (1838); *Nicholas Nickleby* (1839); *Master Humphrey's Clock* (1841); *Barnaby Rudge* (1841); *David Copperfield* (1850); *Christmas Carol* (1843); *Hard Times* (1854); *Little Dorrit* (1857) dan *Tale of Two Cities* (1859).

Pembicara

Y.Bhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Hamid Bugo

Bekas Setiausaha
Kerajaan Negeri Sarawak

“...pengajarannya pula ialah kekayaan yang diperoleh sekelip mata tanpa usaha sendiri hanya akan menghancurkan diri sendiri jika seseorang itu tidak dapat mengurusnya dengan jujur.”

Judul Buku: **Gung Ho! Turn On The People In Any Organization**

Penerbit: New York: William Morrow, 1998

Buku ini amat menarik minat Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Deen kerana, "Gung Ho mengemukakan satu strategi atau kaedah yang berkesan dan mudah untuk memotivasi pekerja berdasarkan kepada tiga idea yang utama :-

- Pekerja melihat pekerjaan sebagai sesuatu yang penting
- Pekerja bertanggungjawab terhadap pekerjaannya
- Pengurus menghargai pekerja. *Gung Ho* menghasilkan pekerja-pekerja yang komited untuk berjaya."

Baginya *Gung Ho* ditulis dengan tujuan untuk menukar pekerja yang lesu dan tidak bermotivasi kepada seorang pekerja yang cemerlang dalam organisasi tempat mereka bekerja. Ia ditulis berdasarkan kisah benar yang berlaku di Amerika Syarikat. Ia memuatkan kisah benar bagaimana Peggy Sinclair dan Andy Longclaw telah berjaya membangunkan semula sebuah syarikat yang hampir ditutup menjadi sebuah organisasi yang cekap, memperoleh keuntungan, kreatif dan mempunyai pekerja-pekerja yang saling bekerjasama dalam suasana yang selesa dan cemerlang.

Menurut beliau lagi, "*Gung Ho* mendedahkan kepada pembaca bagaimana kuasa 'transfomasi' mampu mengambilalih. Dengan perancangan yang jelas dan tindakan yang berasaskan kepada idea yang bernalas, sebuah organisasi dapat dimajukan langkah demi langkah."

"...dengan perancangan yang jelas dan tindakan yang berasaskan kepada idea yang bernalas, sebuah organisasi dapat dimajukan langkah demi langkah."

Ken Blanchard


Merupakan Penggerusi *Blanchard Training and Development Inc.* di Amerika Syarikat. Buku terbaru yang dihasilkan ialah *Servant Leader* (2003) dan *Heart of a Leader : Insights on the Art of Influence* (2004). Beliau juga pengarang bersama bagi buku *The One Minute Manager* dan 11 buah buku terlaris yang lain. Buku-bukunya telah terjual melebihi 12 juta naskhah dan diterbitkan dalam lebih daripada 25 bahasa.

Sheldon Bowles

Beliau adalah pengasas dan Presiden *Don Gasoline Corporation* selain menjadi Presiden *Ode to Joy Limited*, sebuah syarikat pengurusan. Beliau juga pengarang bersama dengan Ken Blanchard bagi buku *Raving Fans*.

Pembicara

Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Deen
Pensyarah
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak




Judul Buku: Hari Kiamat

Penerbit: Singapore: Pustaka Nasional, 1976

Karya asal buku ini adalah dalam bahasa Arab. Telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Abdul Razzak Naufal. Buku ini menghuraikan pengertian dan peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada hari kiamat. Banyak petikan hadis dan ayat-ayat Al-Quran dimasukkan untuk memperjelaskan lagi bukti-bukti bahawa kiamat akan berlaku yang mana bumi akan bergoncang dan manusia semua akan mati tetapi dibangkitkan semula untuk menerima pembalasan di hari pengadilan di Padang Masyhar. Perbincangan mengenai kiamat telah dibahagikan kepada beberapa topik yang memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kiamat. Ia sesuai dibaca oleh semua umat Islam tanpa mengira usia.

Bagi Ilda Salwani, "Membaca dan menghayati buku ini telah meningkatkan kesedaran kepada saya akan tibanya suatu hari yang dinamakan hari kiamat." Oleh itu, beliau akan cuba mengamalkan apa yang diperintahkan oleh Allah dan menjauhi segala larangannya.

"Membaca dan menghayati buku ini telah meningkatkan kesedaran kepada saya akan tibanya suatu hari yang dinamakan hari kiamat."



Abdul Razzak Naufal
Karya lain yang dihasilkan termasuklah Hari Akhirat; Langit dan Para Penghuninya; Mencari Keridhaan Allah; Alam Jin dan Malaikat; Muhammadun Rasulan Nabiyani; Al-Islam dan Din Wa-Dunya.

Pembicara
Cik Ilda Salwani Ameer Hamzah
Guru

judul Buku: Komunikasi Untuk Pemimpin

Penerbit: Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors, 2001



Tuan Haji Nagteni telah memilih buku Komunikasi untuk Pemimpin sebagai bacaan kegemaran beliau kerana merasakan ia sesuai dengan tugas beliau sebagai Pegawai Pusat Sumber Pendidikan Negeri Melaka.

Buku motivasi ini memberikan panduan tentang kaedah yang betul untuk menjadi seorang pemimpin. Ia menyediakan garis panduan dan teknik-teknik psikologi bagaimana untuk menjadi seorang pemimpin yang berkesan.

“Apa pun yang kita lakukan perlu lahir dari keikhlasan hati agar keberkatan dari Allah dapat diperoleh”

Salah satu kemahiran memimpin yang paling penting ialah kemahiran seseorang mempengaruhi pemikiran orang lain. Keberanian untuk berucap di khalayak ramai dengan cara yang berkesan adalah menjadi kayu pengukur kepada kredibiliti seseorang pemimpin. Teknik komunikasi yang baik amat berperanan untuk membentuk individu menjadi seorang pemimpin yang baik. Penulis juga turut mendedahkan mengenai sifat-sifat seseorang yang suka mengampu, berdusta dan sebagainya yang mana bagi Tuan Haji Nagteni, “Apa pun yang kita lakukan perlu lahir dari keikhlasan hati agar keberkatan dari Allah dapat diperoleh.”

Abdullah Hassan, 1942-
Antara buku yang dihasilkan ialah
Tesusus Melayu Moden Utusan dan
Kamus Peribahasa Lengkap Utusan.

Ainon Mohd, 1950-
Judul lain yang dihasilkan ialah
Teknik Kepimpinan : Panduan Aplikasi
di Tempat Kerja.

Karya Bersama

Sinonim Inggeris-Melayu, English-Malay
Synonyms; Panduan Komunikasi
Perkahwinan; Mengendalikan Masalah
Dalam Hubungan Peribadi; Kamus
Peribahasa Kontemporari; Kamus
Simpulan Bahasa; Kepintaran Daya Cipta
dan Kemahiran Berfikir.

Pembicara
Tuan Haji Nagteni Haji Sirat
Pegawai Pusat Sumber
Pusat Sumber Pendidikan Negeri Melaka

Judul Buku: **Latticework: The New Investing**

Penerbit: New York: Texere 1st edition, 2000

“...orang yang berjaya ialah orang yang tidak hanya pakar dalam satu disiplin ilmu sahaja tetapi pelbagai bidang ilmu yang ada di dunia ini.”

“The degree to which we can achieve worldly wisdom comes about really from learning the big ideas that have occurred or occur in disciplines such as literature, physics, philosophy, and biology — as opposed to just becoming specialized people who drill down into a single discipline.” – Robert G. Hagstrom

Bukan sebuah buku mengenai pelaburan yang tipikal. Juga bukan kisah kejayaan syarikat mega. *Latticework* adalah pengenalan kepada perspektif baru yang telah diamalkan oleh para pelabur yang berjaya. Perspektif yang dicadangkan juga boleh digunakan sebagai rujukan sepanjang masa.

Menurut Hagstrom, seseorang pelabur perlu meningkatkan ilmu seluas dan sepelbagai yang boleh kerana melaluiinya seseorang akan berupaya membina *“latticework of connected ideas.”* *“Latticework of connected ideas”* ini penuh dengan idea dan konsep yang membantu dalam proses membuat keputusan.

Buku ini telah menambahkan lagi pengetahuan Encik Romil mengenai selok belok pelaburan secara menyeluruh dan boleh dijadikan sebagai panduan oleh beliau untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan bidang ekonomi terutamanya berkaitan dengan pelaburan. Pengarang telah menemui ‘formula’ kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara besar dan maju seperti Amerika Syarikat, Britain, Perancis dan Jepun yang berupaya menguasai ekonomi dunia. Formula yang digunakan ialah menjana kaedah dan teknik pelaburan secara bijaksana. Kaedah ini juga telah membuka mata dunia bahawa pelaburan merupakan suatu alat yang penting bagi menjana kemajuan ekonomi sesebuah negara. Bagi Encik Romil, kaedah ini boleh dijadikan sebagai panduan oleh para pencinta ilmu untuk mengadaptasikannya pula ke dalam disiplin ilmu yang lain. Menurutnya, “Orang yang berjaya ialah orang yang tidak hanya pakar dalam satu disiplin ilmu sahaja tetapi pelbagai bidang ilmu yang ada di dunia ini.”


Robert G. Hagstrom, 1956

Merupakan Timbalan Presiden dan Pengarah Legg Mason Focus Capital selain pernah menjadi rakan kongsi dan pengurus Focus Trust Mutual Fund dan Focus Capital. Pada masa yang sama beliau juga menjadi ahli *Investment Management and Research Association*, *Financial Analyst* di Philadelphia dan *Chartered Financial Analyst*. Berkelulusan ijazah dan sarjana dari Universiti Villanova. Beliau juga menulis buku *The Warren Buffett Way*; *The Warren Buffett Portfolio*; *The Essential Buffett: Timeless Principles for the New Economy* dan *The Detective and The Investor: Uncovering Investment Techniques from the Legendary Sleuths*.

Pembicara


Encik Romil Shamsuddin

Pegawai Insurans



Judul Buku: **The Leader In You:**
How to Win Friends, Influence People And Succeed
In A Changing World

Penerbit: New York: Pocket Books, 1964



Meskipun terdapat anjakan dalam kemajuan teknikal, isu-isu tenaga kerja, pengurusan, motivasi dan komunikasi tetap menjadi cabaran setiap organisasi. *The Leader in You* mengutarakan teori-teori pengurusan yang mudah dan teruji dalam arena teknologi masakini dengan hasil yang amat memuaskan.

Dunia global dewasa ini sentiasa menuntut kepada perubahan dan pembaharuan. Justeru sebagai menyahut cabaran itu, Puan Joanna telah memilih buku ini sebagai buku bacaan kegemaran beliau.

Buku ini memperkatakan kaedah kemahiran kepimpinan yang boleh diadaptasi oleh sesiapa sahaja dan di dalam pelbagai situasi kerja. Fokusnya adalah terhadap cara-cara mempengaruhi untuk faedah kewangan. Bagi pengarang, syaratnya adalah mudah: "Sentiasa bersungguh-sungguh jika boleh, jika tidak mampu, sekurang-kurangnya usah bersikap negatif." *"Believe that you will succeed, and you will..."*

Buku yang mengulas mengenai revolusi perhubungan manusia ini mengajak pembaca agar membuat perubahan ke arah yang lebih baik terhadap diri. Katanya, "...keep your mind to change all the time, welcome it, hold it..." Pengarang menyarankan agar pembaca buku ini sentiasa membuat ujian dan eksperimen terhadap teknik-teknik yang diutarakan dan berupaya melihat sesuatu itu menerusi perspektif yang berlainan serta meluahkan idea dengan lebih jelas dan berkesan lagi. Menurut Puan Joanna lagi, "Buku ini mudah difahami kerana setiap bab disertakan dengan contoh-contoh yang diambil dari peristiwa sejarah dan ia memberi panduan berguna untuk berkomunikasi dengan lebih efektif."

"Buku ini mudah difahami kerana setiap bab disertakan dengan contoh-contoh yang diambil dari peristiwa sejarah dan ia memberi panduan berguna untuk berkomunikasi dengan lebih efektif."

Dale Carnegie, 1888-1955

Seorang pelopor pengucapan awam dan pembangunan diri yang dilahirkan di Mary Ville sebelum berhijrah ke New York pada tahun 1912. Telah menubuhkan Dale Carnegie and Associates, Inc. Buku *How To Win friends and Influences People* (1936) telah terjual melebihi daripada 10 juta naskhah dan telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa. Buku lain yang juga turut menjadi tarikan ialah, *Believe That You Will Succeed, and You Will; Learn to Love, Respect and Enjoy Other People* dan *How to Stop Worrying and Start Living* (1948).

Stuart R. Levine

Merupakan Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) dan ahli Lembaga Pengarah Dale Carnegie and Associates, Inc. Beliau juga menulis buku *The Size Fundamental of Success*.

Michael A. Crom

Naib Presiden bagi Pusat Kecemerlangan Dale Carnegie dan ahli Lembaga Pengarah Syarikat. Buku lain yang dihasilkan ialah *The Sale Advantage How to Get It*.

Pembicara

Puan Joanna Kitingan-Kissey

Pembantu Kanan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi, Sabah

Judul Buku: **Les Misérables**


Penerbit: New York: Acclaim Books, 1997

Buku ini bagi Puan Ku Joo Bee amat menyayat hati kerana ia mengisahkan mengenai kebajikan yang dibuat oleh sesama manusia. Menurutnya, "Watak-watak dalam cerita dapat memberi pengajaran kepada pembaca." Paderi Myriel telah menunjukkan sifat kemanusiaannya dengan memberi keampunan kepada seorang penjenayah yang tidak berhati perut bernama Valjean. Walau bagaimanapun Valjean telah berubah menjadi baik setelah bertemu dengan Myriel yang telah mengembalikan maruah beliau sehingga menjadi seorang yang dihormati. Dia sering membantu sesiapa sahaja yang memerlukan pertolongan, bersympati terhadap pekerjaanya dan juga rakan-rakannya yang lain. Inspektor Javert pula mewakili undang-undang dengan memperlihatkan kuasa yang dimiliki. Manakala Cosette dan Marius adalah pasangan bercinta yang membuktikan cinta mereka dapat mengatasi segalanya.

Cerita ini berlaku sewaktu revolusi Perancis. Golongan miskin dianggap sebagai orang buangan dan mereka perlu berjuang untuk membebaskan diri dan memperoleh hak mereka. Cerita ini berlatarkan pula dunia jenayah Paris dengan watak utamanya, Jean Valjean telah menerima hukuman dan dipenjarakan selama 19 tahun kerana mencuri roti. Apabila dibebaskan, Valjean bercadang untuk merompak paderi Myriel tetapi telah membatalkan niatnya. Valjean kemudiannya telah berubah perilaku dan menjadi seorang ahli perniagaan, dermawan dan Datuk Bandar dan menukar namanya kepada M. Madelaine. Untuk menyelamatkan seorang yang tidak bersalah, Valjean telah berkurban mengaku dia bersalah lalu dipenjarakan di Toulon. Valjean akhirnya dapat melepaskan diri dari penjara. Dia telah memelihara Cosette, anak luar nikah Fantine. Cosette kemudiannya telah jatuh cinta dengan Marius yang telah cedera semasa melarikan diri. Marius dan Cosette akhirnya berkahwin dan Valjean menceritakan kepada mereka tentang kisah hidupnya selama ini.

Cerita ini telah difilemkan beberapa kali dan pementasan musical juga telah dilakukan oleh penggubah muzik Claude-Michel Schönberg yang dipentaskan di Paris pada tahun 1980. Versi bahasa Inggeris telah dipentaskan pada tahun 1985 dan versi Broadway pada tahun 1987.

**"...watak-watak
dalam cerita dapat
memberi pengajaran
kepada pembaca."**



Victor Hugo, 1802-1885

Dilahirkan di Besancon pada tahun 1802. Merupakan anak seorang pegawai tinggi tentera di zaman Napoleon. Selepas kejatuhan Napoleon, Hugo telah berpindah ke Paris dan belajar di Lycee Louis-le Grand dari tahun 1815 hingga 1818. Menceburi bidang penulisan pada usia 15 tahun dengan menulis sajak dan melangkah lagi seterusnya dengan menulis novel pertamanya iaitu *Han D'Islande* (1923) diikuti dengan *Bug-Jargal* (1826). Karyanya yang terkenal ialah *The Hunchback of Notre Dame* (1831) dan *Les Misérables* (1862). Beliau juga menghasilkan karya yang berupa tragedi seperti *Odes Et Poesies Diverses*.

Selain menulis, beliau juga bergiat dalam politik dan pernah menempuh suka duka dalam politik. Beliau meninggal dunia pada tahun 1885.

Pembicara

Puan Ku Joo Bee
Pengarah
Perpustakaan Negeri Sabah

Judul Buku: Life Is Tremendous

Penerbit: Wheaton, IL : Tyndale House Publishers, 1998

Life Is Tremendous adalah buku bacaan kegemaran Dr. Robiah Kulop Hamzah kerana fokus utama buku ini yang membincarkan mengenai kebahagiaan hidup. Kaedah untuk mencapai kebahagian hidup ialah dengan mengamalkan sikap positif dan berfikiran terbuka. Buku ini tidak jemu beliau baca kerana, "Ia mengutarakan idea dalam bentuk cerita yang mudah"; sesuai dengan kenyataan bahawa, "...hidup ini memimpin..." dan "...sepanjang hidup memimpin..." Topik utama yang dikemukakan ialah "*how to be a happy leader*" dan "*skill to be a leader*" dan seterusnya mengingatkan pembaca, "*after reading this book, don't try to remember the word that I say. I'm giving you the fact for you to learn to think back, but do as I say and then try to utilize.*" Konsep yang cuba diutarakan oleh pengarang adalah mudah dan boleh dilakukan jika mencubanya. Terpulang kepada individu untuk mencorak kehidupan masing-masing.

Bagi beliau terdapat pelbagai kaedah untuk bekerja secara positif dan menekankan pentingnya berkomunikasi bagi mempengaruhi mood harian. Beliau mengatakan, "*production to perfection... exposure is needed for experience... any new thing is good for you.*" "Bermakna kehidupan adalah satu proses pembelajaran. Namun, tidak semestinya semua perkara perlu dipelajari. Belajarlah apa-apa yang diperlukan di samping sentiasa peka terhadap perkara-perkara baru."

Bahagian akhir buku ini telah menimbulkan persoalan tentang tiga perkara penting yang perlu diputuskan dalam kehidupan - dengan siapa kita habiskan masa hidup kita; cara bekerja dan matlamat hidup yang hendak dicapai.

"production to perfection... exposure is needed for experience ...any new thing is good for you"

Charlie E. Jones, 1927-


Merupakan seorang ahli perniagaan yang telah menubuhkan syarikatnya sendiri di usia 30an dan telah menerima pelbagai anugerah. Kejayaan ini diperoleh hasil dari penglibatannya dalam dunia perniagaan sejak kecil. Beliau kemudiannya telah mengasaskan *Life Management Services* dan *Executive Books* setelah bersara. Buku *Life Is Tremendous* yang dihasilkan ini telah diterjemahkan ke dalam lapan bahasa.

Pembicara

Dr. Robiah Kulop Hamzah

Pensyarah

Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM)



Leaders Are

One of the greatest
"You will be the
today except for
books you read."
true.

Several years ago,
Wake up and Live
by a woman, too!
you understand, is
better than what we
that we're at least

This book is great
how to be a success
for me was that I
am to succeed. So
doing more to fail
you're so successful

Judul Buku: **The Magic Of Thinking Big = Berfikir Dan Berjiwa Besar**

Penerbit: Jakarta: Penerbit Gunung Jati, 1978

Beliau memilih buku *The Magic of Thinking Big* kerana gemar dengan buku-buku bercorak motivasi.

Membaca buku ini dapat memberi semangat dan keyakinan kepada beliau untuk meneruskan kehidupan sehari-hari apatah lagi buku ini memperkatakan tentang sikap positif yang perlu ada dalam diri setiap individu yang ingin kejayaan dalam hidup.

Buku ini memperkatakan tentang sikap positif yang perlu ada dalam diri setiap individu yang mengimpikan kejayaan hidup. Seseorang itu tidak perlu bijak dan mempunyai kepandaian yang luar biasa untuk berjaya tetapi sikap dan cara berfikirlah yang akan menentukannya. Menurut beliau lagi, "Alasan hanyalah merupakan 'penyakit' yang akan menghalang kejayaan." Topik-topik yang diperkatakan di dalam setiap bab dalam buku ini memberi panduan dan teknik berfikir yang dinyatakan dalam bentuk kajian kes berdasarkan kepada pengalaman penulis sendiri.

Cita-cita besar akan membawa hasil yang besar juga. Buku ini bukan sahaja memberikan pendekatan tentang kaedah-kaedah untuk mencapai matlamat yang diingini, malah lebih dari itu. Kaedah yang disyorkan oleh Schwartz bukan sekadar janji kosong tetapi memuatkan kaedah untuk memperoleh yang terbaik dari kerjaya, perkahwinan, keluarga dan juga masyarakat tanpa memerlukan kepandaian atau bakat yang luar biasa. Apa yang penting ialah belajar dan faham kaedah berfikir dan melakukan perkara-perkara yang akan membawa individu ke tahap yang dicitakan.


"Alasan hanyalah merupakan 'penyakit' yang akan menghalang kejayaan."

David J. Schwartz

Merupakan Profesor di Georgia State University di Atlanta dan Presiden Creative Educational Services, Inc., sebuah syarikat perunding pembangunan kepimpinan di samping pakar motivasi terulung. Hasil tulisannya bukan sahaja dibukukan tetapi juga diterbitkan dalam bentuk kaset audio. *The Magic of Thinking Success* dan *The Magic of Getting What You Want* adalah antara karya lain yang dihasilkan.

Pembicara

Puan Hajjah Ezzah Abdul Aziz Fawzy
Pengacara TV3



Judul Buku: Malay Sketches


Penerbit: London: John Lane, 1903

Tertarik dengan 'pendedahan' yang dikemukakan oleh Frank Swettenham mengenai kehidupan orang Melayu dalam buku ini telah menyebabkan *Malay Sketches* menjadi buku bacaan kegemaran Puan Siti Zakiah Aman.

Menurut beliau, buku ini memuatkan sketsa hidup orang Melayu iaitu, "Ia boleh membantu kita membentuk jati diri kita... orang Melayu." Buku ini membincarkan mengenai kejadian amuk yang berlaku di dalam masyarakat Melayu di samping memuatkan cerita-cerita yang berkaitan dengan peristiwa latah yang diketahui hanya wujud di kalangan orang Melayu.

Di dalam buku ini Swettenham ada menyebutkan juga bahawa iklim khatulistiwa yang panas dan lembap sepanjang tahun telah menjadi penyebab kenapa orang Melayu malas.

Buku yang ditulis ketika beliau memegang jawatan Residen pada tahun 1885 ini menggambarkan orang Melayu sebagai, "Benar benar berani... hidupnya banyak membazir, suka berhutang tetapi lambat membayarnya semula... dia selalu menyebut perumpamaan... tidak pernah minum benda yang memabukkan dan jarang-jarang menghisap candu.. dia ahli sukan semula jadi... bangga dengan negeri dan bangsanya, menghormati adat resam dahulu kala serta kagum dengan kuasa yang dibina... dia juga seorang pelajar dalam acara meniru tetapi malas benar, menganggap waktu itu tidak begitu penting."



**"Ia boleh
membantu kita
membentuk jati
diri kita... orang
Melayu."**

Frank A. Swettenham, 1850-1946
Dilahirkan pada 28 Mac 1850 di Belper, Derbyshire, England. Beliau merupakan Pegawai Tinggi British di Tanah Melayu semasa Inggeris memerintah. Memulakan khidmatnya di Singapura pada tahun 1871 sebagai Kadet perkhidmatan awam bagi Negeri-Negeri Selat (Singapura, Melaka dan Pulau Pinang). Kemudiannya dilantik sebagai Residen British di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebelum dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu dari tahun 1901-1904. Pengalaman beliau ketika berada di Tanah Melayu telah memberikan beliau banyak ilham untuk menulis mengenai Tanah Melayu (sekarang Malaysia).

Pembicara
Puan Siti Zakiah Aman
Pengarah Bahagian Rujukan Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: **Meneroka Alam Remaja**

Penerbit: Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1994

“...remaja perlu dipimpin supaya mereka tidak terkeluar daripada landasan hidup sebenar.”

Buku ini menjadi bacaan kegemaran Encik Raslin kerana ia mengulas mengenai kehidupan alam remaja yang menurut laporan Lembaga Penduduk dan Kemajuan Negeri Selangor, gejala sosial remaja kini kian meningkat dan amat serius. Bagi Encik Raslin, “Keadaan ini menyedarkan beliau bahawa Remaja masa kini amat memerlukan bimbingan dan nasihat keluarga dalam menempuh kehidupan dan mereka tidak harus dibiarkan bersendirian tanpa hala tuju. Remaja perlu dipimpin supaya mereka tidak terkeluar daripada landasan hidup sebenar.”

Beliau amat bersetuju dengan cara penulisan buku ini yang menyelitkan kata-kata daripada tiga orang tokoh utama iaitu Dato' Dr. Sulaiman Mohammad, Dato' Seri Dr. Siti Hasmah Mohammad Ali dan Menteri Pembangunan Negara dan Kemajuan Masyarakat; juga menghuraikan tiga tahap remaja iaitu awal remaja, pertengahan remaja dan akhir remaja. Golongan remaja ialah mereka yang berumur dalam lingkungan 10 hingga 24 tahun dan biasanya golongan inilah yang seringkali menimbulkan pelbagai masalah dalam keluarga. Buku ini mengemukakan kaedah-kaedah yang boleh digunakan oleh ibu bapa untuk menangani masalah anak-anak remaja kerana peringkat ini merupakan peringkat peralihan mereka daripada zaman kanak-kanak. Salah laku oleh remaja masakini termasuklah merokok, minum arak dan menagih dadah. Gejala ini berlaku akibat dari perubahan yang ketara dari segi cita rasa dan keinginan remaja. Begitu juga dengan potensi seksual yang juga turut meningkat. Perubahan-perubahan lain yang disentuh adalah dari segi fizikal seperti ketinggian, suara, fikiran dan kulit muka.

“...remaja perlu dipimpin supaya mereka tidak terkeluar daripada landasan hidup sebenar.”

Khadijah Haidi Khalid

Dilahirkan di Alor Star, Kedah dan merupakan seorang pensyarah di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Mempunyai kelulusan di peringkat Diploma, Ijazah dan Sarjana dalam pendidikan di samping Sijil Pengurusan Awam. Pernah bekerja di *Boustead Holdings* sebagai eksekutif majikan dan latihan. Mengasaskan Unit Kaunseling di Maktab Komuniti di Kuantan dan berpengalaman sebagai kaunselor di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Banyak daripada hasil tulisannya diterbitkan dalam majalah dan akhbar tempatan termasuk Timang, Berita Harian, Wanita dan *Malaysian Journal of Family Studies*.

Pembicara

Encik Raslin Abu Bakar
Pengarah Bahagian Latihan
Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: Meniti Kaca

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991

Puan Hasnah telah memilih buku ini kerana banyak nilai-nilai murni yang dapat diambil pengajaran daripadanya. Faktor pengarang, judul buku dan tema ceritanya telah menambah minat beliau untuk membaca buku ini. Bagi beliau pengalaman sebagai seorang pensyarah dan guru telah digunakan oleh pengarang dengan sepenuhnya untuk menghasilkan satu karya yang amat sesuai dibaca dan dijadikan panduan oleh para remaja. Di sebalik judulnya yang ringkas dan *simple* ia sebenarnya menimbulkan tarikan kepada pembaca untuk mengetahui maksud yang tersirat disebaliknya.

Buku ini mengisahkan mengenai kehidupan seorang remaja yang masih bersekolah tetapi terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan dalam hidupnya tetapi akhirnya mencapai kejayaan. Nazar, seorang remaja berusia 14 tahun, anak kepada Mahayu yang nanar (gila) sejak melahirkan adiknya Salmiah. Nazar, terpaksa mengambil alih tugas dan tanggungjawab menjaga ibu dan adiknya sementara ayahnya sibuk bekerja. Kepayahan dan keperitan hidup yang dihadapi oleh Nazar telah menyuntik semangat beliau untuk belajar bersungguh-sungguh dan akhirnya dia berjaya.



“...banyak nilai-nilai murni yang dapat diambil pengajaran daripadanya.”

Menurut Puan Hasnah banyak pengajaran yang boleh diambil dari buku ini. Oleh itu beliau menyarankan kepada para remaja agar, "...jadikan semangat dan jiwa murni Nazar sebagai *model* dalam menempuh kehidupan."

RP
KAAN
AYSLA
nilai-
murni yang
dapat diambil
pengajaran
daripadanya.”

Raja Sabarudin Raja Abdullah, 1947-
Dilahirkan pada 21 Julai 1947 di Perak dan lebih dikenali sebagai "Puja Sundarsolong." Bekerja sebagai seorang guru sejak tahun 1969 dan kini bertugas di sekolah Menengah Raja Sulaiman, Perak. Mula bergiat dalam bidang penulisan drama pada tahun 1967 sebelum aktif menulis novel, cerpen, sajak dan mengulas buku pada tahun 1976. Merupakan seorang pengarang yang prolifik dan banyak memenangi Anugerah Sayembara. Novel Meniti kaca ini telah dihasilkan oleh beliau dalam tahun 1991. Karya-karya lain yang dihasilkan termasuklah Siri Sastera Melayu Kanak-Kanak Pilihan Abad 20 dan Anak Bekas Perajurit Edisi Kedua.

Pembicara

Puan Hasnah Salleh

Pensyarah

Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM)

Judul Buku: **The Mirror Image Ghost**

Penerbit: London: Faber and Saber, 1994


“...klimaks pada cerita ini ialah apabila Lisa ‘mengembara’ dalam gerakan masa melalui cermin.”

Adik Muhammad Aiman telah membaca buku ini pada tahun 1999 dan mendapati bahawa buku ini amat menarik. Menurut Aiman *The Mirror Image Ghost* adalah sebuah novel fantasi remaja yang dihadiahkan oleh ibu yang membelinya ketika melancong di Singapura.



“Ia menceritakan kisah seorang gadis bernama Lisa yang mempunyai keluarga yang terdiri daripada seorang ayah dan dua orang saudara berbangsa Perancis bernama Pierre dan Alice. Lisa beranggapan bahawa dua orang saudaranya itu amat membosankan kerana keduanya amat baik di antara satu sama lain dan berbual dengan menggunakan bahasa Perancis yang tidak difahami oleh Lisa. Klimaks pada cerita ini ialah apabila Lisa ‘mengembara’ dalam gerakan masa melalui cermin.”

Adakah cermin mampu menghuraikan lebih daripada kenyataan yang sebenarnya? Lisa amat yakin bahawa ia nampak suatu lembaga di dalam cermin di bilik ibunya yang bukan sahaja suatu lembaga tetapi juga sebuah bilik yang lengkap dengan perabot. Siapakah lembaga itu? Apakah kaitannya dengan keluarganya? Cermin ini telah menunjukkan kepada Lisa latarbelakang keluarganya; latarbelakang yang sangat dirahsiakan oleh ibu dan datuk-neneknya. Pengembaraan Lisa juga telah mempertemukannya dengan nenek saudaranya, iaitu adik perempuan datuknya. Hasil dari pengembaraan Lisa, datuk dan nenek saudaranya dapat disatukan semula.




Catherine Storr

Lahir pada tahun 1913 dan meninggal dunia ketika usia 88 tahun. Merupakan pengarang buku cerita kanak-kanak dan ada di antaranya yang diolah semula seperti *King Midas; Robin Hood; The Sword In The Stone; Joan of Arc; The Flying Dutchman* dan *The Trojan Horse*. Lain-lain judul yang dihasilkan ialah *Lucy; It Shouldn't Happen to a Frog : and Other Stories; Who's Bill ?; Winter's End; Grandpa's Birthday* dan *A Fast Move*.

Novel *Marianne Dreams* yang ditulis dan diterbitkan dalam tahun 1958 telah diadaptasi ke siri mini televisyen berjudul *Escape Into The Night* oleh ITV dalam tahun 1972.

Pembicara

Muhammad Aiman Rashad Yusof
Pelajar Sekolah
SRK Taman Tun Dr. Ismail (I)



Judul Buku: The Missing Piece Meets The Big O

Penerbit: New York: Harper & Row, 1976

“...ia adalah mengenai kehidupan kita di saat kita berada dalam keadaan yang paling rendah di mana tiba-tiba kita dapat melihat cahaya yang menyinari kembali hidup kita....”

The Missing Piece Meets The Big O adalah buku yang digemari oleh Puan Trixie Kinajil kerana ianya adalah mengenai “...sifat manusia yang mulia dan penyayang. Ia adalah mengenai kehidupan kita di saat kita berada dalam keadaan yang paling rendah di mana tiba-tiba kita dapat melihat cahaya yang menyinari kembali hidup kita....”

“The missing piece sat alone waiting for someone to come along and take it somewhere....”

Buku ini mengisahkan tentang sekeping ‘cebisan hilang’ berbentuk tiga segi yang berusaha mencari bentuk-bentuk lain yang boleh dipadankan dengannya. ‘Cebisan hilang’ ini sangat ingin bergolek tetapi ia tidak dapat berbuat demikian kerana bentuknya yang tiga segi. Ia kemudiannya meminta bentuk lain supaya mengambilnya untuk dipadankan kepada bentuk mereka tetapi gagal sehingga tibanya sekeping bentuk yang boleh dipadankan dengan bentuk tiga segi ini. Pada mulanya mereka boleh bergolek tetapi setelah ‘cebisan hilang’ ini mula membesar menyebabkan mereka tidak boleh bergolek dengan lancar. ‘Cebisan hilang’ kembali terbaring di atas tanah dan tidak dapat bergolek. Walau bagaimanapun, ‘cebisan hilang’ ini akhirnya dapat bergolek setelah O besar mencabarnya untuk bergolek sehingga ‘cebisan hilang’ itu menjadi O kecil.


Puan Trixie merasakan bahawa beliau mempunyai persamaan dengan ‘cebisan hilang’ dan bentuk-bentuk lain yang dinyatakan dalam buku ini. Pada kebiasaan apabila seseorang membaca buku ia akan berpihak kepada “...karektor jahat atau baik... dan kesudahan buku ini merupakan satu kejutan buat diri saya.” Buat pertama kali Puan Trixie telah mencatatkan perkataan-perkataan ke buku notanya kerana buku ini telah memberi inspirasi dan amat bermakna kepada beliau. Beliau juga dapat “relate” dengan perkara-perkara kecil dalam buku ini seperti *“believing in youself”* sama seperti *“the missing piece believe it can change one day”* dan *“trust in yourself.”* Ianya juga mengenai isu persahabatan. Buku ini juga menyentuh mengenai maruah, harga diri dan krisis identiti seperti yang dialami oleh ‘cebisan hilang’ dan juga “...ingin dipunyai... dalam keluarga, masyarakat dan hubungan lain...” Menurut Puan Trixie buku ini mempunyai banyak muka surat yang kosong kerana ia memberi pembaca peluang untuk *“...roll your own personal story as you read...”*

Shel Silverstein

Dilahirkan di Chicago, Illinois dalam tahun 1932. Beliau juga merupakan seorang kartunis dan penyanyi lagu-lagu rakyat selain menggubah muzik dan lagu untuk filem seperti *Ned Kelly* (1970); *Who Is Harry Kellerman and Why Is He Saying Such Terrible Things About Me?* (1971); *Thieves* (1977) dan *Postcards from the Edge* yang telah menerima anugerah Akademi. Beliau juga telah menerima Anugerah *The Michigan Young Readers Award* bagi buku *Where The Sidewalk Ends* (1981) dan *A School Library Journal Best Books* (1982) untuk buku *A Light in The Attic*. Lain-lain karya beliau ialah *Falling Up* yang diterbitkan pada tahun 1996.

Pembicara


Puan Trixie Kinajil
Pegawai Penyelidik



Judul Buku: **On The Frontiers Of Management**

Penerbit: Boston: A Harvard Business Review Book, 2003

Buku ini amat menarik perhatian Encik Abdul Ghafur Syariff lalu menjadikannya sebagai bacaan kegemaran beliau kerana buku ini merupakan satu kompilasi artikel-artikel yang membincangkan mengenai strategi, inovasi, kepimpinan, kompetensi CEO, persaingan dan obsesi terhadap kualiti dan nilai. Malah menurut beliau, "Pendekatan Dr. Kanter mencerminkan keutuhan pemikiran, idea dan konsep yang cuba dibawanya."



Buku ini juga menurut beliau memuatkan pandangan pemikiran pengurusan yang agak 'ortodoks' tetapi masih kukuh diterima pakai dalam dunia perniagaan masa kini. Situasi-situasi perniagaan yang kian kompleks dari segi kejayaan dan kegagalan juga diperjelaskan di samping memberikan penekanan terhadap kepimpinan dan inovasi. Mesej yang cuba dibawa oleh Kanter ialah perihal pentingnya manusia dilihat sebagai aset dan perlunya peralatan dan suasana yang membolehkan mereka menggunakan kuasa minda untuk mengubah keadaan. Bagi Encik Abdul Ghafur *On The Frontiers Of Management* 'menyediakan' kepada pembaca konsep yang amat berguna digunakan di tempat kerja.

"Pendekatan Dr. Kanter mencerminkan keutuhan pemikiran, idea dan konsep yang cuba dibawanya."

Rosabeth Moss Kanter

Beliau ialah Ernest L. Arbuckle, seorang Profesor pentadbiran perniagaan di Sekolah Perniagaan Harvard pengkhusus dalam strategi, inovasi dan kepimpinan perubahan, Penasihat kepada badan-badan korporat dan negara-negara di seluruh dunia, pengarang dan pengarang bersama 15 buah buku antaranya *Evolv : Succeeding in the Digital Culture of Tomorrow*. Buku-buku lain yang ditulis termasuklah *The Change Masters* (1985); *Men and Women of the Corporation* (1977); *When Giants Learn to Dance, The Challenge of Organizational Change* (1992) dan *World Class : Thriving Locally in the Global Economy* (1995).

Pembicara
Encik Abdul Ghafur Shariff
Public Sector Manager

Judul Buku: **The Partner**


Penerbit: Leicester, England: Charnwood, 1998

“Sesuatu perkara buruk yang kita lakukan terhadap orang lain tidak mustahil akan berlaku kepada kita, cuma cara dan masanya sahaja yang berbeza.”

Mengisahkan mengenai seorang peguam yang juga rakan kongsi sebuah firma guaman bernama Patrick yang telah melarikan wang firmanya berjumlah 90 juta dollar Amerika.

Sebelum melarikan wang tersebut beliau telah mengaburi mata orang ramai supaya menyangka beliau telah meninggal dunia dengan merancang kemalangan yang menimpa dirinya. Kereta yang dipandunya telah terbakar dan terhumban ke dalam gaung. Sejak itu dia menjadi orang pelarian, lari dari pihak berkuasa dan rakan kongsinya serta menukar nama kepada Danielo. Empat tahun kemudiannya beliau berhijrah ke Brazil dan bertemu dengan seorang wanita yang akhirnya menjadi kekasihnya. Kekasihnya ini, Eva, juga seorang peguam. Beliau telah menceritakan segala-galanya kepada kekasihnya itu dan telah menyerahkan wang kepada Eva untuk disimpan. Patrick (Danielo) akhirnya berjaya ditangkap oleh agen upahan rakan kongsinya dengan campurtangan FBI. Patrick bukan sahaja telah didakwa oleh isterinya tetapi wang yang dilarikannya juga telah dipulangkan semula kepada pihak berkuasa. Walau bagaimanapun Patrick telah didapati tidak bersalah kerana wang yang dilarikan itu sebenarnya adalah wang dari hasil penipuan firma guamannya sendiri. Namun begitu, malang telah menimpa Patrick apabila beliau telah tinggal ‘sehelai sepinggang’ apabila teman wanitanya pula telah bertindak melarikan wang dari akaun simpanannya.

Bagi Puan Rahmah, pengajaran yang boleh diambil dari cerita ini ialah “Sesuatu perkara buruk yang kita lakukan terhadap orang lain tidak mustahil akan berlaku kepada kita, cuma cara dan masanya sahaja yang berbeza.”



John Grisham

Dilahirkan pada 8 Februari 1955. Beliau pada asalnya bercita-cita menjadi pemain besbal profesional tetapi telah memilih jurusan perakaunan di Universiti Mississippi sebelum memperoleh kelulusan dalam bidang perundangan pada tahun 1981. Pernah berkhidmat sebagai pegawai perundangan selama hampir 10 tahun dalam bidang jenayah dan litigasi terhadap kecederaan peribadi. Telah dilantik untuk berkhidmat di *House of Representatives* hingga tahun 1990.

Novel-novel tulisannya terdiri daripada *A Time to Kill* (1989); *The Firm* (1991); *The Pelican Brief* (1992); *The Client* (1993); *The Chamber* (1994); *The Rainmaker* (1995); *The Runaway Jury* (1996); *The Partner* (1997); *The Street Lawyer* (1998); *The Testament* (1999); *The Brethren* (2000); *A Painted House* (2001); *Skipping Christmas* (2001); *The Summons* (2002); *The King of Torts* (2003); *The Bleachers* (2003) dan *The Last Juror* (2004). Tujuh daripada novelnya telah diadaptasikan ke filem.

Pembicara

Puan Rahmah Md. Ali

Pengurus Besar


Koperasi Pekebun Kecil Negeri Melaka

Judul Buku: Pengajaran Wacana

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995

Buku ini menjadi sumber rujukan beliau sebagai pensyarah di Institut Bahasa Melayu Malaysia. Melalui pembacaan buku ini ia dapat meningkatkan kemahiran berwacana beliau secara lisan mahupun tulisan sekaligus meningkatkan kemahiran berbahasa lisan dan tulisan. Faktor ini disokong lagi dengan bahan-bahan bacaan yang sesuai.

Menurutnya, "Seseorang yang mahir berwacana bererti seseorang itu mahir menyemak wacana, mahir berbicara dengan wacana, mahir membaca wacana dan mahir menulis wacana dengan bahasa yang baik. Buku ini boleh membantu pendidik untuk mendidik para pelajar kaedah untuk mengarang, berpidato serta kemahiran menulis. Gambarajah dan ilustrasi yang menarik yang digunakan lebih memudahkan pemahaman pembaca yang membacanya."



Oleh itu beliau menyarankan agar buku ini dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan bagi individu yang ingin meningkatkan kemahiran berwacana sama ada secara lisan mahupun tulisan sekaligus meningkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa Melayu.

Henry Guntur Tarigan

Beliau telah menghasilkan buku-buku seperti Pengajaran Bahasa; Pengajaran Semantik; Metodologi Pengajaran Bahasa 1; Metodologi Pengajaran Bahasa 2; Pengajaran Tata Bahasa Kasus dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa.

Pembicara

Encik Ali Hj. Mahmood


Pensyarah
Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM)

"Seseorang yang mahir berwacana bererti seseorang itu mahir menyemak wacana, mahir berbicara dengan wacana, mahir membaca wacana dan mahir menulis wacana dengan bahasa yang baik..."

“Seseorang yang mahir berwacana bererti seseorang itu mahir menyemak wacana, mahir berbicara dengan wacana, mahir membaca wacana dan mahir menulis wacana dengan bahasa yang baik...”

Judul Buku: Penjelasan Budaya Ilmu

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991



Syarikat contohnya telah berjaya menanamkan semangat cintakan ilmu dan penguasaan sebanyak mungkin bidang ilmu yang ada di dunia ini di kalangan rakyatnya. Dalam Islam pula, ilmu itu dianggap sebagai sesuatu yang murni dan telus yang dipaparkan melalui ajaran Nabi Muhammad S.A.W. dan Al-Quran itu sendiri. Islam juga menyatakan bahawa ilmu itu dapat diperoleh melalui pembacaan.

Budaya ilmu pula lahir secara langsung melalui pembelajaran di sekolah dan secara tidak langsung melalui pengalaman. Para ilmuan telah memanfaatkan ilmu-ilmu yang diperoleh dengan sebaik mungkin melalui pembelajaran, pemahaman dan seterusnya mempraktikkannya dalam kehidupan serta menyebarkannya kepada masyarakat melalui penghasilan buku-buku ilmiah dan lain-lain.

Beliau juga tertarik dengan buku ini kerana ia menyentuh mengenai minat membaca di kalangan rakyat Malaysia yang terlalu rendah kadarnya jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Korea dan Jepun. Menurutnya, "Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Malaysia kurang berminat terhadap bahan bacaan yang berbentuk ilmiah tetapi lebih cenderung kepada bahan bacaan yang berbentuk hiburan."

Saudara Wan Ahmad Fauzi tertarik dengan buku ini kerana ianya berkait dengan minat beliau yang gemarkan karya-karya yang berkoncepkhan ilmu.

Konsep budaya ilmu adalah berbeza mengikut bangsa dan agama. Bagi masyarakat Cina dan India ia dapat dilihat dari segi penekanan terhadap aspek amalan dalam tradisi masyarakat mereka. Orang Yahudi pula amat menekankan dan mementingkan ilmu dalam kehidupan. Negara Amerika

Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1955-
Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud mendapat B. Sc. (Hons.) dalam bidang Kajihayat dan M. Sc. Ed. dalam Pembinaan Kurikulum dan Pembelajaran dari *Northern Illinois University of Chichago*, Amerika Syarikat. Beliau kini bertugas di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa. Pernah bertugas di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan. Beliau banyak menulis buku-buku dan majalah dalam jurnal-jurnal tempatan dan antarabangsa tentang Islam, falsafah dan pendidikan. Tulisan beliau, *The Concept of Knowledge in Islam- Its Implications for Education in A Developing Country* (New York dan London: Mansell, 1989) telah mendapat sambutan baik di peringkat antarabangsa.

Pembicara
Encik Wan Ahmad Fauzi Wan Hussin
Pelatih
Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM)

"...masyarakat Malaysia kurang berminat terhadap bahan bacaan yang berbentuk ilmiah tetapi lebih cenderung kepada bahan bacaan yang berbentuk hiburan."

Judul Buku: Perlumbaan Kedua

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992

“Sifat binatang dalam cerita ini boleh disamaartikan dengan sikap manusia zaman sekarang...”

Encik Mohd. Razali tertarik dengan buku ini kerana ia merupakan sebuah novel yang diadaptasi dari cerita rakyat yang melukiskan kritikan sosial dan satira terhadap masyarakat masakini. Watak binatang dipilih sebagai mengulas tentang sikap sesetengah individu yang hanya mementingkan diri sendiri, sanggup melakukan apa sahaja walaupun menjejas dan memporakperandakan kehidupan orang lain.

Cerita ini berkisar pada perlumbaan antara arnab dengan kura-kura. Ia mengisahkan mengenai sang arnab yang telah bersetuju untuk berlumba lagi dengan sang kura-kura setelah dicabar oleh sang kancil. Cabaran perlumbaan ini berlaku kerana sang arnab sentiasa menonjolkan kepantasan dirinya. Tok kura-kura telah melatih anak buahnya bagi persediaan menyertai perlumbaan tersebut. Tok kura-kura telah meminta anak buahnya meniti di batang yang tumbang dan batu hampar di sungai kerana perlumbaan ini akan diadakan di lereng bukit. Sang arnab pula telah mengupah sang tedung supaya menjadi pengintip dan mengapi-apikan anak buah sang kura-kura supaya tidak berlumba. Akibatnya tok kura-kura sendiri yang terpaksa menyertai perlumbaan tersebut setelah anak-anak buahnya enggan berlumba.

Bagi Encik Razali, “Sifat binatang dalam cerita ini boleh disamaartikan dengan sikap manusia zaman sekarang. Cerita ini bukan sahaja membawakan tema yang mudah difahami tetapi memuatkan penceritaan yang sarat dan tajam.”

Marwilis Haji Yusof, 1944-

Novel lain yang dihasilkan termasuklah Terbuang Tapi Terbilang, Buah Kering Di Hujung Ranting dan Bila Lagi Kompong Berbunyi.


Pembicara

Encik Mohd Razali Ahmad Termizi
Pustakawan Bahagian Terbitan Bersiri
Perpustakaan Negara Malaysia



Judul Buku: **Personality Plus:**
How To Understand Others By Understanding Yourself

Penerbit: Tarrytown, N.Y.: Monarch, 1995



Puan Nancy Haji Shukri tertarik dengan buku ini kerana ia membincarkan mengenai empat jenis personaliti individu dengan menumpukan dari segi kekuatan dan kelemahannya. Personaliti pertama merupakan personaliti '*Popular Sanguine*'. Individu yang mempunyai personaliti ini selalu berada dalam keadaan riang, gembira, optimistik dan tidak serius. Kelebihan individu dalam kategori ini ialah mereka mudah mesra, peramah, menarik, mudah bercakap, sangat positif dan tidak memerlukan ramai kawan. Personaliti '*Perfect Melancholy*' pula mempunyai sifat-sifat tertib, kemas, berekonomi, penggemar kesempurnaan dan suka berfalsafah. Kekuatan dan kelemahan manusia dalam kategori ini ialah pendiam, pesimis, sering tertekan dan amat suka mendesak. Manakala personaliti '*Powerful Choleric*' adalah pemimpin semulajadi, sangat dinamik, bijak berbahasa dan tidak beremosi. Jenis personaliti '*Peaceful Phlegmatic*' pula suka bersenang-lenang, tidak suka menonjolkan diri, tenang dan sabar. Ciri-ciri personaliti ini ialah mereka suka bersendirian, pesimis, gemar kepada keamanan dan tidak merangsang.

Melalui pembacaan buku ini telah dapat memahamkan beliau jenis personaliti yang ada dalam dirinya dan orang lain kerana katanya, "Setiap orang mempunyai personaliti yang berbeza dan adalah penting untuk kita memahami kelebihan dan kelemahan personaliti tersebut supaya kita dapat memperbaiki diri kita sendiri."

"Setiap orang mempunyai personaliti yang berbeza dan adalah penting untuk kita memahami kelebihan dan kelemahan personaliti tersebut supaya kita dapat memperbaiki diri kita sendiri."

Florence Littauer

Selain menulis, beliau juga terlibat dalam bidang kepimpinan selama 20 tahun dan telah melatih lebih daripada 10 ribu orang mengenai kaedah dan teknik komunikasi yang berkesan.

Beliau telah menghasilkan lebih daripada 30 judul buku termasuklah *Getting Along With Almost Anybody*; *Personality Plus for Couples*; *Personality Plus for Parents* dan *Personality Profiles*.

Buku *Personality Plus* telah terjual lebih daripada 1 juta naskhah dan telah diterjemahkan ke dalam 25 bahasa.


Pembicara

Puan Nancy Haji Shukri
 Ketua Bahagian Undang-Undang
 Dewan Bandaraya Kuching

Judul Buku: **Pewaris**

Penerbit: Ampang: Juz 'Art, 2000

Buku ini amat diminati oleh Y.Bhg. Dato' Haji Mohd. Yusof Abdul Latif kerana mesej yang ingin dibawa oleh pengarangnya. Pewaris mengingatkan orang Melayu akan peri pentingnya mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan yang diperoleh hasil dari perjuangan bangsa Melayu itu sendiri. Orang Melayu dalam Pewaris telah disimbolkan sebagai pewaris kuasa, pewaris



pusaka, pewaris martabat dan juga ummah. Orang Melayu hendaklah mempertahankannya sehingga ke titisan darah yang terakhir. Pewaris turut memuatkan mengenai pahit maung perjuangan UMNO yang telah ditubuhkan pada tahun 1946 hingga berjaya mendapat sokongan padu rakyat. Ia memperihalkan tentang perjuangan Al-Marhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sehingga negara mencapai kemerdekaan, disusuli pewaris kedua iaitu Tun Abdul Razak yang telah membawa perubahan dari segi pembangunan negara sebelum diterajui pula oleh Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia Ketiga yang telah menjana negara untuk terus maju. Setelah itu pewarisnya ialah Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohammad (sehingga buku ini ditulis) yang membangunkan Malaysia ke arah negara moden mengikut acuannya sendiri.

Apa yang menarik perhatian Dato' Haji Mohd. Yusof ialah Pewaris juga menyentuh mengenai tampok kepimpinan negara yang diperturunkan oleh bapa kepada anaknya seperti Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewarisi kepimpinan bapanya Allahyarham Ahmad Badawi. Begitu juga dengan Y.A.B. Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak yang mewarisi kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak. Selain itu dimuatkan juga tokoh-tokoh seperti Dato' Seri Syed Hamid Albar, Dato' Seri Tajol Rosli Ghazali, Dato' Hishammuddin Tun Hussein dan Tan Sri Mohd Isa bin Hj. Abdul Samad yang juga mewarisi ketokohan pejuang Melayu yang telah memperjuangkan dan memimpin negara.

Bagi Dato' Haji Mohd. Yusof, Pewaris sebenarnya mengingatkan orang Melayu supaya terus mempertahankan kedaulatan bangsa, agama dan negara serta mengelakkan amalan demokrasi yang telah diamalkan sekian lama yang menjadi alat untuk memertabatkan bangsa dan negara.

S. Hashim Ahmad, 1940-

Syed Hashim Syed Ahmad dilahirkan pada 13 Mei 1940. Pernah berkhidmat sebagai wartawan di akhbar Utusan Melayu dan sebagai pengarang di beberapa buah syarikat penerbitan. Telah menghasilkan buku Sentuhan Emas Dr. Mahathir pada Ogos 1997; "Jejak keramat" (cetakan pertama Jun 1999 dan cetakan kedua Ogos 1999); Abdullah Ahmad Badawi dan Mencari Damai Abadi

Pembicara

**Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Yusof
Abdul Latif**
Bekas Guru

**“...orang Melayu
dalam Pewaris
telah disimbolkan
sebagai pewaris
kuasa, pewaris
pusaka, pewaris
martabat dan juga
ummah.”**

Judul Buku: Pilot Café

Penerbit: Kuala Lumpur : Ahadiat Akashah, 1999

Kata-kata, "Bermula dengan secawan kopi dan di situlah bermula segala-galanya" telah menyebabkan Puan Azizah terpanggil untuk mengetahui lebih lanjut kisah yang dipaparkan dalam 'Pilot Café'. Berbeza dari kebiasaannya kerana beliau hanya akan berminat untuk mengetahui kisah selanjutnya dengan membaca sinopsis dan biodata penulisnya. Begitu juga tanggapan beliau bahawa, "Novel ini sama seperti novel-novel lainnya" juga tersasar kerana setelah beliau membaca dan menghayati isi kandungan novel ini, "...ternyata ia berbeza dengan novel-novel yang lain."

Pilot Café membentangkan kisah bekas seorang juruterbang yang telah membuka sebuah kafe. Amir telah terjebak ke dalam kehidupan sosial yang jauh menyimpang dari landasan agama yang sebenarnya. Keadaan ini diterjemahkan melalui kisah-kisah kehidupan sosial yang dilalui oleh Amir dan individu-individu yang mengutamakan kebebasan dan mementingkan hawa nafsu semata-mata hingga menjerumuskan mereka ke kancah maksiat dan dosa. Pertemuan Amir dengan Maya kemudiannya telah mengubah sikap Amir. Maya telah membuka hati Amir untuk berubah menjadi insan yang berhati mulia dan bertanggungjawab. Kisah hidup dan peristiwa hitam yang dilalui oleh Maya telah memberi keinsafan kepada Amir. Begitu juga dengan peristiwa ngeri yang dilalui oleh Haris, sahabat karib Amir. Keadaan kematian Haris telah menyedarkan Amir bahawa kehidupan ini ada pasang surutnya. Sebagai manusia dan hamba Allah yang kerdil kita perlu bersedia menghadapi setiap keadaan yang berlaku itu dengan sebaik-baiknya.

Menurut Puan Azizah lagi, "Novel ini telah memaparkan nilai-nilai kemanusiaan dan kasih sayang yang boleh dijadikan pengajaran dan panduan hidup."

"...ternyata ia berbeza dengan novel-novel yang lain."



Ahadiat Akashah

Tersenarai sebagai penulis novel terbanyak dalam *Malaysia Book of Record*. Beliau aktif memberi ceramah motivasi mengenai dunia penulisan dan penerbitan.

Memulakan kerjaya sebagai kelindan lori di Syarikat Marwilis Publisher and Distributor Sdn. Bhd. dari tahun 1986 hingga 1989 sebelum berhijrah ke Syarikat Creative Enterprise dari tahun 1990 – 1992. Telah menghasilkan skrip drama televisyen sejak tahun 1986 sebelum beralih kepada penulisan novel.

Novel pertama yang dihasilkan berjudul Budak Setan telah mendapat sambutan di kalangan peminat novel. Kejayaan ini telah mendorong beliau menerbitkan novel dan majalah sendiri di bawah syarikat rakan kongsi keluarganya, Melati Publisher dari tahun 1993 hingga 1997.

Beliau kemudiannya menuahkan syarikat *Ghostwriter* bersama isterinya Norhayati. Isterinya sebagai penerbit dan Ahadiat sebagai penulis. Telah menghasilkan 70 buah novel dan 12 skrip drama televisyen.

Zuraidah Othman
Pengarang Bersama


Pembicara
Puan Azizah Haji Yusof
Telefonis
Jabatan Pembangunan Koperasi

Judul Buku: **Rich Kid Smart Kid:**
Giving Your Child A Financial Head Start

Penerbit: New York : Warner Business Books, 2001

Pendidikan yang berkualiti adalah amat penting dalam era globalisasi masa kini tetapi kurikulum pendidikan yang ada belum berupaya mengimbangi perkembangan pesat ilmu dan maklumat yang diperlukan oleh kanak-kanak zaman sekarang.

Buku ini mengisi ruang-ruang yang diperlukan untuk merangsang anak-anak memahami ilmu kewangan seperti yang dipelajari oleh Robert T. Kiyosaki dari ayahnya. Menurut Sayed Munawwar, anak-anak hendaklah diberi kebebasan untuk mencuba sesuatu yang baru dan berani menanggung sebarang risiko yang bakal ditanggung akibat daripada itu. Bagi beliau cara mendidik anak-anak dengan mengatakan, "...tak boleh buat itu" dan "...tidak boleh buat ini" sedangkan mereka tidak diberi penjelasan mengenai apa yang seharusnya boleh dilakukan, adalah tidak sesuai lagi pada masa sekarang. Buku ini juga bagi beliau boleh membantu menimbulkan minat anak-anak untuk mengikuti kaedah yang digunakan oleh bapa Kiyosaki yang menasihati Kiyosaki supaya meneruskan persekolahannya meskipun grednya tidak memuaskan. Fenomena ini sering mendorong Kiyosaki untuk berhenti belajar. Bagi beliau lagi, buku ini membongkar peluang yang tidak pernah dijangka akan berlaku yang membolehkan pembaca memperoleh kemahiran di samping memahami sikap dan tingkah laku anak-anak sepanjang hayat.



"...tak boleh buat itu" dan "...tidak boleh buat ini" sedangkan mereka tidak diberi penjelasan mengenai apa yang seharusnya boleh dilakukan, adalah tidak sesuai lagi pada masa sekarang."

Robert T. Kiyosaki

Dilahirkan dan dibesarkan di Hawaii; beliau merupakan generasi keempat bangsa Jepun Amerika. Telah melanjutkan pengajiannya di New York dan kemudiannya menyertai tentera Marin Amerika. Beliau telah dihantar ke Vietnam sebagai pegawai dan juruterbang helikopter bersenjata. Sekembalinya dari perang beliau telah berkecimpung dalam bidang perniagaan membuat dompet. Pada tahun 1985, beliau telah menubuhkan syarikat pendidikan antarabangsa secara usaha sama yang beroperasi di tujuh buah negara yang melahirkan lebih daripada ribuan graduan dalam bidang perniagaan dan pelaburan. Beliau bersara pada usia 47 tahun.

Sharon L. Lechter

Berkelulusan dalam bidang perakaunan dari *Florida State University*. Pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Pengarah Percutian dan menerbitkan majalah wanita tempatan di Wisconsin. Merupakan seorang CPA. Beliau kemudian beralih ke bidang pendidikan dan bercita-cita memajukan teknologi baru untuk mengembalikan minat membaca di kalangan kanak-kanak.

Pembicara

Tuan Sayed Munawwar Al-Jamalullail
 Pengurus Akademik
 Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam
 Malaysia (YPEIM)

Judul Buku: Semangat Hutan

Penerbit: Petaling Jaya: Penerbitan Alaf 21, 2001

“...klimaks cerita ini ialah apabila Amiruddin berjaya menemui Wan Suraya tetapi telah tercedera teruk ketika berhadapan dengan serangan ‘rogon’ tersebut.”

Semangat Hutan mengisahkan mengenai pasangan kembar Amiruddin dan Ajem yang telah terpisah sejak kecil tetapi mempunyai naluri yang sama dan ‘rogon’, manusia berkepala binatang yang hidup di dalam hutan dengan menjadikan manusia sebagai antara ‘menu’ santapan istimewanya. Ajem yang dilahirkan dengan wajah tidak normal telah dipelihara oleh ayahnya di dalam hutan bagi mengelakkan penghinaan masyarakat. Manakala Amiruddin pula telah dibesarkan di bandar dan melalui kehidupan secara moden. Dia telah bertemu jodoh dengan anak seorang pengusaha balak tetapi perkahwinannya cuma seketika sahaja bilamana isterinya meninggal dunia. Wan Suraya, seorang wartawan majalah ingin berkawan dengan Amiruddin. Dia telah pergi ke Sandakan untuk menemui Amiruddin tetapi ‘malang tidak berbau’ apabila helikopter yang dinaikinya bersama dengan seorang kenamaan telah terhempas di dalam hutan. Mereka telah tersesat dan

berhadapan dengan ancaman ‘rogon’ yang berkepala binatang dan bertubuh manusia. Amiruddin yang juga menaruh hati pada Wan Suraya telah meminta bantuan Ajem untuk mencari gadis tersebut. Klimaks cerita ini ialah apabila Amiruddin berjaya menemui Wan Suraya tetapi telah tercedera teruk ketika berhadapan dengan serangan ‘rogon’ tersebut.

Bagi Encik Long Maselan beliau tertarik dengan buku tulisan pengarang ini kerana, “Unsur-unsur mistik, suspen, misteri dan penyiasatan telah digabungkan dengan berkesan selain dari memasukkan unsur percintaan. Penulis juga telah banyak membuat kajian sebelum menghasilkan karya ini dengan mendalam kepercayaan mistik masyarakat Kadazan Dusun tentang kewujudan semangat atau roh jahat.”

**Ramlee Awang Murshid**

Dilahirkan pada 4 November 1967 di daerah Papar, Sabah. Mula menulis pada tahun 1985 dan terus menulis hingga sekarang. Bertugas sebagai Penerbit Rancangan dan kini berkhidmat di bilik berita radio Angkasapuri Kuala Lumpur.

Novel beliau, ‘Igauan Maut’ telah memenangi tempat kedua peraduan menulis novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Hadiah Sastera Negeri Sabah bagi tahun 1994/95. Beliau juga aktif menulis skrip drama radio dan skrip ‘Imbasan Kembara Pun Berakhir’ terbitan Radio Tiga Seremban telah memenangi Anugerah Seri Angkasa 1995 dalam kategori Penerbit Drama Terbaik. Bersama ALAF 21, beliau telah menghasilkan TOMBIRUO (1998); RANGGAU (1999); MANDATORI (2000); TOMBIRUO (2001) dan SEMANGAT HUTAN.

*Pembicara***Encik Long Maselan Pandek Mamak**

Pelatih

Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM)

Judul Buku: **SQ - Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence**


Penerbit: London: Bloomsbury Publishing, 1999

“Emosilah sebenarnya yang mengawal tindakan dan bukannya IQ kerana emosi tidak mungkin menipu diri kita sendiri.”

Buku ini memaparkan perspektif-perspektif yang boleh menimbulkan satu fahaman fundamental tentang hubungan antara manusia dengan alam semula jadi, manusia dengan masyarakat dan manusia dengan manusia sendiri.

Buku ini unik dan menarik bagi Encik Shaharom kerana ia memperkatakan mengenai perkembangan otak manusia. Menurut beliau, “Dalam sejarah wacana kecerdasan, telah berlaku banyak perkembangan yang menarik. Manusia pada mulanya telah didedahkan dengan kecerdasan akal atau IQ tetapi berubah kemudiannya apabila kecerdasan emosi mendapat tempat.” Malah menurut Encik Shaharom, “Emosilah sebenarnya yang mengawal tindakan dan bukannya IQ kerana emosi tidak mungkin menipu diri kita sendiri.”

Buku ini juga memperkatakan perbezaan antara pemimpin dengan pengurus. Bukan semua pemimpin boleh mengurus dan bukan semua pengurus boleh memimpin. IQ atau darjah kecerdasan merupakan suatu penanda aras bagi mengukur kecerdasan. Pakar-pakar sains neuro dan psikologis mempertahankan bahawa darjah kecerdasan emosi atau *emotional intelligence* (EQ) adalah prasyarat kepada darjah kecerdasan seseorang. Buku *Spiritual Intelligence* (SQ) memaparkan bukti-buktian saintifik mengenai terdapatnya darjah spiritual di dalam diri seseorang pemimpin yang unggul. Buku ini juga menjelaskan mengenai SQ yang menjadikan seseorang itu luar biasa kerana tahap SQ yang ada pada seseorang itu membolehkannya melihat sesuatu situasi dalam perspektif yang lebih luas, mengukir persoalan-persoalan unik dan melangkaui batasan. Tahap integriti, moraliti dan deria etika yang luar biasa seseorang bergantung kepada tahap SQnya. Inilah yang membezakan antara pemimpin dengan pengurus.



Danah Zohar, 1945-

Berpendidikan ilmu fizik dan falsafah dari Institut Teknologi Massachussets sebelum menyambung pengajiannya di Universiti Harvard dalam bidang psikologi dan teologi. Merupakan pensyarah di Cranfield School of Management, Universiti Oxford dan Universiti Oxford Brookes.

Ian Marshall

Berkelulusan ijazah dalam psikologi dan falsafah dari Universiti Oxford sebelum memperoleh kelulusan kedoktoran dari Universiti London. Beliau adalah seorang ahli psikiatri dan psikoterapi di samping pengarang kepada beberapa penulisan akademik berkaitan minda semulajadi.

Berkahwin dengan Danah Zohar dan telah menghasilkan *The Quantum Self: The Quantum Society; Who's Afraid of Schroedinger's Cat?* dan *Rewriting The Corporate Brain*. Menetap di Oxford.

Pembicara

Encik Shaharom TM

Sulaiman

Pensyarah

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Judul Buku: **Tafsir Quran Karim:**
Bahasa Indonesia

Penerbit: Klang: Klang Book Centre, 1988

Tafsir Al-Quran Karim adalah merupakan buku kesayangan Tuan Haji Zainal Buang Hussein yang telah dibelinya ketika berusia 15 tahun. Beliau sering membacanya sama ada ketika menghadapi sesuatu kesukaran atau ketika sibuk. Pengetahuan yang cetek dalam makna ayat-ayat Al-Quran telah mendorong beliau untuk memiliki, membaca dan memahami isi kandungannya. Baginya "Buku tafsir ini penuh dengan segala sumber ilmu dan kekuatan orang Islam. Ia mengandungi firman-firman Allah, pengajaran daripada kehidupan orang-orang terdahulu serta panduan hidup yang berguna kepada setiap orang Muslim di samping mengandungi kisah kelahiran Nabi Adam a.s sehingga berlakunya kiamat. Bahasa terjemahannya mudah difahami dan dikemukakan juga peristiwa yang menyebabkan turunnya sesuatu ayat dalam Al-Quran."

"Semakin dibaca dan dihayati semakin dekat diri kita kepada Allah."

Tafsir ini bagi beliau mampu meningkatkan keimanan dan mensucikan hati umat Islam jika ia dihayati dengan sepenuhnya. Tafsir ini dibaca oleh beliau pada setiap masa terluang. Menurutnya, "Semakin dibaca dan dihayati semakin dekat diri kita kepada Allah." Beliau menyarankan agar tafsir ini dijadikan hadiah kepada sahabat handai supaya setiap Muslim dapat sama-sama menghayati Al-Quran, memahami tujuan turunnya sesuatu ayat dan pengajaran yang boleh diambil darinya. Tambah beliau lagi "Bagi individu yang tidak mempunyai pendidikan formal dalam bidang agama, tafsir ini dapat memandu mereka ke jalan yang benar lagi direhdai oleh Allah."



H. Mohmud Yunus

Telah menghasilkan Kamus Arab-Indonesia (1973).

Pembicara

Tuan Haji Zainal Buang Hussein
Presiden
Persatuan Kartunis Malaysia
(PEKARTUN)


"Semakin dibaca dan dihayati semakin dekat diri kita kepada Allah."

Judul Buku: **The Timeless Leader:**
Lessons On Leadership

Penerbit: Holbrook, Mass.: Adams Pub., 1995

The Timeless Leader menjadi buku kegemaran Datuk K. Y. Mustafa kerana ia menceritakan mengenai kepimpinan pemimpin silam.

Buku ini menghimpunkan cerita-cerita kepimpinan masa silam dengan memuatkan ciri-ciri kepimpinan Plato, Shakespeare, Adam Smith, Robert Penn Warren dan Martin Luther King, Jr. Turut dimuatkan juga cerita tentang seorang wanita yang cantik dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik iaitu Cleopatra. Terdapat juga kisah percubaan seorang kapten kapal yang ingin memburu ikan paus bernama Moby Dick. Percubaan itu gagal dan akhirnya kapten kapal tersebut mati. Teladan daripada kisah ini ialah walaupun kapten kapal adalah seorang yang amat berkuasa di atas kapal tetapi menangkap ikan paus tanpa tujuan tidak akan membawa hasil dan tindakannya tidak membawa sebarang faedah.



Kisah-kisah dalam buku ini bagi beliau boleh dijadikan sebagai teladan dan panduan bagi menangani sebarang permasalahan yang timbul. Untuk menjadi seorang pemimpin yang berjaya dan terkenal, seseorang pemimpin haruslah mempunyai matlamat dan hala tuju dan perlu bersedia untuk berubah. Baginya, "Setiap orang haruslah berubah untuk memajukan diri dan buku ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada pengurus dan pemimpin masa kini."

John K. Clemens, 1939-

Merupakan seorang Profesor dalam bidang pengurusan di Hartwick College. Banyak daripada tulisannya telah diterbitkan dalam majalah Fortune dan The Wall Street Journal. Selain daripada *The Timeless Leader*, buku lain yang dihasilkan ialah *The Classic Touch : Lessons in Leadership from Homer to Hemingway*.

Steve Albrecht

Beliau banyak menghasilkan buku-buku mengenai tingkah laku pekerja dan pengurusan sumber manusia termasuklah *The Ethical Workplace*.

Pembicara

Datuk K. Y. Mustafa

Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

"Setiap orang haruslah berubah untuk memajukan diri dan buku ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada pengurus dan pemimpin masa kini."


Judul Buku: **War And Peace**

Penerbit: London: Oxford University Press, 1941

“Novel yang memaparkan mengenai kehidupan keluarga termasyhur di Rusia pada abad ke 19 ini telah diolah dengan begitu baik sekali dari segi plot dan jalan ceritanya.”

Encik Kamal Ian Fozdar meminati buku ini kerana ia merupakan sebuah karya yang tiada tandingannya berdasarkan keupayaan pengarangnya yang berjaya mengolah fakta sejarah ke dalam bentuk fiksyen sehingga menjadi satu novel yang cukup menarik. Bagi beliau, “Novel yang memaparkan mengenai kehidupan keluarga termasyhur di Rusia pada abad ke 19 ini telah diolah dengan begitu baik sekali dari segi plot dan jalan ceritanya.” Kisah keluarga Rosyov dan Bolkonsky telah diketengahkan dengan penuh realistik. Di samping memuatkan juga urutan peristiwa peperangan di Rusia bermula dari zaman Napoleon (1805-14) hingga kepada siri-siri peperangan yang dicetuskan oleh kerajaan Rusia.

Pengarang telah menggunakan teknik plot dan sub-plot bagi menghasilkan cerita yang baik dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami. Apa yang menarik lagi mengenai novel ini ialah kombinasi peristiwa sejarah, masyarakat, cinta dan skandal yang diceritakan secara berfalsafah dan penuh dramatik. Bagi beliau, “Buku ini amat sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan semua lapisan masyarakat.”



Leo Tolstoy, (1828-1910)

Dilahirkan di Leo Nikolayevich Tolstoy, Tula berhampiran dengan Moscow. Mempelajari bidang bahasa dan Undang-undang. Memulakan kerjaya sebagai petani contoh setelah mewarisi tanah pusaka keluarganya dalam tahun 1847 tetapi tidak berjaya. Beliau kemudiannya menyertai peperangan Crimea dalam tahun 1850. Selesai perang, beliau berhijrah ke St. Petersburg dan mula bergiat dalam bidang penulisan. *War and Peace* adalah karya pertama beliau yang dihasilkan dalam tahun 1863 dan diterbitkan pada tahun 1865. Ia kemudiannya diadaptasikan ke filem dan drama untuk siri mini televisyen. Pada tahun 1873 beliau telah menghasilkan *Anna Karenina* yang diterbitkan pada tahun 1877. Beliau berhenti menulis seketika pada tahun 1880an setelah menghadapi krisis spiritual yang menolak hidup dunia. Walau bagaimanapun beliau kembali menulis dan menghasilkan *The Kingdom of God is Within You* (1985) dan *Confession Creissue ed* pada tahun 1996.

Pembicara
Encik Kamal Ian Fozdar
Structural Engineer

Judul Buku: **Wasiat Ibu**

Penerbit: Ipoh: Pustaka Muda, 1990

Buku ini menceritakan mengenai perasaan dan luahan hati seorang ibu yang bimbang, gusar dan gelisah terhadap keadaan generasi muda sekarang ini yang kian runtuh akhlaknya kerana pengaruh-pengaruh luar, pengaruh barat dan budaya kuning yang kian menular. Keadaan ini ditambah lagi dengan krisis identiti yang dihadapi oleh golongan muda mudi. Ada yang telah menyimpang jauh dari landasan yang sebenarnya.

Wasiat ibu mengingatkan muda mudi agar menjaga diri dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek agar tidak lari dari ajaran Islam yang sebenar. Tujuannya supaya kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat dapat dikecapai. Antara wasiat yang disarankan ialah:-

- Berpegang kepada akidah Islam;
- Sentiasa berdoa kepada Tuhan dan bertawakal kepadaNya;
- Jadilah pemimpin yang adil lagi direhái;
- Jangan berjiwa kerdil, mestilah tabah;
- Memelihara aurat dan akhlak;
- Mengamalkan kehidupan mengikut ajaran Al-Quran dan As-Sunnah serta mengelakkan daripada pengaruh yang tidak baik;
- Tingkatkan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat;
- Perbanyakkan amalan sebelum mati; dan
- Tidak lupa mendoakan ibu dan ayah semoga sama-sama dapat bertemu di syurga.

Wasiat-wasiat inilah yang mendorong Mohd. Hafezi untuk membaca buku ini. Ia mengingatkan beliau akan bait-bait lagu nasyid popular iaitu:-

**Ibu oh ibu, ibu yang sejati
Kasih sayangmu kasih yang suci
Pengorbanamu disanjung tinggi
Jasamu tetap di sanubari**

Sri Rusmayani Daud


Penulis sambilan yang memilih bidang agama untuk berkarya.

Pembicara

Encik Mohd. Hafezi Abdul Hamid

Pelatih

Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM)




Judul Buku: **A Wild Herb Soup:**
The Life Of A French Countrywoman

Penerbit: London: Gollanz, 1991

Buku ini amat menarik perhatian Puan Sri Brigitte Yusuff kerana isi kandungannya yang menarik, lantas menjadi buku yang gemar dibacanya.

Buku ini telah mendapat sambutan yang luar biasa dan laris dijual. Ia mengisahkan mengenai kehidupan seorang wanita dalam masyarakat petani di High Alps di Perancis. Bagi Puan Sri, "Carles telah berjaya mengolah ceritanya dengan berkesan dan berupaya menonjolkan kekuatan, kegigihan, ketabahan dan kecekalan hati seorang wanita di dalam mengharungi kehidupan." Inilah yang menyebabkan Puan Sri Brigitte terpikat dengan ceritanya.

Apa yang menarik lagi bagi Puan Sri Brigitte Yusuff mengenai buku ini ialah tentang kehidupan masyarakat di High Alps yang miskin tetapi diceritakan dengan penuh ceria dan kreatif oleh Emilie Carles.



Emilie Carles, 1900-

Dilahirkan pada tahun 1900 dalam masyarakat petani miskin di Tenggara Perancis yang masih kuat berpegang pada sistem patriark yang konservatif. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak menghalang beliau untuk mendapat pendidikan sehingga berjaya menjadi seorang guru dan meneruskan kariernya di samping mendidik keluarganya. Beliau merupakan seorang pencinta kedamaian dan alam sekitar. Malah beliau telah berjaya mempertahankan tempat tinggalnya daripada 'jatuh' ke tangan pemaju-pemaju perumahan yang rakus.

Pembicara
Puan Sri Brigitte Yusuff
 Suri Rumah

"...Carles telah berjaya mengolah ceritanya dengan berkesan dan berupaya menonjolkan kekuatan, kegigihan, ketabahan dan kecekalan hati seorang wanita di dalam mengharungi kehidupan."

Judul Buku: You Are What You Believe

Penerbit: Kuala Lumpur: Inspirational Books, 1993, 1992

Berfikir secara positif dapat membantu seseorang untuk mencapai kejayaan dan kebahagian. Inilah ‘petua’ yang cuba dijelaskan oleh pengarang dalam buku ini. Ia dijelaskan dalam dua bahagian. Bahagian pertama membincarkan mengenai bagaimana cara berfikir akan mempengaruhi diri individu sendiri. Manakala bahagian kedua pula menerangkan mengenai konsep keyakinan dan pembangunan kendiri. Menurut penulis, kejayaan yang dicapai oleh seseorang adalah menurut apa yang difikirkan. Jika positif yang difikirkan, maka hasil yang diperoleh juga adalah positif. Kebanyakan daripada mereka yang berjaya adalah orang yang mengamalkan kaedah ini.

“...saya telah membaca banyak buku-buku tentang mencapai kejayaan, tetapi buku ini telah ditulis dengan bahasa dan ayat yang mudah difahami.”

Menurut Puan Dariah, “Kali pertama membaca buku ini, saya amat tertarik dengan isi kandungannya. Saya telah membaca banyak buku-buku tentang mencapai kejayaan, tetapi buku ini telah ditulis dengan bahasa dan ayat yang mudah difahami.”

Shahreen Kamaluddin


Beliau merupakan salah seorang perunding perhubungan awam yang terulung di Malaysia dan memiliki kepakaran dalam bidang komunikasi.

Pembicara

Puan Dariah Saad

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Perlis




Judul Buku: **Yujia**

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991

“Yujia memaparkan kisah yang boleh memberi pengajaran kepada kita semua.” Itulah kata-kata yang diluahkan oleh adik Syafiq mengenai buku kegemarannya ini. Baginya, “Manusia perlu membuang sikap negatif yang ada pada diri, berhati mulia, ikhlas dan menghormati orang lain terutamanya tetamu.” Novel ini menceritakan mengenai sikap prejedis dan negatif Pak Sahak terhadap Yujia yang berbangsa Jepun tetapi telah berubah sikap setelah mengenali kejujuran dan kebaikan Yujia. Yujia adalah salah seorang peserta program pertukaran anak angkat di antara Malaysia dengan negara Jepun. Kedatangan Yujia telah disambut baik dan diterima oleh orang kampung kecuali Pak Sahak kerana Yujia adalah seorang yang baik dan amat disenangi. Kedatangan Yujia sebenarnya telah mengembalikan ingatan Pak Sahak pada peristiwa kematian ahli keluarganya semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Pada suatu hari Pak Sahak telah ditanduk kerbaunya sendiri ketika membajak sawah kerana keengganannya menerima teknologi moden. Kemalangan yang dialami menyebabkan Pak Sahak memerlukan darah yang banyak untuk terus hidup. Darah yang diperlukan adalah dari jenis E Negatif yang sama dengan darah Yujia. Yujia dengan senang hati telah mendermakan darahnya bagi menyelamatkan nyawa Pak Sahak menyebabkan Pak Sahak rasa terhutang budi lalu menghargai kedatangan Yujia sebagai tetamu dan melayannya dengan baik. Kepulangan Yujia setelah program ini selesai menyebabkan Pak Sahak berasa sedih dengan perpisahan itu.



Mohd. Zan Mat Ali, 1963-
Lahir pada tahun 1963 di Terengganu Darul Iman dan kini bertugas di Jabatan Kerja Raya negeri berkenaan. Pernah menghasilkan skrip drama radio berjudul Si Pembunuh dan Menantu Pak Abu. Beliau juga banyak menghasilkan novel-novel. Antaranya Mimpi; Hujan Masih Mencurah; Kemi; Misteri Harta Karun; Serpihan Cinta; Setelah Dia Pergi; Jigo Perkasa; Air Mata di Pelabuhan; Hati Yang Terluka; Biarlah Aku Pergi; Kasih Amalia dan Nilai Persahabatan.

*Pembicara
Muhammad Syafiq Rosli
Pelajar Sekolah*

“Manusia perlu membuang sikap negatif yang ada pada diri, berhati mulia, ikhlas dan menghormati orang lain terutamanya tetamu.”

Judul Buku: **The Chrysalids**

Penerbit: Leicester: Charnwood, 1983


“Walaupun buku ini berbentuk fiksyen sains, ia dapat menambat hati pembaca kerana dipenuhi dengan unsur-unsur emosi yang berjaya menarik hati pembaca.”

The Chrysalids menceritakan kisah cinta remaja dalam dunia yang hampir musnah oleh perang atom. Bahan radioaktif dari peperangan ini telah mengakibatkan lahirnya segolongan manusia yang mempunyai kecacatan luar biasa. Golongan normal menganggap sebarang kecacatan sebagai ‘kejahatan’ dan bukan ciptaan Tuhan yang sebenar dan mesti diusir atau dihapuskan. Golongan ini telah menyingkirkan David, watak utama cerita ini dan rakan-rakan senasib dengannya ke suatu daerah yang usang dan tidak bertamadun serta penuh kesukaran. Golongan ini telah dapat mengesan bahawa David dan rakan-rakannya walaupun kelihatan normal mempunyai suatu kuasa telepatik yang meletakkan mereka sebagai luar biasa dan merupakan ancaman kepada orang-orang normal.

Cerita ini berakhir dengan pertempuran yang berlaku di antara dua golongan ini yang menyaksikan ramai daripada mereka terbunuuh termasuklah bapa David dan temannya semasa kecil, Sophie yang telah dibawa lari oleh ibu bapanya sejak kecil kerana mempunyai enam jari kaki. Walau bagaimanapun David dan dua rakannya telah berjaya diselamatkan oleh seorang wanita yang mempunyai kuasa telepatik dengan menaiki sejenis kapal terbang untuk membawa mereka ke tamaddun yang lebih maju bernama Zealand.

Chrysalids adalah sebuah novel yang menyentuh mengenai kisah para remaja. Kisah ini membabitkan perasaan kasih sayang, percintaan dan perpisahan yang menyedihkan serta peristiwa-peristiwa yang boleh memberi pengajaran dan teladan kepada pembaca.

Dato' Zawiyah berpendapat, “Walaupun buku ini berbentuk fiksyen sains, ia dapat menambat hati pembaca kerana dipenuhi dengan unsur-unsur emosi remaja yang berjaya menarik hati pembaca.”



John Wyndham, 1903-1969

John Wyndham Parkes Lucas Benyon Harris telah dilahirkan pada tahun 1903. Beliau banyak menulis untuk penerbit-penerbit di Amerika Syarikat dengan menggunakan pelbagai nama samaran di samping menulis novel-novel penyiasatan dari tahun 1930-1939. Penulisannya terhenti ketika Perang Dunia apabila beliau menyertai angkatan tentera. Walau bagaimanapun beliau kembali menulis pada tahun 1946 tetapi menukar topik penulisan kepada fiksyen sains. Sebagai John Wyndham, beliau telah menghasilkan *The Day of The Triffids; The Kraken Wakes; The Chrysalids; The Midwich Cuckoos* (yang difilemkan dengan judul *Village of The Damned*); *The Seeds of Time; Trouble with Lichen; The Outward Urge* (bersama; Lucas Parkes) dan *Chocky*. Beliau meninggal dunia pada Mac 1969.

Pembicara

Y.Bhg. Dato' Zawiyah binti Baba
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: **Daughter of Persia:**
A Woman's Journey From Her Father's Harem
Through The Islamic Revolution


Penerbit: London: Transworld Publishers, 1993

**“...menyedarkan masyarakat peri
 pentingnya menghormati hak sesama
 manusia...”**

Membaca buku *Daughter of Persia* membuatkan Hajah Elahe merasa ‘dekat’ dengan pengarangnya. Ini kerana beliau dan penulis buku adalah berasal dari Iran dan sama-sama melibatkan diri secara aktif dalam kerja-kerja sosial demi menjaga kebijakan masyarakat khasnya golongan yang kurang bernasib baik. Buku ini memaparkan mengenai kegigihan penulisnya yang melalui kehidupan sebagai seorang wanita Muslim pada zaman Revolusi Iran yang berhadapan dengan perang dan penafian hak kaum wanita di dalam mencapai cita-cita mereka.

Walaupun beliau berasal dari keluarga ternama dan kaya raya tetapi beliau berazam untuk mencapai kejayaan atas usahanya sendiri. Meskipun mempunyai ayah yang mementingkan pendidikan tetapi hasrat penulis untuk berhijrah ke Amerika Syarikat telah mendapat tantangan. Hanya apabila bapanya meninggal dunia barulah hasrat ini dipenuhi bilamana beliau merupakan rakyat Iran pertama yang berjaya melanjutkan pengajian di *University of Southern California*, Amerika Syarikat. Setelah tamat pengajian, beliau kembali semula ke Iran dan melibatkan diri dalam kerja-kerja sosial untuk mengubah nasib golongan wanita, mereka yang tertindas dan golongan miskin daripada terus dibelenggu kesengsaraan hidup.

Inilah yang menjadi daya tarikan Hajah Elahe untuk membaca buku ini. Menurut beliau, “Buku ini berupaya menaikkan semangat saya untuk berbakti kepada masyarakat dan menyedarkan masyarakat peri pentingnya menghormati hak sesama manusia tanpa mengira jantina, keturunan, bangsa dan fahaman agama.”



Sattareh Farman-Farmaian

Beliau pernah berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat di *County of Los Angeles* dari tahun 1980 hingga 1992 dan pernah mengajar di Fakulti Penyelidikan Sains Sosial di Universiti Tehran selain menjadi ahli *UN Expert of Middle East*. Tidak hairanlah jika beliau amat aktif menjalankan kerja-kerja kemasyarakatan di Iran dan telah mengasaskan *Tehran School of Social Work* yang beliau sendiri menjadi pengaruhnya di samping menujuhan Family Planning Association.

Antara judul buku yang beliau hasilkan ialah *Children's Needs* (1960); *Country Profile of Iranian Family Planning & Social Welfare* (1965); *Children and Teachers* (1966); *Prostitution Problems in the City of Tehran* (1969) dan *On the Side of China Wall* (1977).

Dona Munker

Beliau juga menulis buku *How to Wear Hats With Style*.


Pembicara

Puan Hajah Elahe Norman

Pengerusi
 Tasputra PERKIM

Judul Buku: **Do They Hear You When You Cry**

Penerbit: London: Bantam Books, 1999



“Jika harganya RM50.00 sekalipun, saya sanggup membelinya, kerana ia merupakan sebuah cerita yang amat menarik dan sukar dilupakan.” Begitulah di antara kata-kata yang diluahkan oleh Puan Nor Azian Hashim apabila memperkatakan tentang buku kegemaran beliau, *Do They Hear You When You Cry* yang dibelinya dari sebuah kedai buku.

Ia merupakan kisah benar yang dialami sendiri oleh Fauziya Kassindja, seorang gadis Islam dari Togo, Afrika. Beliau ketika kecilnya terpaksa melalui adat berkhatan yang menyakitkan yang dipanggil

‘kakia’. Adat ini merupakan satu upacara kuno kaumnya yang masih dikekalkan sehingga sekarang. Apabila usianya mencecah 17 tahun, beliau telah dipaksa berkahwin dengan seorang lelaki yang berusia 45 tahun yang telah mempunyai 3 orang isteri. ‘Keterpaksaan’ ini telah menyebabkan beliau melarikan diri dan berhijrah ke luar negara sebagai pelarian. Beliau telah melarikan diri ke Jerman dan Amerika Syarikat dengan menggunakan pasport palsu. Semasa di Amerika Syarikat, beliau telah ditangkap oleh pihak Imigresen dan dipenjarakan. Semasa di penjara beliau telah menerima layanan buruk dan kejam dari pihak berkuasa penjara. Namun Fauziya tidak pernah berputus asa sebaliknya dia tetap berdoa dan menjalankan kewajipannya sebagai seorang Islam walaupun terpaksa bersembahyang dengan bersejadahkan cadar katil yang ada di sel penjaranya. Akhirnya kes beliau mendapat perhatian Layli Miller Bashir, seorang peguam yang telah memperjuangkan hak Fauziya sehingga beliau berjaya dibebaskan selepas dua tahun menderita di penjara.

Bagi Puan Nor Azian, kekuatan cerita ini terletak pada jalan cerita dan gaya penulisannya yang ringkas dan mudah. “*It's a book that you can't even forget no matter how long you read it, you want to read it again because of the story and the way it was written.*”

Kekuatan, semangat dan kecekalan yang ditunjukkan oleh Fauziya boleh mendorong kaum wanita seluruh dunia untuk memperjuangkan hak mereka yang sering ditindas.

Fauziya Kassindja, 1977-
Beliau berasal dari Togo, Afrika.

Layli Miller Bashir
Merupakan Pengarah Eksekutif Pusat Pengadilan Tahirih, sebuah pertubuhan bukan Kerajaan yang memperjuangkan hak dan melindungi wanita dari penderaan melalui perkhidmatan guaman dan sosial. Pernah berkhidmat sebagai Pendakwa Raya di *Arnold and Potter* dan di Lembaga Rayuan Imigresen, Jabatan Keadilan Amerika Syarikat. Beliau telah menulis beberapa artikel termasuklah *Female Genital Mutilation: Balancing Intolerance of the Practice with Tolerance of the Culture; Male Genital Mutilation in the United States: an Examination of Criminal and Asylum, and New Trends in Addressing Violence Against Women.*



Pembicara
Puan Nor Azian Hashim
Pengarah/Jurulatih
Pusat Bahasa Inggeris Untuk Dewasa

“Jika harganya RM50.00 sekalipun, saya sanggup membelinya, kerana ia merupakan sebuah cerita yang amat menarik dan sukar dilupakan.”


Judul Buku: 84, Charing Cross Road

Penerbit: London: Virago, 2002, 1970 and 1975

Encik Azahar Raswan Dean amat meminati buku *84, Charing Cross Road* sehingga pernah mencarinya semasa beliau ke London tetapi hanya berpeluang membacanya apabila menemuinya di kedai Buku Kinokuniya. *84, Charing Cross Road* merupakan kisah benar yang ditulis dalam bentuk surat yang amat mengagumkannya. Ianya memuatkan surat-surat yang dihantar oleh Helene yang menetap di New York kepada Frank Doel tuan punya kedai buku yang beralamat di 84, Charing Cross Road, London. Mereka telah berutus surat selama 20 tahun iaitu dari tahun 1949 hingga tahun 1969. Uniknya hubungan ini ialah mereka telah berjaya menjalinkan satu persahabatan yang luhur, berharga dan istimewa walaupun mereka tidak pernah mengenali di antara satu sama lain dan tidak pernah bersua tetapi menjadi sahabat sejati kerana kecintaan mereka terhadap buku dan kesusasteraan. Ini dibuktikan bilamana walaupun kiriman surat mereka terhenti apabila Frank Doel meninggal dunia pada tahun 1969 tetapi Helene tidak lupa untuk meminta mereka yang pergi ke London dan melalui alamat ini agar mengucupnya bagi pihak beliau. Alamat ini amat bermakna bagi beliau. Oleh itu bagi Encik Azahar, "If people love books, they will like this book."



"If people love books, they will like this book."



Helene Hanff, 1917-1997

Dilahirkan di Philadelphia, Pennsylvania dan memulakan kerjaya sebagai pembaca skrip di *Paramount Pictures* sebelum berkhidmat sebagai penulis skrip sepenuh masa di *Columbia Broadcasting System (CBS)*. Kecintaan beliau kepada buku telah menarik Helene untuk menulis dan menghasilkan antaranya *Underfoot in Showbusiness* (1961); *Q's Legacy* (1986); *Apple of My Eye* (1989); *Letter from New York* (1993) dan *The Duchess of Bloomsbury Street* (1995). Buku *84, Charing Cross Road* pernah difilemkan dan dijadikan persempahan teater yang mendapat sambutan hangat di London.

Pembicara

Encik Azahar Raswan Dean
Editor Bahagian Pendidikan
New Straits Times Press (M) Bhd.

Judul Buku: **Falling Leaves:**
The True Story Of An Unwanted Chinese Daughter

Penerbit: New York: Broadway Books, 1997

Adik Siti Nor meminati buku ini kerana ia membicarkan mengenai kisah penulisnya sendiri iaitu Adeline Yen Mah yang dilahirkan di negeri China pada tahun 1937 dari sebuah keluarga tradisional yang kaya raya. Bapa beliau ialah seorang pelopor dalam industri perkapalan pada masa itu tetapi kejayaan yang diperoleh oleh Adeline Yen Mah adalah berkat usaha gigih beliau sendiri. Ini kerana ibu Adeline meninggal ketika melahirkannya dan mengikut kepercayaan masyarakat Cina, Adeline dikatakan sebagai pembawa sial dalam keluarga. Bapa beliau kemudiannya telah berkahwin dengan seorang wanita Eurasian kacukan Perancis dan Cina. Oleh itu beliau telah dipelihara dalam keluarga yang terbahagi dua.

Menurut adik Nor Hafizah, kekuatan buku ini terletak pada tema kasih sayang yang ingin disampaikan oleh penulis. Ia sebenarnya dapat memotivasi remaja terutamanya pelajar yang menghadapi masalah keluarga. *Falling Leaves* telah menyedarkan Siti Nor Hafizah bahawa "Kekuatan dan keyakinan dirilah yang akan membina potensi di dalam diri seseorang." Menurutnya lagi, "*children should able to speak their mine.*"



Adeline Yen Mah, 1937-

Lahir di Tianjin, China dari sebuah keluarga tradisional Cina yang kaya raya. Semasa berusia 14 tahun, beliau telah memenangi pertandingan menulis dan meyakinkan ayahnya untuk menghantar beliau belajar di England. Beliau telah memperoleh Ijazah Kedoktoran dan menubuhkan kliniknya sendiri di California.

Banyak menulis novel dan telah menulis buku autobiografi untuk kanak-kanak iaitu *Chinese Cinderella* pada tahun 2001. Novel-novel yang dihasilkan ialah *Falling Leaves Return to Their Roots* (1998); *Watching the Tree: a Chinese Daughter Reflects on Happiness, Tradition and Spiritual Wisdom* (2002) ; *A Thousand Pieces of Gold: Rowing up Through China's Proverbs* (2003) dan *The Secret Dragon Society* yang akan diterbitkan pada tahun 2005.


Pembicara
Siti Nor Hafizah Amir
 Pelajar Sekolah

"Kekuatan dan keyakinan dirilah yang akan membina potensi di dalam diri seseorang."

My two half-siblings, Franklin and Sonny, with their mother, Max Chen. Once was a family with two sons. My stepchildren were the lower-class citizens; Franklin and Sonny received professional treatment from back.

Judul Buku: **For Men Of Understanding:**
The Signs In The Heavens And The Earth

Penerbit: London : Ta-Ha Publishers, 1999



Puan Sabariah meminati buku *For Men of Understanding* kerana ia memberi kesan yang mendalam pada jiwanya. Buku ini membawa beliau merenung dan berfikir mengenai proses penciptaan Allah terhadap manusia dan makhluk-makhluk lain di atas muka bumi ini. Ia menerangkan mengenai bagaimana manusia, nyamuk, unta, lalat, semut, lebah, ulat bulu, kupu-kupu, katak, sesumpah dan burung dicipta dan mengalami proses biologi yang diselitkan pula dengan keterangan-keterangan dari Al-Quran. Ilustrasi yang menarik dan berwarna-warni menambahkan lagi daya tarikan buku ini di samping CD yang dimuatkan untuk pembaca. Proses penciptaan makhluk yang digambarkan menerusi Al-Quran dan fenomena sains ini telah memberi keinsafan kepada beliau akan keagungan dan kebesaran Ilahi. Beliau merasakan, "who am I, I'm nobody." "Saya merasakan tersangat kerdil di sisi Tuhan apabila membaca buku ini," tambah beliau.

Harun Yahya

Nama sebenarnya ialah Adnan Oktar dan dilahirkan di Ankara, Turki pada tahun 1956. Banyak menulis mengenai agama, sains dan politik yang didasarkan kepada penyelidikannya kepada Al-Quran. Ada di antara karyanya yang diterbitkan dalam bentuk audio, video dan CD selain dipaparkan dalam laman web yang dihasilkannya sendiri. Karya-karyanya pula telah diterjemahkan melebihi daripada 20 bahasa di seluruh benua Eropah, Amerika dan Asia. Sebanyak lebih daripada 130 buah buku dihasilkan termasuklah *A Chain of Miracles*, *The School of Yusuf*, *Quick Grasp of Faith* – 3 dan *The Sign of Jesus*.

Pembicara

Puan Sabariah Faridah Jamaludin
 Juru Perunding
 SABA Islamic Media Sdn. Bhd.



“Saya merasakan tersangat kerdil di sisi Tuhan apabila membaca buku ini.”

Judul Buku: **The Guns Of Navarone and Force Ten From Navarone**

Penerbit: New York: Gramercy Books, 2000

Peperangan Dunia Kedua yang berlaku pada tahun 1942-1943 menjadi pencetus kepada terbitnya buku-buku ini.

The Guns of Navarone menceritakan mengenai siri Peperangan yang berlaku di antara kerajaan British dengan Jerman bermula dengan penghantaran seramai 10,000 orang askar British ke sebuah pulau bernama pulau 'Kheros' tetapi kesemua askar British mati dalam pertempuran itu. Kekalahan ini telah menyebabkan tentera British menghantar skuad elit komando yang dilatih khas ke pulau 'Kheros' untuk menawan semula pulau tersebut. Kesinambungan cerita ini terdapat dalam *Force Ten From Navarone*. Cerita susulan ini mengisahkan bagaimana tentera British telah menghantar beberapa orang komando ke Yugoslavia bagi meneruskan misi mereka yang begitu rumit. Komando-komando yang ditugaskan ini terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan yang berat sehingga mereka terpaksa tidur hanya tiga jam sehari bagi memastikan misi mereka berjaya.



Apa yang menarik bagi Prof. Dr. Noor Harun sehingga menjadikan buku ini bacaan kegemaran beliau ialah, "Penulis ini bijak menyusun plot dengan menjadikan unsur suspen sebagai kriteria utama dalam tulisannya. Buku ini telah membawa satu kelainan dari aspek 'thriller' berbanding dengan buku-buku seumpamanya." Malah Prof. Dr. Noor Harun berpendapat bahawa buku ini adalah yang terbaik berdasarkan olahan setiap aksi pertempuran dalam setiap perenggan.

"Penulis ini bijak menyusun plot dengan menjadikan unsur suspen sebagai kriteria utama dalam tulisannya..."

Alistair MacLean, 1923-1987

Dilahirkan di Glasgow, Lanarkshire, Scotland, pada tahun 1923. Telah menyertai tentera laut Scotland bagi menghadapi Perang Dunia Kedua ketika usianya 18 tahun. Kemudiannya berkhidmat pula sebagai guru selepas lulus dari Universiti Glasgow dalam bidang bahasa Inggeris pada tahun 1952. Ketika itu beliau telah menghasilkan beberapa buah cerpen dan cerpen *The Dileas* telah menerima hadiah *Glasgow Herald* pada tahun 1954. Beliau juga telah menggunakan pengalamannya ketika menjadi tentera laut bagi menghasilkan buku pertamanya *MS Ulysses* yang diterbitkan pada tahun 1955. Disusuli pula dengan buku *Dark Crusader* (1960) dan *Satan Bug* (1961) yang menggunakan nama penanya Ian Stuart. Beliau kemudiannya mendapat anugerah *Doctorate of Literature* dari Universiti Glasgow pada tahun 1983.

Banyak daripada novel beliau telah diadaptasi ke filem termasuklah *The Guns of Navarone* dan *Force Ten From Navarone*.

Pembicara

Prof. Dr. Noor Harun Abdul Karim


Pensyarah

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Judul Buku: **The Hobbit: Or There And Back Again**

Penerbit: London: George Allen & Unwin, 1983

Buku ini menjadi pilihan Encik Muhammad Arif Reza kerana ia dipenuhi dengan unsur-unsur fantasi dan imaginasi. Melalui buku ini, beliau juga dibawa ke dunia khayalan dan keseronokan dengan menggunakan imaginasi yang tinggi. Buku ini mengisahkan Bilbo Baggins, seorang Hobbit dari keturunan keluarga yang sangat dihormati di *Hobbiton and Shire*. Beliau tidak pernah melakukan sesuatu di luar dugaan dan tidak pernah malah tidak suka mengembala atau bergaul dengan makhluk-makhluk asing dan orang aneh di luar Shire. Kehidupannya dipenuhi dengan bercucuk tanam, bersantai, mewah dengan makanan yang banyak dan menghisap paip. Cara hidup seperti katak di bawah tempurung ini berakhir apabila beliau dilawati oleh Gandalf, seorang ahli sihir (wizard) termasyhur yang dikenalinya dari dongeng dan cerita-cerita datuk neneknya. Bilbo Baggins mendapati dirinya terjebak dalam komplot keturunan Dwarf dari Erebor, diketuai oleh Thorin Oakenshield dan 11 orang petualangnya untuk menuntut semula harta karun dan khazanah nenek moyangnya dari seekor naga bernama Smaug yang kejam dan penuh muslihat di *Misty Mountains*.



Buku ini memaparkan kebolehan istimewa J. R. R. Tolkien dalam mengutarakan kehidupan yang penuh fantasi diolah dengan cara klasik. Bagi Encik Reza, "Buku ini mencetuskan imaginasi yang tinggi dan khayalan apabila kita membacanya. Imaginasi amat penting kerana dengan imaginasi yang tinggi, manusia terdorong untuk mencipta sesuatu yang di luar dugaan dan menjadikannya suatu realiti. Contohnya, manusia boleh terbang ke langit dengan terciptanya kapal terbang."

J. R. R. Tolkien, 1892-1973

Berasal dari Bloemfontein, Afrika Selatan dan pernah berkhidmat sebagai anggota tentera berkuda pada Perang Dunia Pertama. Seorang graduan dalam bidang English Literature dari Universiti Oxford, beliau merupakan pakar dalam bahasa Inggeris terutamanya bahasa Inggeris lama dan pertengahan dan pernah dilantik sebanyak dua kali sebagai Profesor Anglo-Saxon (dalam bidang bahasa Inggeris lama) di Universiti Oxford. Beliau juga telah menghasilkan beberapa buah buku yang terkenal termasuklah *The Lord of the Rings* (1954-1955) yang diadaptasikan ke filem sebanyak tiga siri.


Pembicara

Encik Muhammad Arif Reza Yusof
Eksekutif Pengeluaran
PETRONAS

"Buku ini mengutamakan imaginasi yang tinggi dan penuh dengan khayalan ...dan mempunyai persamaan dengan sebuah filem yang menjadi *box-office* iaitu *the Lord of the Ring*."

Judul Buku: How To Stop Worrying And Start Living

Penerbit: New York: Simon and Schuster, 1948



Puan Siti Fatimah telah membaca buku ini sebagai mengatasi masalah risau yang keterlaluan yang dialaminya dari tahun 1993 hingga 1995. Hasil dari pembacaan buku ini telah meninggalkan kesan yang cukup positif kepada beliau apabila beliau telah dapat meningkatkan semangat dan keyakinan diri. Buku ini mengemukakan teknik asas mengatasi masalah kerisauan yang melampau, bagaimana mengawal risau, menggunakan perasaan risau pada masa yang sesuai dan bagaimana

untuk menghindari rasa risau apabila berhadapan dengan kritikan. Buku ini diulas dengan menggunakan pengalaman penulis sendiri yang berusaha mengatasi masalah risau yang dialami yang akhirnya telah membawa kejayaan kepadanya. Ia juga turut mendedahkan pengalaman daripada mereka yang telah berjaya mengatasi masalah kerisauan yang melampau. Ia diceritakan dalam bahasa yang amat mudah difahami dan dikupas secara mendalam dengan memasukkan contoh-contoh yang berlaku dalam kehidupan. Tidak hairanlah jika ada di antara mereka yang telah berjaya mengatasi masalah risau dengan merujuk kepada buku ini.

Menurut Puan Siti Fatimah lagi, "Buku ini amat menarik untuk dibaca kerana ia dibahagikan mengikut topik dan sesuatu isu yang diketengahkan dibincangkan secara mendalam."

"...hasil dari pembacaan buku ini telah meninggalkan kesan yang cukup positif kerana dapat meningkatkan semangat dan keyakinan diri."

Dale Carnegie, 1888-1955

Seorang pelopor pengucapan awam dan pembangunan diri yang dilahirkan di Mary Ville sebelum berhijrah ke New York pada tahun 1912. Banyak memberikan ceramah mengenai pengucapan awam kepada ahli-ahli perniagaan dan telah menubuhkan *Dale Carnegie and Associates, Inc.* Buku *How To Win Friends and Influence People* (1936) telah dijual melebihi daripada 10 juta naskhah dan telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa. Buku lain yang juga turut menjadi tarikan ialah *Believe That You Will Succeed, and You Will, Learn to Love, Respect and Enjoy Other People* dan *How To Stop Worrying and Start Living* (1948).

Pembicara

Puan Siti Fatimah Abdul Rahman

Fellow Kanan

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

"...hasil dari pembacaan buku ini telah meninggalkan kesan yang cukup positif kerana dapat meningkatkan semangat dan keyakinan diri."

Judul Buku: **How To Win Friends And Influence People**


Penerbit: New York : Pocket Books, 1964

Buku ini menarik perhatian Encik A. Sarasaidy kerana ia mengemukakan tips-tips dan kaedah untuk memenangi hati majikan. Buku ini memperincikan kaedah untuk memenangi hati majikan supaya menjadi seorang pekerja yang dipercayai dan mudah mendapat kenaikan pangkat di samping mengekalkan hubungan baik di antara pekerja dengan majikan. Sikap saling menghargai juga disyorkan tetapi tidak menggalakkan perbuatan mencaci dan mengumpat ke atas majikan kerana perbuatan ini bukan hanya akan mengurangkan kepercayaan dan kemesraan malah boleh menimbulkan kerengganan di antara pekerja dengan majikan dan juga antara pekerja dengan pekerja.

"You can go after the job you want...and get it! You can take the job you have...and improve it! You can take any situation you're in...and make it work for you!"

Pengarang telah mengemukakan tiga kaedah untuk memotivasi diri agar bebas dari perasaan rendah diri, lemah dan sebagainya. Kaedah yang pertama ialah sentiasa mempunyai hubungan baik dengan teman-teman khususnya mereka yang sentiasa mengagumi dan memuji. Seterusnya dengan cara bercakap dengan diri sendiri. Ini penting untuk menanamkan sikap yakin pada diri sendiri dalam menghadapi cabaran. Kaedah bercakap dengan diri sendiri adalah satu latihan praktis untuk memahirkan diri bercakap di khalayak ramai. Perkara yang ketiga ialah mesti ada matlamat diri yang hendak dicapai. Dengan adanya matlamat maka setiap langkah yang diambil akan tersusun dengan teratur dan teliti.

Bagi Encik A. Sarasaidy, "Buku ini telah memberikan pengajaran yang bernilai kepada saya terutama dalam usaha untuk memajukan diri demi kecemerlangan kerjaya dan menjadikannya sebagai rujukan dan bahan bacaan harian saya."



Dale Carnegie, 1888-1955

Beliau adalah orang yang bertanggungjawab menubuhkan Institut Dale Carnegie. Selain menulis, beliau juga mempunyai kepakaran dalam bidang motivasi dan mula aktif memberi ceramah mengenai teknik pengucapan awam dan kemahiran berkomunikasi setelah berhijrah ke New York pada tahun 1912.

Buku *How to Win Friends and Influence People*, mula diterbitkan dalam tahun 1937 dan telah terjual melebihi daripada satu juta naskhah. Ia diulang cetak dalam beberapa edisi. Beliau juga menulis buku biografi mengenai Abraham Lincoln berjudul *Lincoln the Unknown*.

Pembicara

Encik A. Sarasaidy

Bekas Penggerusi Kelab Sahabat


"You can go after the job you want...and get it! You can take the job you have...and improve it! You can take any situation you're in...and make it work for you!"

Judul Buku: **Jerusalem In The Qur'an:**
An Islamic View Of The Destiny Of Jerusalem Including
A Muslim Response To The Attack On America

Penerbit: New York: Masjid Dar Al-Quran, 2002

Encik Mohd. Mohiyuddin tertarik dengan buku ini kerana, "Ia merupakan suatu karya kontemporari yang mengulas mengenai peristiwa 11 September 2001." Ia mengisahkan tentang negara Israel, masa depan Jerusalem, Islam, Yajud dan Majud, Dajjal dan Imam Mahdi. Kisah ini diceritakan dalam dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi dua belas bab yang membincarkan tentang kemunculan Nabi Isa dan bahagian kedua pula mengisahkan tentang bangsa Yahudi dan negara Israel. Buku ini menyangkal kepercayaan orang Yahudi bahawa mereka adalah satu bangsa yang terpilih yang perlu disanjung dan diberikan hak eksklusif sehingga menjadikan sedikit demi sedikit bumi Palestin sebagai tanahair mereka.

**"...suatu karya
kontemporari
yang mengulas
mengenai peristiwa
11 September."**



“...suatu karya
kontemporari yang mengulas mengenai peristiwa 11 September.”

Imran Nazar Hosein

Merupakan bekas Diplomat yang kini menjadi Imam Masjid Dar Al-Qur'an di Long Island, New York. Mempelajari dan mendalami Islam dengan Shaikh Maulana Dr. Muhammad Fadlur Rahman Ansari, seorang ahli sufi dan cendekiawan Islam di Institut Pengajian Islam, Pakistan. Beliau juga mempelajari ilmu falsafah di Universiti Karachi dan di *Graduate Institute of International Studies in Geneva, Switzerland*.

Buku-buku tulisan beliau yang telah diterbitkan termasuklah *The Religion of Abraham and the State of Israel; The Prohibition of Riba in the Qur'an and Sunnah* dan *The Hejaz and the Saudi Wahhabi Nation-State*.

Pembicara

Encik Mohd Mohiyuddin Muhd Sulaiman Al-Hafiz

Pensyarah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)


Judul Buku: Keanehan Dan Keunggulan Buku

Penerbit: Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1985

“Buku yang menceritakan mengenai dunia perbukuan ini amat sesuai dirujuk kerana buku berperanan sebagai satu alat dalam proses pendidikan, pembelajaran dan keilmuan.” Itulah kata-kata yang lahir dari hati Mejari Burhanuddin apabila memperkatakan mengenai buku kegemarannya ini. Menurut beliau, “Kemajuan sesebuah negara dan bangsa sebenarnya bergantung kepada khazanah perbukuan yang kukuh.” Selain daripada itu, buku ini juga menceritakan ‘kegilaan’ orang-orang dahulu kepada buku sehingga ada yang mati ditimpak buku-buku. Beliau juga memetik kata-kata penulis “Nikmat membaca melalui buku cukup jauh berbeza dengan usaha kita mendapatkan maklumat menerusi INTERNET atau laman web. Membaca buku sedikit sebanyak menyentuh emosi, jiwa dan sanubari. Emosi dan minda kita akan lebih cerdik melalui pembacaan.”

Mejari Burhanuddin juga menyatakan keagumannya dengan penulis buku ini yang berusaha membaca buku, kemudian memetik kata-kata ulama yang terdapat di dalam buku tersebut dan menterjemahkannya ke dalam bentuk buku yang boleh dibaca.

**“Nikmat membaca
melalui buku cukup
jauh berbeza
dengan usaha kita
mendapatkan
maklumat dari
internet atau
laman
web...”**



Shaharom TM Sulaiman

Dilahirkan pada tahun 1962 di Pekan, Pahang. Berkelulusan hingga ke peringkat sarjana dan pernah berkhidmat sebagai Pustakawan di Perpustakaan Negara Malaysia. Beliau kini bertugas sebagai pensyarah di UiTM, Shah Alam. Lebih daripada 400 buah rencana, artikel, resensi buku dan kertas kerja seminar telah dihasilkan di samping menulis untuk Jurnal Pemikir, akhbar-akhbar perdana dan majalah tempatan serta menjadi kolumnis majalah MINDA. Buku-buku yang dihasilkan ialah Pembacaan dan Peningkatan Budaya Ilmu (1996); Kepustakawan Dalam Pelbagai Perspektif (1996); Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia (1997); Islam Dalam Pelbagai Perspektif : Refleksi Pustakawan Tentang Islam (1997) dan Realiti dan Ilusi Kehidupan Maya Dalam Era Siber (2001). Beliau telah dianugerahkan Pingat Khidmat Cemerlang (PKC) oleh DYMM Sultan Pahang.

Salasiah Abd Wahab

Beliau berasal dari Perak dan dilahirkan pada tahun 1964. Berkelulusan Sarjana Muda Sains Perpustakaan dan Maklumat dan Sarjana Sains Pengurusan Maklumat dari UiTM. Pernah bertugas di beberapa buah perpustakaan sebelum berpindah ke Perpustakaan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Beliau telah bersama-sama Shaharom menghasilkan Cabaran Dunia Pengurusan : Wacana Pengurusan Menyongsong Abad ke-21 (2001).

Pembicara

Mejari Burhanuddin Abdul Jalal

Pegawai Penerbitan Jabatan Arah Kor Agama Tentera
Bahagian Perkhidmatan Anggota
Kementerian Pertahanan

Judul Buku: Malay Pantuns = Pantun Melayu


Penerbit: Sydney: Australian Pub., 1951

Sebagai seorang tokoh budayawan yang memandang tinggi terhadap nilai estetika budaya Melayu, Puan Azah Aziz amat meminati buku pantun Melayu lama. Ini kerana beliau berpendapat “Penghasilan dan penciptaan pantun Melayu lama lebih mencerminkan kebijaksanaan, kehalusan dan kreativiti orang Melayu.”

Alam semula jadi banyak memberi sumbangan kepada terhasilnya pantun-pantun Melayu lama. Ini kerana kehidupan masyarakat Melayu lama banyak bergantung kepada alam semula jadi dan perhubungan antara manusia di dalam sesuatu komuniti. Di dalam pantun juga dimuatkan nilai-nilai moral dan pengajaran yang boleh dimanfaatkan untuk kelangsungan peradaban bangsa Melayu.

Malah beliau mengakui bahawa, “Pembacaan dan penghayatan terhadap pantun-pantun Melayu lama secara tidak langsung dapat bertindak sebagai medium pengajaran dan pembelajaran tidak formal kepada semua golongan masyarakat kerana dalam pantun terselit mesej yang menggabungkan pengetahuan dan hiburan secara idealistik dan realistik.”

Menurut beliau lagi, di dalam himpunan pantun-pantun Melayu terdapat banyak nilai-nilai moral dan pengajaran yang boleh dimanfaatkan oleh orang Melayu untuk kelangsungan peradaban bangsa Melayu itu sendiri.



A. W. Hamilton

Seorang penulis berbangsa Inggeris yang banyak menghasilkan tulisan mengenai bangsa dan bahasa Melayu. Antara buku-buku yang ditulis ialah *Penang Malay* (1922); *Malay Made Easy: Covering the Dutch East Indies and Malaya* (1971); *Easy Malay Vocabulary* (1985); *Malay Proverbs* (1987) dan *Malayan Nursery Rhymes* (19—).

Pembicara

Puan Azah Abdul Aziz


Budayawan/Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia

“Pembacaan dan penghayatan terhadap pantun-pantun Melayu lama secara tidak langsung dapat bertindak sebagai medium pengajaran dan pembelajaran tidak formal kepada semua golongan masyarakat...”

Judul Buku: A Mighty Collision Of Two Worlds

Penerbit: Kuala Lumpur: Saba Islamic Media, 2000

Apa yang menarik perhatian Puan Lana untuk membaca buku ini ialah ia mengisahkan mengenai perkahwinan campur antara dua individu yang berlainan bangsa, negara dan agama. Cerita ini ialah paparan kisah benar yang berlaku pada suatu masa dahulu yang telah membawa perubahan yang besar dalam kehidupan dua insan. Pertemuan antara Anisa wanita berkulit hitam beragama Islam dan Mick, pemuda Amerika berkulit putih bukan Islam. Pertemuan mereka telah mencetuskan babit-babit percintaan hingga mendorong Mick untuk mendalami dan memeluk Islam walaupun terpaksa menempuh pelbagai kesukaran. Mereka kemudiannya telah berkahwin dan hidup bahagia. Menurut Puan Lana, buku ini juga turut menjelaskan mengenai pandangan Islam dari segi perkahwinan campur, hukum hakam dan hubungan sosial dalam Islam. Menurut Puan Lana, "Kehidupan yang nyata telah membawa sinar kepada kehidupan yang sempurna."



Safi Abdi

Dilahirkan dan dibesarkan di Somalia sehingga berumur 13 tahun. Berkelulusan Ijazah dalam kesusasteraan Inggeris dan Diploma dalam penulisan kreatif dari *Institute of Children's Literature Reading, Connecticut, Amerika Syarikat*. *A Mighty Collision of Two Worlds* adalah merupakan novel pertama beliau sebelum diikuti dengan novel kedua *Offspring Paradise* yang diterbitkan pada tahun 2003.


Pembicara
Puan Lana Mohammad
Koodinator
SABA Islamic Media Sdn. Bhd.

"Kehidupan yang nyata telah membawa sinar kepada kehidupan yang sempurna."

"*Kehidupan yang nyata telah membawa sinar kepada kehidupan yang sempurna.*"

Judul Buku: Mind Power For Students

Penerbit: New York: St. Martin's Press, 1996



meningkatkan keyakinan diri. Kaedah-kaedah praktik dan dinamis telah diutarakan oleh pengarang untuk melahirkan insan yang cemerlang dan berketrampilan. Kaedahnya ialah dengan menguasai minda dari segi mengurangkan berat badan, mengecapi kehidupan dan kesihatan yang baik, menguatkan daya ingatan dan juga pengaruh pengajaran dan pembelajaran terhadap penguasaan minda manusia.

Buku ini menerangkan bagaimana seseorang yang mempunyai berat badan berlebihan berupaya untuk menurunkan berat badan hanya dengan penguasaan minda tanpa mengambil sebarang pil mahupun bersenam. Rangsangan minda yang betul juga mampu membuatkan seseorang pesakit itu pulih daripada penyakit yang dihidapi. Selain itu, beliau juga turut didedahkan dengan pelbagai kaedah untuk meningkatkan dan menguatkan daya ingatan.

Pelbagai penyelidikan dan latihan untuk menguji sejauh mana kekuatan minda manusia di dalam mengingati sesuatu perkara secara menyeluruh atau sebaliknya juga dikemukakan menceritakan bagaimana membaca buku-buku yang berbentuk ilmiah dapat meningkatkan kekuatan minda dan pengetahuan pembaca.

Bagi Mohamed Arshad, "Buku ini yang memuatkan contoh-contoh kejayaan orang-orang terdahulu mempraktikkan penguasaan minda atau 'Mind Power' telah menambahkan lagi minat saya untuk membacanya."

"*Mind Power* adalah sebuah buku yang amat menarik dan berguna untuk dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari." Inilah yang dinyatakan oleh Mohamed Arshad yang telah memilih buku ini sebagai buku kegemaran beliau. Buku ini malah menjadi buku panduan dan rujukan dalam kehidupan sehari-harinya. Buku ini telah memberi pendedahan kepada beliau bagaimana keupayaan akal dan minda boleh digunakan untuk

Matt Oechsli

Melibatkan diri lebih daripada 20 tahun sebagai konsultan dalam industri perkhidmatan kewangan. Beliau memperoleh MBA Marketing dari *Anna Maria College* di Paxton MA, BS dari Universiti Arizona dan sijil Hipnoterapi klinikal dari *Albert Einstein College of Medicine*. Pernah bertugas sebagai kaunselor kepada remaja bermasalah di New York City. Mempunyai kepakaran dalam melatih, membimbing dan memberi nasihat berkaitan dengan pembangunan kepimpinan, pembangunan kumpulan dan bimbingan prestasi. Buku-buku tulisannya termasuklah *Building a Successful 21st Century Financial Practice: Attracting, Servicing & Retaining Affluent Clients* (1997); *Re-Evaluating Your Life* (1992); *Fast Track Coaching for Improved Performance* (2002) dan *Mastering High Net Worth Selling: The Critical Path* (2003).

Pembicara
Mohamed Arshad Mohamed Amin
Pelajar Sekolah

"Buku ini yang memuatkan contoh-contoh kejayaan orang-orang terdahulu mempraktikkan penguasaan minda telah menambahkan lagi minat saya untuk membacanya."

The Proven Program That Gives You Powerful Techniques For Success

Judul Buku: **The Muslims Of Burma:
A Study Of A Minority Group**

Penerbit: Weisbaden: O. Harrassowitz, 1972

Encik Mohd. Mohiyuddin amat meminati buku ini kerana, "...isi kandungannya bersifat menyeluruh, terperinci dan penuh dengan maklumat sejarah." Selain itu, beliau juga menganggap buku ini sebagai hasil penulisan yang tiada bandingannya memandangkan ia adalah buku ilmiah peninggalan berharga yang menceritakan tentang sejarah dan perihal kehidupan orang Islam di Burma sekitar tahun 1962.

Buku ini menerangkan secara terperinci tentang kehidupan, kemajuan dan cabaran yang dilalui oleh masyarakat Islam Burma dari segi politik, sosio-ekonomi dan kedudukan geografi. Ia turut mengupas mengenai penindasan yang dilakukan oleh bangsa lain seperti orang barat terhadap mereka. Masyarakat Islam Burma hanyalah kaum minoriti berbanding dengan kaum lain seperti Arakian dan India. Sejarah kedatangan Islam ke Burma juga dinyatakan sehingga Islam menjadi salah satu agama utama yang dianuti oleh orang Burma yang sebelum itu kebanyakannya beragama Buddha.

Ketika ini pengaruh Islam di negara Burma sama kuatnya dengan pengaruh agama-agama lain seperti Buddha dan Kristian. Malah pengaruh Islam juga dapat dilihat dalam sistem pemerintahan dan politik Burma yang kebanyakannya dipelopori oleh orang Islam. Walau bagaimanapun Burma kekal sebagai sebuah negara bukan Islam kerana dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu kedudukan geografi, ekonomi dan pengaruh kuat agama lain. Buku ini bagi Encik Mohd. Mohiyuddin, "Secara keseluruhaninya adalah sesuai dijadikan sebagai koleksi bacaan yang menarik kerana segala maklumat yang terkandung adalah benar dan tepat. Sebagai sebuah karya sejarah, ia harus dipelihara dan dijaga."

"...isi kandungannya bersifat menyeluruh, terperinci dan penuh dengan maklumat sejarah."

Moshe Yegar


Beliau juga menulis buku *Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Policies and Implementation*.

Pembicara

Encik Mohd Mohiyuddin Muhd Sulaiman Al-Hafiz

Pensyarah

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ULAM)



Judul Buku: **On Our Own Terms:**
Portraits Of Women Business Leaders

Penerbit: San Francisco: Berret -Koehler, 1995

Buku *On Our Own Terms* hasil tulisan Liane Enkelis dan Karen Olsen memuatkan kisah 'women business leader' di Amerika Syarikat yang terpaksa melalui pelbagai kesukaran sebelum menempa kejayaan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO). Buku ini memuatkan kisah-kisah bagaimana CEO ini terpaksa menempuh pelbagai halangan di dalam mengembangkan kariernya seperti sukarnya untuk mendapat kenaikan pangkat sebagai Pengurus atau Pengurus di sesebuah syarikat yang besar. Salah seorang daripadanya ialah Puan Carol yang pada mulanya berasal daripada keluarga yang kucar kacir di mana bapa beliau adalah seorang pendera dan kaki pukul, ibunya pula meninggal dunia ketika usia beliau 8 tahun. Kesukaran hidup ini telah membangkitkan semangat Puan Carol untuk berusaha menjadi orang yang terbaik dan berjaya dalam hidup. Perjalanan karier Carol bermula dari bawah tetapi berubah apabila beliau merasakan bahawa beliau mensia-siakan bakat yang ada padanya. Bagi mencapai cita-citanya, beliau kemudian membina empayar perniagaan sendiri untuk membuktikan bahawa beliau juga bijak dan setanding dengan lelaki dalam dunia perniagaan. Walaupun beliau menghidap penyakit barah tetapi beliau terus tabah di dalam mengharungi liku-liku dunia perniagaan sehingga beliau berjaya.

Bagi Cik Nur Juma, wanita-wanita yang berjaya ini sebenarnya adalah manusia biasa yang menjalani kehidupan seperti orang lain juga; sebagai isteri dan sebagai ibu kepada sebuah rumah tangga yang harus ditadbir dan diurus di samping mengurus dan mentadbir sebuah syarikat 'gergas'. Seterusnya beliau berpendapat bahawa, "Wanita yang berjaya seperti Carol amat tabah dan yakin dan bagi saya wanita yang mempunyai sifat keibuan dan emosi yang lembut mampu membuatkan mereka lebih rapat dengan kakitangan mereka."

Menurutnya lagi, "Wanita sekarang mampu bersaing antara satu sama lain dan berani untuk berjaya."

**"Wanita sekarang
 mampu bersaing
 antara satu sama
 lain dan berani
 untuk berjaya."**

Liane Enkelis, 1948-

Seorang jurufoto profesional yang banyak menjalankan kerja-kerja fotografi bagi majalah dan akhbar terkenal. Beliau telah menulis buku *Reflections on a Century 2000 Calendar: Memories of Centenarians* (1999) dan *On Being 100: 31 Centenarians Share Their Extraordinary Lives and Wisdom* (2000).

Karen Olsen, 1941-

Merupakan seorang Pengurus Seni dan Penulis *The Impact of the FCC's Open Network Architecture on NS/NP Telecommunications Security* (1995).

Marion Lewenstein, 1927-


Beliau merupakan seorang editor.

Pembicara

Cik Nur Juma Habib Mohammad

Pelajar

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Judul Buku: **The Oxford Book Of Irish Short Stories**

Penerbit: New York: Oxford University Press, 1991

'Arabi' memuatkan kisah cinta seorang lelaki remaja yang sanggup berkorban dan berusaha untuk memenangi hati gadis idamannya. **'Arabi'** ialah sebuah bazar yang menjaja pelbagai barang daripada negara-negara Arab dan Asia. Lelaki remaja ini telah berusaha mendapatkan barang yang dikehendaki oleh si gadis dari bazar ini walaupun terpaksa meminjam sejumlah wang daripada pakciknya. Setelah wang diperoleh lelaki ini telah pergi ke bazar berkenaan tetapi malang baginya sebaik sahaja dia tiba, bazar telah ditutup. Harapannya untuk memenangi hati gadis idamannya tidak kesampaian.

Kisah ini memaparkan kepada kita bahawa cinta tidak mengenal usia. Dalam usia yang masih muda, anak-anak muda ini telah menerokai alam percintaan yang memerlukan pengorbanan. Satu lagi elemen yang boleh dilihat ialah tidak semua yang diingini akan diperoleh. Melangkah ke alam dewasa memaksa seseorang itu berdepan dengan hakikat kehidupan bahawa untuk mencapai sesuatu impian seseorang itu harus berusaha.

'The Sugon Chair' pula mengisahkan mengenai kehidupan penduduk di kawasan pedalaman yang telah berpindah ke bandar untuk bekerja di ladang. Penghijrahan ke tempat baru ini tidak sedikit pun melupakan mereka kepada *'Sugon Chair'* yang telah digunakan sekian lama yang menjadi lambang keperitan dan kepayahan kehidupan sebelumnya. Kisah ini pula menunjukkan bahawa penghidupan baru tidak akan melenyapkan pengalaman hidup masa lalu.

Bagi Tuan Yang Terutama Daniel Mulhall beliau mempunyai sebab kenapa buku ini menjadi pilihan. Bagi beliau, "Kedua-dua cerita ini mempunyai keistimewaan dan kekuatannya yang tersendiri. Ia menunjukkan bahawa walaupun seseorang itu berada jauh dari negara asalnya, namun asal usul dan adat resam bangsanya tetap kukuh di hati." Ketika meniti ke alam kedewasaan, setiap individu perlu melalui realiti kehidupan yang memerlukan pengorbanan, kesabaran, kejujuran dan sebagainya yang merupakan asam garam kehidupan setiap individu.


**"Kedua-dua cerita ini
mempunyai keistimewaan dan
kekuatannya yang tersendiri."**

William Trevor, Editor

Dilahirkan di Mitchelstown, County Cork, Ireland pada 28 Mei 1928. Telah menghasilkan 29 buah buku dan menerima pelbagai anugerah kesusasteraan termasuklah *Whitbread Award*, *Hawthornden Prize* dan *Lannan Literary Award for Fiction*. Selain menulis novel, beliau juga menulis cerpen dan drama dan dikenali sebagai penulis prosa yang paling baik. Antara novel yang dihasilkan ialah *The Story of Lucy Gault* (2003); *The Collected Stories* (1993); *My House in Umbria* (2003) dan *The Hill Bachelors* (2001).

Pembicara


Tuan Yang Terutama Daniel Mulhall
Duta Ireland



Judul Buku: Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia

Penerbit: Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1997

Buku Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia karya Allahyarham Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim menjadi pilihan bacaan kegemaran Dato' Dr. Abdul Monir Yaacob. Sebagai seorang tokoh akademik dalam bidang perundangan Islam dan undang-undang perbandingan di Malaysia, buku ini merupakan rujukan wajib bagi beliau apabila diminta untuk memberi ceramah atau menulis kertas kerja berkaitan perundangan di Malaysia.



Beliau tertarik dengan buku ini kerana, "Tan Sri seorang pakar dalam 'legal literature' dan tokoh ilmuan yang tersohor di dalam mahupun di luar negara. Allahyarham juga dapat menguasai dua disiplin ilmu undang-undang iaitu 'Common Law' dan undang-undang Islam."

Buku ini memberi penekanan kepada pelbagai aspek perundangan Islam sama ada yang berkaitan dengan prosedur pentadbiran, masalah atau cabaran yang terpaksa dihadapi ketika melaksanakannya kerana masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa dan agama.

Malah menurut Y.Bhg. Dato' Abd. Monir, "Buku ini telah berjaya meletakkan asas yang teguh dalam perundangan Islam di Malaysia sehingga dianggap oleh Tan Sri Ahmad Sarji sebagai 'Warisan Intelektual Negara'."

"Buku ini telah berjaya meletakkan asas yang teguh dalam perundangan Islam di Malaysia sehingga dianggap oleh Tan Sri Ahmad Sarji sebagai 'Warisan Intelektual Negara'."

Ahmad Mohamed Ibrahim, 1916-

Dilahirkan pada 15 Mei 1916 di Singapura dan merupakan ahli akademik serta tokoh perundangan yang berjaya dan dihormati. Berkelulusan B.A. (London) dan B.A. (Cantab) *1st class Economic Tripos, 1st class Law Tripos*, M.A. (Cantab) Hon. LL.D (*Singapore*) serta memperoleh *Barrister-at-Law* dan *Certificate of Honour* pada tahun 1941. Pernah memegang pelbagai jawatan penting, antaranya sebagai Peguan Negara Singapura dan Duta Negara Singapura ke Republik Arab Mesir. Beliau turut mengasaskan penubuhan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya dan merupakan Profesor serta Dekan/Shaykh Kulliyah Undang-undang UIAM. Sumbangan beliau ini telah mendapat pengiktirafan dan dianugerahkan Profesor Emeritus, Tokoh Maal Hijrah dan Anugerah Yayasan Tun Abdul Razak.

Pembicara

Y.Bhg. Dato' Abd Monir Yaacob

Mohd Mohiyuddin

Ketua Pengarah

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Judul Buku: **Rich Dad Poor Dad :**
What The Rich Teach Their Kids About Money –
That The Poor And Middle Class Do Not!

Penerbit: New York: Warner Books, 2000, 1998


Tuan Haji Tajodin tertarik dengan buku ini kerana, "Ia adalah sebuah buku motivasi diri yang memberi panduan bagaimana untuk menjadi kaya."

Menerusi *Rich Dad Poor Dad*, Kiyosaki telah mengemukakan enam kaedah untuk berjaya dan berharta. Pertama, usah bekerja semata-mata untuk wang tetapi menggunakan wang untuk bekerja seperti yang telah dilakukan oleh mereka yang berjaya. Baginya, kita harus berusaha lebih gigih dan tidak hanya berpuas hati dengan pendapatan yang diperoleh setiap bulan dari majikan sahaja. Kedua, mempunyai kebolehan menguruskan wang atau disebut sebagai 'financial literacy'. Beliau mengulas bahawa ramai daripada kita tidak memahami perbezaan di antara aset dan liabiliti. Aset adalah sesuatu yang mendatangkan wang ke dalam poket dan liabiliti adalah apa sahaja yang memerlukan pengeluaran wang dari poket. Contoh aset ialah membeli rumah untuk disewakan dan pendapatan dari penyewaan itulah yang dikatakan aset. Seterusnya menubuhkan perniagaan di mana keuntungan diperoleh melalui membayar cukai. Di dalam Islam 9/10 rezeki yang diterima adalah melalui

perniagaan. Untuk berjaya seseorang perlu bijak menghasilkan wang. Penjualan maklumat adalah salah satu daripada cabang perniagaan yang semakin popular hari ini.

Beliau juga turut mengulas kenyataan Kiyosaki bahawa, "Untuk menjadi kaya atau berjaya, pembaca perlu bijak mencari peluang dan menggunakan peluang yang ada dengan sebaiknya. Di samping itu, individu perlu sentiasa menuntut ilmu, tidak jemu belajar dan bijak menyesuaikan diri." Justeru bagi Tuan Haji Tajodin, "Individu yang berjaya adalah individu yang tidak pernah berputus asa untuk mencuba dan sentiasa mencari ilmu pengetahuan yang ada tanpa jemu."

"...buku motivasi diri yang memberi panduan bagaimana untuk menjadi kaya."



Robert T. Kiyosaki

Dilahirkan dan dibesarkan di Hawaii, beliau merupakan generasi keempat bangsa Jepun Amerika. Telah melanjutkan pengajiannya di New York dan kemudiannya menyertai tentera Marin Amerika. Beliau telah dihantar ke Vietnam sebagai pegawai dan juruterbang helikopter bersenjata. Sekembalinya dari perang beliau telah membuka perniagaan membuat dompet. Pada tahun 1985, beliau telah menubuhkan syarikat pendidikan antarabangsa secara usaha sama yang beroperasi di tujuh buah negara yang melahirkan lebih daripada ribuan graduan dalam bidang perniagaan dan pelaburan. Beliau bersara pada usia 47 tahun.

Sharon L. Lechter

Berkelulusan dalam bidang perakaunan dari Florida State University. Pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Pengarah Percutian dan menerbitkan majalah wanita tempatan di Wisconsin. Merupakan seorang CPA. Beliau kemudian beralih ke bidang pendidikan dan bercita-cita memperkembangkan teknologi baru untuk mengembalikan minat membaca di kalangan kanak-kanak.

Pembicara




Tuan Haji Tajodin Haji Sanusi
 Pengarah Urusan
 Pleno Consult

Judul Buku: **The Right Mind:** **Making Sense Of The Hemispheres**

Penerbit: New York: Harcourt Brace, 1997

Buku ini menjadi bacaan kegemaran Dr. Sulaiman Dufford kerana, "...penulisnya telah berjaya menghasilkan satu karya yang begitu baik berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan sejak tahun 1955." Ia berkisar tentang neuro psikologi iaitu kaitan fungsi otak manusia dan keterangan mengenai dominasi otak kanan dan otak kiri. Pergerakan otot yang dikaitkan dengan otak dan cara untuk membina pemikiran (*organized thinking*) serta memperkembangkan idea melalui pembacaan, penulisan dan perbincangan dengan rakan-rakan turut dimuatkan. Bagi beliau, penulis ini telah berjaya menunjukkan bagaimana relevannya peranan otak kanan dalam kehidupan manusia dan kaitannya dengan bidang psikologi. Justeru beliau menegaskan, "Buku ini amat sesuai dibaca oleh semua peringkat usia."

“...penulisnya telah berjaya menghasilkan satu karya yang begitu baik melalui penyelidikan yang dijalankan sejak tahun 1955.”



Robert E. Ornstein, 1942

Seorang penulis yang banyak menggunakan pengalamannya untuk menghasilkan buku-buku yang berkaitan dengan psikologi sehingga dikenali sebagai penulis psikologi. Antara buku tulisan beliau yang telah diterbitkan ialah *The Psychology of Consciousness* (1992); *Psychology : Study of Human Experiences* (1985); *The Mind Field : A Personal Essay* (1976); *Ornstein Psychology* (1987); *Ornstein : Healthy Pleasure* (1989); *The Roots of the Self* (1995) dan *Multimind : A New Way of Looking at Human behaviour* (1989).

Pembicara

Dr. Sulaiman Dufford


Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Judul Buku: **Salina**

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003

Saudari Nor Adzrin telah memilih novel salina karya sasterawan negara, A. Samad Said sebagai bacaan kegemarannya kerana "Sebagai seorang penulis dan sasterawan negara yang amat disegani, A. Samad Said telah berjaya menghasilkan satu karya yang cukup hebat." Plotnya yang digarap dengan begitu baik dan digabungkan dengan unsur-unsur suspen telah berjaya memberikan gambaran suka duka kehidupan watak-watak yang diceritakan. Salina telah digambarkan sebagai seorang yang tabah,ikhlas dan berkeyakinan tinggi manakala watak Hilmi, ibunya, Nadirah dan Zarina merupakan watak jahat yang mewarnai lagi novel yang telah diangkat sebagai novel bertaraf antarabangsa ini.

Menurut saudari Nor Adzrin, apa yang menarik mengenai novel ini lagi ialah "Teknik imbas kembali dan monolog dalaman yang berkesan telah menjadikan buku ini tidak jemu dibaca dari awal hingga ke akhir cerita."



"Teknik imbas kembali dan monolog dalaman yang berkesan telah menjadikan buku ini tidak jemu dibaca dari awal hingga ke akhir cerita."

A. Samad Said, 1935-

Dilahirkan di Durian Tunggal, Melaka pada 9 April 1935. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Kota Raja hingga lulus darjah IV sebelum meneruskan pengajian di Victoria Institution dan memperoleh Sijil Senior Cambridge. Pernah bekerja sebagai kerani dan pengarang di Utusan Melayu, Berita Harian dan New Straits Times serta sebagai Ketua Pengarang Warta Tebrau. Telah menghasilkan novel Sungai Mengalir Lesu (1967); Di Hadapan Pulau (1978); Hujan Pag (1992) dan Cinta Fansuri (1994). Beliau menerima gelaran Pejuang Sastera pada 29 Mei 1976 dan menerima S.E.A Write Awards pada tahun 1979. Kemuncak pencapaian beliau ialah apabila dinobatkan sebagai Sasterawan Negara pada tahun 1985 manakala pada tahun 1993, beliau telah menerima anugerah ASEAN bagi kategori sastera dari negara Brunei dan pada tahun 1997 pula dianugerahkan gelaran "Datuk" oleh Yang Dipertua Negeri Melaka.

Pembicara
Nor Adzrin Adzhar
Artis


Judul Buku: **The Seven Habits Of Highly Effective People: Powerful Lessons In Personal Change**

Penerbit: New York: Simon & Schuster, 1989

Buku ini amat menarik bagi Y.Bhg. Dato' Saifuddin Abdullah kerana, "ia telah memberi pengetahuan kepada saya mengenai sifat-sifat baik yang perlu ada untuk kemandirian hidup manusia." Melalui buku ini pengarang telah menghuraikan mengenai tabiat atau tingkah laku yang boleh membentuk manusia supaya menjadi lebih efektif.

Tabiat pertama ialah menjadi proaktif dengan memfokuskan kepada matlamat yang ingin dicapai oleh seseorang individu di dalam hidup. Jika tujuan atau lensa seseorang itu betul maka kehidupannya akan menjadi lebih terarah. Pengarang juga menekankan bahawa sifat ini merupakan sifat pembentukan atas semulajadi manusia. Sikap semulajadi manusia juga akan terbentuk melalui matlamat hidup. Tabiat kedua ialah menetapkan matlamat hidup hendaklah bermula dengan menentukan matlamat terakhir yang ingin dicapai. Setiap individu seharusnya mempunyai matlamat hidupnya sendiri. Tabiat yang ketiga ialah membuat sesuatu kerja mengikut keutamaan. Pengarang membidas sikap manusia yang suka menangguhkan kerja kerana setiap kerja hendaklah diselesaikan dengan segera. Tabiat keempat ialah setiap pekerjaan hendaklah dilaksanakan dengan penuh keyakinan. Tabiat kelima pula ialah menyentuh mengenai kehidupan bermasyarakat. Jika seseorang ingin dihormati ia mestilah menghormati orang lain. Hidup bermasyarakat adalah satu keperluan asas dalam diri setiap individu. Tabiat keenam ialah komunikasi yang kreatif dan kerjasama yang erat di antara seorang individu dengan individu lain akan dapat menghasilkan suatu hasil kerja yang terbaik. Manakala tabiat terakhir ialah sifat yang berkait rapat dengan faktor-faktor fizikal; melibatkan penjagaan tubuh badan yang baik dengan melakukan latihan atau senaman, spiritual; mempunyai pernyataan atau misi yang tersendiri dalam usaha untuk mencapai matlamat hidup, mental; melakukan aktiviti yang baik untuk minda dan sosial; menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat mahupun individu lain. Faktor-faktor ini hendaklah diperaktikkan dalam kehidupan jika seseorang itu ingin menjadi seseorang yang efektif.

"Buku ini juga telah memberi manfaat kepada saya dari segi penekanan tujuh tabiat atau sifat yang telah membentuk dan membantu saya menjadi insan yang berguna pada diri, masyarakat mahupun negara," tambah beliau lagi.



Stephen R. Covey

Merupakan Pengurus *Covey Leadership Center* dan *Institute for Principle Centered Leadership*. Beliau memiliki MBA dari Howard dan Ph.D dari *Brigham Young University*. Beliau juga adalah Profesor di Sekolah Pengurusan Marriott. Di peringkat antarabangsa, beliau muncul sebagai penceramah dan banyak menulis mengenai hal ehwal kepimpinan, keberkesanan personal dan organisasi, hubungan keluarga dan hubungan interpersonel. Antara buku yang dihasilkan termasuklah *Principle-Centered Leadership* (1992) dan *First Things First* (1996).

Pembicara

Y.Bhg. Dato' Saifuddin Abdullah
Bekas Presiden Majlis Belia Malaysia

"Buku ini juga telah memberi manfaat kepada saya dari segi penekanan tujuh tabiat atau sifat yang telah membentuk dan membantu saya menjadi insan yang berguna pada diri, masyarakat mahupun negara,"

Judul Buku: **Takkan Melayu Hilang Di Dunia**

Penerbit: Subang Jaya : Pelanduk Publications, 2000

“...bangsa Melayu bangsa beradab, beradab sopan bertatasusila.” “Adat bersendi syarak, syarak bersendi adat ...hidup dikandung adat, mati dikandung tanah.”

“Takkan Melayu hilang di dunia” adalah kata-kata yang dicetuskan oleh Hang Tuah, pahlawan Melayu yang menjadi kebanggaan bangsa Melayu pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka. Kepahlawanan dan kesetiaannya kepada Raja dan negara menjadi teras kepada keagungan bangsa Melayu yang boleh digambarkan sebagai satu bangsa yang bermaruah dan berjiwa besar yang sanggup menyerahkan jiwa dan raganya demi menjaga kedaulatan bangsa, agama dan tanah air tercinta. Tiga teras yang menjadi turjang kepada perjuangan bangsa Melayu, iaitu:

- Islam adalah Addin yang menjadi asas pegangan hidup orang Melayu dan berasaskan pula kepada tauhid, aqidah dan ibadah;
- Budaya warisan yang mencakupi akal budi dan peradaban serta ilmu pengetahuan; dan
- Iltizam dan istiqamah di dalam apa jua yang dilakukan. Ketabahan dan kesabaran serta tawakkal menjadi pegangan yang membawa kepada kejayaan dan kecemerlangan hidup.

Menurut Tuan Shaikh Mohd Saifuddeen bangsa Melayu dalam buku ini adalah bangsa yang berwibawa dan bermatlamat.

Ini digambarkan dengan kata-kata, “Bangsa Melayu bangsa beradab, beradab sopan bertatasusila.” “Adat bersendi syarak, syarak bersendi adat ...hidup dikandung adat, mati dikandung tanah.”

Nilai-nilai inilah yang mendorong Tuan Shaikh Mohd. untuk membaca buku ini dan seterusnya menjadikannya sebagai bacaan kegemaran beliau.



Ismail Noor

Merupakan seorang perunding pengurusan berauliah yang pakar dalam sistem pengurusan berkualiti, pengurusan strategik dan pembinaan pasukan. Berkelulusan Ijazah dari Universiti Malaya dan pernah bertugas sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik sebelum melanjutkan pengajiannya ke peringkat sarjana di Amerika Syarikat. Buku-buku lain yang ditulis termasuklah Kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w: model ikutan sepanjang masa, Pengurusan Altruistik: perbandingan silam dengan kepimpinan dan pengurusan semasa (2000); *The Malays par Excellence ... Warts and All* (2000); *Pak Lah A Sense of Accountability: An Insight Into Effective Stewardship* (2003).

Muhammad Azaham Wahab

Perunding bebas yang berkelulusan ijazah sarjana muda dari Universiti Malaya dan sarjana dari United Kingdom. Pernah memimpin Majlis Belia Malaysia dan Presiden Majlis Belia Asia.

Pembicara

Tuan Shaikh Mohd Saifuddeen

Shaikh Mohd Salleh

Fellow Kanan

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Judul Buku: **20 Most Common Questions About Islam**

Penerbit: Mumbai, India: Islamic Research Foundation, 2005

Setelah memeluk Islam enam tahun yang lalu, banyak persoalan dan salah tanggapan beliau mengenai Islam telah terjawab. Menurut beliau, "Melalui buku ini saya menyedari bahawa Islam sebenarnya adalah satu agama yang praktikal, mudah diterima serta difahami." Malah, "Saya tidak mengetahui cara yang terbaik untuk menerangkan mengenai Islam secara mudah kepada orang lain sehingga salah saya menemui buku ini."

Buku ini memuatkan soalan-soalan yang paling lazim dan sering ditanya oleh orang-orang Islam dan bukan Islam kepada penulis sepanjang beliau mengadakan ceramah di merata dunia dan mengemukakan jawapan-jawapan kepada persoalan itu. Selain dari merujuk kepada Al-Quran dan hadis sahih untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, penulis juga telah menggunakan pendekatan logikal, rasional dan bukti saintifik untuk menjawab setiap persoalan agar dapat diterima oleh orang Islam dan orang bukan Islam. Antara soalan mudah yang sering ditanya kepada beliau ialah mengapa poligami dibenarkan di dalam Islam dan mengapa hanya lelaki sahaja yang dibenarkan berkahwin lebih daripada satu, mengapa wanita Islam dikehendaki bertudung dan mengapa babi dan arak adalah haram dimakan dan diminum.

Beliau mengesyorkan kepada semua agar memiliki buku ini kerana ia amat sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan bagi menjawab persoalan yang sering ditimbulkan mengenai Islam.



Dr. Zakir Abdul-Karim Naik

Dilahirkan pada Oktober, 1965. Merupakan seorang doktor perubatan yang mengorbankan kerjayanya untuk menumpukan sepenuh masanya kepada aktiviti-aktiviti dakwah. Beliau adalah pengasas dan Presiden Islamic Research Foundation (IRF) di Mumbai, India. Cendekiawan Islam dan agama perbandingan ini telah banyak memberikan ceramah dan mengadakan perbahasan mengenai Islam di Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Arab Saudi, Afrika Selatan, Singapura, India dan Malaysia. Pernah muncul dalam pelbagai saluran dan program TV Antarabangsa. Lebih daripada 100 ceramah dan perbahasannya telah diterbitkan dalam bentuk video. Buku-buku yang ditulis termasuklah *Concept of God In Major Religions, Replies To The Most Common Questions Asked By Non-Muslims, Qur'an and Modern Science - Compatible or Incompatible, Islam And Terrorism, Women's Rights In Islam - Protected or Subjugated*.

Pembicara

Shah Kirit Kakulal Govindji
Pengurus
SABA Islamic Media Sdn. Bhd.

"Saya tidak mengetahui cara yang terbaik untuk menerangkan mengenai Islam secara mudah kepada orang lain sehingga salah saya menemui buku ini."

Judul Buku: **War And Anti-War:** **Survival At The Dawn Of The 21st Century**

Penerbit: Boston: Little, Brown & Co., 1993

“The illiterate of the 21st century will not be those who cannot read and write, but those who cannot learn, unlearn, and relearn.” – Alvin Toffler

Buku ini memperkatakan tentang peperangan dan gerakan anti peperangan pada masa sekarang dan akan datang di mana penduduk dunia dari pelbagai latar belakang yang berbeza bersama-sama membentuk masa depan dunia. Peperangan ini memberikan kesan yang cukup hebat kepada kehidupan manusia sejagat.


Kolonel Abdul Rahman berpendapat bahawa, “*We may not be interested in war but war may interested to us.*” Buku ini menghuraikan beberapa fasa peperangan yang dilalui oleh manusia. Fasa pertama adalah fasa di mana senjata menjadi

ukuran kehebatan sesuatu bangsa. Seterusnya fasa revolusi industri hingga terciptanya senjata yang boleh mewujudkan *mass destruction*. Kemudian beralih pula kepada penguasaan ilmu di mana teknologi yang canggih seperti komputer boleh menjadi senjata bagi membentuk strategi untuk mempertahankan negara.

Huraian yang dikemukakan dalam buku ini mendedahkan kepada pembaca bahawa persaingan antara negara telah menjadi semakin hebat dan dijangka menjadi lebih hebat dengan peralihan zaman. Ilmu dan maklumat menjadi faktor yang amat penting dalam mencorakkan kehidupan manusia pada masa kini. Malah buku ini amat berguna bagi ahli ekonomi yang ingin memajukan negara masing-masing. Malah menurut Kol. Ab. Rahman buku ini amat diminati oleh orang-orang Jepun yang menjadikannya sebagai rujukan untuk mereka membangunkan ekonomi negara. Menurut beliau, “*this book is very simple to understand, the basis of this book is the way we make wealth, is the way we make war.*”

Alvin Toffler dan Heidi Toffler, 1925-
Alvin dan Heidi terkenal dengan pandangan mereka mengenai revolusi digital, revolusi komunikasi dan revolusi korporat. Di peringkat awal penglibatan mereka, mereka banyak menulis mengenai impak teknologi sebelum beralih kepada mengkaji reaksi dan perubahan dalam masyarakat dan kemudiannya kepada kuasa perkakasan tentera abad 21, senjata api, peningkatan teknologi dan kapitalisme. Mereka menjadi penulis terkenal di era 80an melalui buku *Future Shock* (1984); *The Third Wave* (1980) dan *Powershift* (1991). Buku-buku mereka telah terjual di lebih dari 50 buah negara dan diterjemahkan ke dalam 30 bahasa. Antara anugerah yang diterima ialah *McKinsey Book Award* dan *Centennial Award of the Institute of Electrical and Electronic Engineers*.

Pembicara
Lt. Kol. Ab. Rahman Alavi
Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia



Judul Buku: Who Moved My Cheese?

Penerbit: New York: G. P. Putnam, 2002

Sayed Mawismi amat tertarik dengan buku ini kerana, "...keunikan cerita yang digarap oleh pengarang mengenai dua ekor tikus dan dua orang manusia kerdil."

Ia mengandungi mesej yang ingin dikemukakan oleh pengarang melalui watak-watak ini yang telah kehilangan keju masing-masing. Ia menceritakan bagaimana watak-watak ini bertindak untuk menyelesaikan masalah mereka. Tikus yang kehilangan keju telah berusaha mencarinya di mana dalam pencarian berkenaan mereka telah menjumpai lebih banyak keju yang boleh dimakan. Berbanding dengan sikap dua orang manusia kerdil yang hanya mengharapkan "tuah datang bergolek" tanpa ingin berusaha untuk mencari keju yang hilang. Hanya setelah beberapa lama salah seorang manusia kerdil mengambil keputusan untuk memasuki terowong sesat walaupun keputusan ini tidak mendapat persetujuan dari kawannya. Akhirnya manusia kerdil itu menemui dua ekor tikus yang tersandar kekenyangan akibat terlalu banyak memakan keju yang diperoleh.

Menurut Sayed Mawismi, mesej yang ingin disampaikan oleh penulis di sini ialah :-

- Jangan menganggap sesuatu masalah itu sebagai rumit; harus fleksibel terhadap perubahan dan turut berubah bersamanya;
- Jangan menyulitkan perkara yang mudah; perubahan adalah perlu, jika tidak manusia tidak akan berubah langsung;
- Nasib seseorang tidak akan berubah jika tidak berusaha mengubahnya; dan
- Sentiasa bersedia menghadapi perubahan.

"keunikan cerita yang digarap oleh pengarang mengenai dua ekor tikus dan dua orang manusia kerdil ...yang kehilangan keju masing-masing."

Spencer Johnson

Berkelulusan dalam bidang psikologi dari *University of South California* dan M.D. dari *The Royal College of Surgeons, Ireland*. Beliau juga mendapat latihan dalam bidang perubatan di *Mayo Clinic* dan *Harvard Medical School*.


Beliau banyak menghasilkan buku-buku yang telah membantu pembaca memperbaiki diri dan menyelesaikan masalah yang dihadapi. Antara buku beliau yang laris dijual ialah *The One Minute Manager* dan *The Present*.

Pembicara

Tuan Sayed Mawismi Al-Jamalullail

Pelajar

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Judul Buku: **Anugerah**


Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995

Buku ini memuatkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam usaha mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu yang dimuatkan dalam dua bab. Bab pertama menceritakan mengenai peristiwa yang berlaku dari 11 Oktober 1945 hingga ke tahun 1948, sementara bab kedua dari tahun 1948 hingga 31 Ogos 1957. Novel ini mengisahkan mengenai usaha Cikgu Ramlah membantu 'wira-wira' tanahair berjuang memerdekaan Tanah Melayu. Beliau telah sanggup membuat pelbagai kerja bagi mendapatkan wang untuk membayai perjalanan pemimpin-pemimpin tanah air ke London bagi merundingkan kemerdekaan. Usaha beliau ini telah mendapat sokongan daripada Cikgu Mariam dan suaminya. Buku ini juga menceritakan mengenai penubuhan parti UMNO dan pemimpin-pemimpinnya seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Hussein Onn dan Tun Abdul Razak.

Buku ini sebenarnya mendedahkan kepada pembaca akan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pejuang-pejuang kemerdekaan untuk membebaskan tanah air dari belenggu penjajahan. Pembaca seterusnya dapat menghayati akan erti kemerdekaan dan pengorbanan pejuang-pejuang dahulu di dalam menuntut kemerdekaan.

Menurut Puan Norasiah, "Novel ini amat meninggalkan kesan yang mendalam serta menyentuh mengenai peranan wanita di dalam membantu menuntut kemerdekaan. Membaca buku ini mengajar saya akan erti kemerdekaan dan pengorbanan pejuang di dalam menuntut kemerdekaan."

"...membaca buku ini mengajar saya akan erti kemerdekaan dan pengorbanan pejuang di dalam menuntut kemerdekaan."



Zaharah Nawawi, 1940-

Lahir pada 5 Mei 1940 di Batu Pahat, Johor. Mula berkecimpung dalam dunia penulisan sejak berumur 12 tahun dan terkenal sebagai wartawan-sasterawan pada tahun 1970an. Beliau turut melibatkan diri dalam bidang penulisan kreatif dan amat berminat dalam seni foto. Pernah bekerja sebagai wartawan dengan Kumpulan Akhbar Utusan Melayu dari tahun 1968 hingga pertengahan 1976 sebelum berpindah ke Berita Publishing Sdn. Bhd. Kemudian berhijrah lagi ke Pustaka Cipta Sdn. Bhd. sebagai Editor Urusan pada tahun 1985 sebelum menjadi Editor Majalah Timang terbitan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara mulai Disember 1989. Novel Anugerah telah diiktiraf dan dicatatkan dalam *Malaysia Book of Records* sebagai 'novel sejarah yang terpanjang sekali di Malaysia'.

Pembicara

Puan Norasiah Haji Harun


Pensyarah

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Judul Buku: **Apa Ertinya Saya Menganut Islam**

Penerbit: Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1985

Sebuah karya yang mengandungi ajaran-ajaran Islam untuk diamalkan yang dihuraikan dengan mendalam. Pengarang mengajak umat Islam mencari kebahagian hidup dengan mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar kerana jaminan syurga akan menanti jika ajaran Islam dipatuhi.



Bahagian pertama buku ini memuatkan pandangan peribadi penulis ini sendiri mengenai apa ertinya saya menganut Islam. Islam tidak menjamin kebahagiaan hidup seseorang muslim secara individu kerana ia bergantung juga kepada individu muslim yang lain. Adalah menjadi tanggungjawab orang muslim secara keseluruhannya untuk mematuhi segala perintah dan menjauhi segala laranganNya bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Pengarang juga mengajak umat Islam supaya mematuhi ajaran Islam dan memurnikan akidah.

Seseorang itu perlu optimis bahawa masa hadapan ini adalah untuk Islam. Islam akan kembali dihormati sekiranya matlamat untuk membebaskan manusia daripada perhambaan sesama manusia tercapai dan semua umat Islam kembali kepada ajaran Allah.

Bagi Ir. Abd. Hadi Jusoh, "Buku ini telah memberi kesedaran kepada saya untuk memperbaiki diri dengan mendalami ajaran Al-Quran kerana ilmu yang diperoleh daripada Al-Quran adalah amat penting sebagai panduan di dalam menjalani kehidupan seharian dan juga sebagai senjata di dalam menghadapi pelbagai cabaran."

Fathi Yakan

Seorang penulis yang aktif dalam pergerakan Islam "Muslim Brotherhood". Selain daripada Hassan al-Banna, Syed Qutb, Mustapha Sibai dan beberapa tokoh lagi, beliau juga turut sama memberikan kesedaran kepada masyarakat Islam mengenai cara hidup muslim sebenar dan cuba membebaskan masyarakat dari pengaruh-pengaruh yang boleh merosakkan pegangan agama seseorang muslim. Beliau telah menghasilkan beberapa buah buku dalam bahasa Parsi, selain daripada buku *Islamic Movement : Problems and Prospectives* pada tahun 1984.

Pembicara

Ir. Abd Hadi Jusoh
Jurutera Kanan
Jabatan Kerja Raya

"Buku ini telah memberi kesedaran kepada saya untuk memperbaiki diri dengan mendalami ajaran Al-Quran kerana ilmu yang diperoleh daripada Al-Quran adalah amat penting sebagai panduan di dalam menjalani kehidupan seharian dan juga sebagai senjata di dalam menghadapi pelbagai cabaran."

Judul Buku: **Ceritalah 1: Malaysia In Transition**
Ceritalah 2: Journeys Through Southeast Asia

Penerbit: Kuala Lumpur: Times Book International, 1996

Kedua-dua buku ini menjadi bacaan kegemaran Sayed Mawismi Al-Jamalullail kerana, "Secara peribadi saya tertarik dengan persoalan yang ditimbulkan dalam buku ini tentang, "Siapakah sebenarnya orang Malaysia?"

Ceritalah 1 : *Malaysia In Transition* merupakan himpunan eseai dari tahun 1997 hingga 2002 yang diterbitkan oleh akhbar tempatan, *The Sun*. Koleksi eseai ini mengupas mengenai gaya hidup orang Malaysia yang lebih tertumpu kepada cara hidup di bandar. Manakala Ceritalah 2 : *Journey Through Southeast Asia* merupakan himpunan eseai mengenai Asia Tenggara selepas krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1997.

Ceritalah 1, mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kebudayaan, kemasyarakatan dan gaya hidup masyarakat. Salah satu tempat menarik di Malaysia telah dimasukkan oleh penulis iaitu Taiping. Buku Ceritalah 2 pula mengutarakan isu-isu berkaitan dengan politik dan ekonomi di Asia Tenggara dengan memuatkan tokoh-tokoh tertentu. Krisis ekonomi yang dihadapi oleh Asia Tenggara pada tahun 1997 sebenarnya tidak menghalang negara-negara di Nusantara ini untuk terus maju tetapi dalam masa yang sama telah berlaku perubahan drastik dari segi sosial.

"Secara peribadi saya tertarik dengan persoalan yang ditimbulkan dalam buku ini tentang, "Siapakah sebenarnya orang Malaysia?"

Karim Raslan

Lahir di Petaling Jaya pada tahun 1963. Memiliki Ijazah bahasa Inggeris dan Undang-Undang dari St. Johns' College, Cambridge, England. Pernah menjadi editor dan penulis sambilan di beberapa buah majalah dan akhbar seperti *The Business Times* (Singapura), *The New Straits Times*, *The Far Eastern Economic Review*, *The Sun* dan *Men's Review*. Beliau masih menulis dan banyak memberi ceramah mengenai Dasar Ekonomi Baru di samping berkhidmat sebagai pengamal undang-undang. Buku Ceritalah 2: *Journey Through Southeast Asia* akan diterjemahkan ke dalam bahasa Mandarin. Karim sedang menulis novel pertamanya *Desire*.

Pembicara

Tuan Sayed Mawismi Al-Jamalullail
 Pelajar
 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)


Ceritalah
MALAYSIA IN TRANSITION



A riveting, intimate look at one of the world's fastest growing economic powerhouses and its people.
 "...and educated" - V.S Naipaul

KARIM RASLAN

"Buku ini walaupun tidak ditulis secara ilmiah atau dalam bentuk dokumentasi tetapi ia berbentuk humor yang mengandungi sindiran yang sinis," akhiri Tuan Sayed Mawismi.



KARIM RASLAN

Both these books are available under the grants programme and places manage from the publisher, Times Book International.


Judul Buku: **The Complete International Jew**

Penerbit: Kuala Lumpur: The Other Press, 2002

Dato' Dr. Zaiton telah memilih *The Complete International Jew* karangan Henry Ford sebagai buku kegemaran beliau. Bagi beliau, "Karya ini memerlukan pembaca sendiri menilainya sama ada fiksyen atau bukan fiksyen dan untuk mempercayai atau tidak mempercayai apa yang ditulis oleh penulisnya."

Buku ini terbahagi kepada empat jilid. Ia memuatkan artikel-artikel yang diterbitkan oleh akhbar *Dearborn Independent* kepunyaan Ford sendiri yang bertujuan untuk mengulas isu kaum Yahudi. Artikel-artikel tersebut mula diterbitkan oleh *Dearborn Independent* pada tahun 1920 sehingga 91 keluaran selepas itu. Artikel-artikel tersebut dikatakan sebagai satu propaganda terbesar pihak Yahudi yang didakwa oleh pihak Amerika sebagai menentang agama Kristian. Orang Yahudi sangat terkenal dengan pengaruh dan pendominasian mereka dalam bidang ekonomi dan penulisan. Penguasaan mereka ini telah menyebabkan mereka bangkit dengan propaganda-propaganda tertentu sehingga ada yang menggelarkan, "*The Jews are propagandists*".

Buku ini membincangkan banyak isu mengenai penguasaan orang Yahudi di dalam bidang politik, sejarah, ekonomi, pengaruh dan kuasa mereka di Amerika Syarikat serta hubungan mereka di peringkat antarabangsa.



Henry Ford, 1863-1947

Beliau ialah pemilik dan pengasas *Ford Motor Company* yang dibangunkan pada tahun 1903 dan pengeluar kereta model T yang dipasarkan di seluruh dunia. Ia bermula dengan terciptanya kereta dua silinder yang dikenali sebagai Thin Lizzie pada tahun 1896 yang menggunakan roda basikal dan tidak mempunyai 'gear' untuk mengundur. Beliau merupakan orang pertama yang memperkenalkan cara bekerja mengikut giliran (*shift*) hingga dapat mengeluarkan kereta sebanyak 10,000 buah dalam masa 24 jam.

Ford telah membeli Syarikat Akhbar *Dearborn Independent* yang mencatatkan jualan akhbar terlaris ketika itu dalam tahun 1920. Beliau meninggal dunia pada usia 83 tahun.


Pembicara

Y.Bhg. Dato' Dr. Zaiton Osman
Pustakawan Perunding

"Karya ini memerlukan pembaca sendiri menilainya sama ada fiksyen atau bukan fiksyen dan untuk mempercayai atau tidak mempercayai apa yang ditulis oleh penulisnya."

Judul Buku: **Dare To Fail**

Penerbit: Petaling Jaya: Hardknocks Factory, 1998



Sebuah buku motivasi yang telah mendapat sambutan yang meluas di peringkat antarabangsa sehingga dialih bahasa kepada tidak kurang daripada tujuh bahasa lain. Buku ini ditulis berdasarkan kepada pengalaman penulis yang pernah gagal dalam beberapa hal dan ditulis dalam bahasa yang mudah difahami. Oleh itu Encik Zamani mencadangkan agar ia dibaca oleh mereka yang baru sahaja mengalami kegagalan atau kekecwaan.

Mesej yang ingin disampaikan oleh penulis di sini ialah setiap individu perlu memotivasi diri agar sentiasa memperbaiki kelemahan diri dan berusaha mencapai kejayaan tanpa mengenal jemu. Ulasan yang diberikan oleh penulis dalam buku ini diselitkan pula dengan contoh-contoh mereka yang telah mencapai kejayaan yang membanggakan dalam bidang masing-masing. Mereka sentiasa melakukan yang terbaik di dalam semua perkara. Kejayaan hanya akan diperoleh oleh orang yang berani mencuba. Keberanian di dalam menempuh kegagalan dan sikap ingin terus mencuba merupakan dua perkara utama untuk mencapai kejayaan.

Bagi Encik Zamani, "Saya tertarik dengan buku ini kerana ia ditulis dalam bahasa yang mudah dan ditujukan kepada umum, khusus bagi mereka yang baru menceburi sesuatu bidang."

"Saya tertarik dengan buku ini kerana ia ditulis dalam bahasa yang mudah dan ditujukan kepada umum, khusus bagi mereka yang baru menceburi sesuatu bidang."

Billi P. S. Lim

Dilahirkan dalam tahun 1950 dan mempunyai 14 orang adik beradik. Berkelulusan Ijazah Sains dan Diploma Pendidikan dari Universiti Malaya. Beliau juga pernah mengikuti kursus pemasaran di Universiti Singapura dan kursus pengurusan dari *Asian Institute of Management*, Manila. Beliau ialah pengasas *Institute of Hard Knocks (IHK)*. Buku *Dare to Fail* telah memberi kejayaan kepadanya apabila ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, bahasa Indonesia, Thai, Taiwan dan juga Mandarin. Buku beliau ini telah tersenari sebagai buku terlaris pertama dan kedua yang dicatatkan oleh *The New Straits Times*.

Pembicara

Encik Zamani Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pentadbiran Parlimen Malaysia


Judul Buku: **The Fist Of God**

Penerbit: London: Corgi Books, 1994

“...menghasilkan satu karya yang baik yang dapat meyakinkan pembaca bahawa peristiwa-peristiwa yang diceritakan benar-benar berlaku.”

Fist of God adalah cerita yang diadaptasi daripada fakta-fakta mengenai perisikan ketenteraan ke atas negara Iraq. Pembaca telah didedahkan mengenai kuasa-kuasa pakatan hingga ke perjumpaan rahsia kabinet perang Saddam Hussein; kisah juruterbang berani Amerika Syarikat menjalani misi bahaya di Iraq dan perisik muda berani yang berjaya memasuki Baghdad. Jericho telah berjaya memasuki Kota Baghdad dan membuat perisikan mengenai perjuangan-perjuangan diktator Iraq. Rahsia yang diketahui ini akan diceritakan oleh beliau asalkan beliau mendapat ‘habuannya’. Walau bagaimanapun senjata Saddam yang paling hebat masih menjadi rahsia walaupun maklumat ini cuba diperoleh dari penasihat-penasihat Saddam Hussein yang dipercayai. Situasi inilah yang menghantui General Schwarzkopf dan rakan-rakannya, kecuali jika para perisik dapat mengesan lokasi senjata – *Fist of God* – dengan cepat.

Kisah yang dipaparkan oleh Forsyth dalam karya ini amat menarik minat Dr. Noor Harun kerana, “Ia memaparkan kebijaksanaan beliau mengenai operasi-operasi perisikan, kedudukan kota Baghdad dan Kuwait, keluasan padang pasir dan bazar-bazar kotaraya. Beliau telah berulangalik antara Washington dan London untuk menghasilkan satu karya yang baik yang dapat meyakinkan pembaca bahawa peristiwa-peristiwa yang diceritakan benar-benar berlaku.”



Frederick Forsyth

Dilahirkan pada Ogos 1938 di Kent, England. Mendapat pendidikan di Tonbridge dan melanjutkan pengajiannya di Universiti Granada, Sepanyol. Pernah berkhidmat sebagai ‘pilot’ ketika berusia 19 tahun dan kemudiannya sebagai wartawan di *Eastern Daily Press* sebelum berpindah ke akhbar *Reuters* di Paris, Jerman dan Czechoslovakia yang banyak memberikan ilham kepada beliau untuk menulis. Dalam tahun 1965, beliau bekerja sebagai wartawan radio dan tv di BBC, London yang memberikan banyak pengetahuan tentang politik antarabangsa dan askar-askar upahan. Antara Novel yang beliau hasilkan ialah *The Day of the Jackal* (1978) dan (1983); *The Devil's Alternative* (1982); *The Fourth Protocol* (1985) dan *Avenger* (2003).

Pembicara

**Prof. Madya Dr. Noor Harun
Abdul Karim**


Pensyarah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Judul Buku: God Of The Earth

Penerbit: Ipoh: Perak Academy, 2003

Bahan bacaan berbentuk tempatan telah menjadi bacaan pilihan Encik Mohd Taib kerana, "Ia mempunyai keistimewaan tersendiri yang memuatkan kisah sejarah yang boleh membantu saya membina semangat patriotisme dan jati diri apatah lagi untuk hidup di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama."

Ia memuatkan kepercayaan mistik bangsa Tionghua bahawa orang mati akan hidup semula. Masyarakat Tionghua begitu percaya akan kewujudan hantu. Buku ini juga memaparkan mengenai pembangunan yang berlaku di Papar, Perak bandar terkaya sebelum Ipoh yang terkenal dengan lombong bijih timahnya. Kaum Tionghua yang berhijrah ke Tanah Melayu pada mulanya melakukan kerja-kerja melombong dan menjual bijih timah secara haram. Walaupun begitu hubungan antara orang Tionghua dengan orang Melayu, India dan orang asli amat erat dan mereka begitu prihatin dan menghormati budaya penduduk tempatan tanpa melupakan adat resam mereka sendiri.



"Ia mempunyai keistimewaan tersendiri yang memuatkan kisah sejarah yang boleh membantu saya membina semangat patriotisme dan jati diri..."

Ho Thean Fook

Merupakan bekas guru bahasa Inggeris yang mengajar dalam tahun 1940. Pernah juga berkhidmat sebagai editor bagi *The Malayan Merdeka Directory* (1956) dan beberapa majalah perniagaan. Beliau kemudiannya bekerja di Hong Kong and Shanghai Bank sehingga bersara pada tahun 1976. *Around Malaya* adalah buku pertama yang dihasilkan pada tahun 1964, manakala *Tainted Glory* pada tahun 2000.

Pembicara

Encik Mohd Taib Mohammad

Pustakawan

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak

Judul Buku: Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman

Penerbit: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979


Puan Saidatul Akmar memilih buku ini kerana minatnya yang mendalam untuk memahami keadaan sosial masyarakat Melayu di sekitar tahun 1920an hingga 1930an yang diceritakan dalam buku ini. Ia memaparkan mengenai kehidupan masyarakat kampung sebelum dan selepas perang dan difokuskan kepada pahit maung kehidupan Pak Hassan yang kematian isterinya.

Pak Hassan adalah seorang tukang cerita yang terpaksa membesarakan anaknya, Senah dan seorang lagi anak lelaki yang terencah akal. Berbagai dugaan dan rintangan hidup telah terpaksa dilalui oleh Pak Hassan yang mana beliau akhirnya mati dalam keadaan yang menyedihkan.

“...Pak Hassan dalam novel ini digambarkan sebagai “lilin yang menerangi kehidupan orang lain tetapi membakar dirinya sendiri.”

Beliau telah memilih buku ini berdasarkan watak Pak Hassan yang berjiwa seni dan unik. Gaya penulisan yang dipersembahkan amat berkesan yang menunjukkan perasaan kasih sayang dan penghargaan seorang suami terhadap pengorbanan isteri. Pak Hassan dalam novel ini digambarkan sebagai “lilin yang menerangi kehidupan orang lain tetapi membakar dirinya sendiri.” Pak Hassan sanggup mengorbankan kebahagian hidupnya demi membahagiakan anak-anaknya. Ketabahan dan kesulitan hidup yang dilalui oleh Pak Hassan memberi ‘erti kepayahan’ yang mungkin tidak pernah dialami oleh ramai pembaca. Pengajaran yang paling nyata ialah bahawa hidup ini hanyalah sementara dan yang kekal abadi hanyalah Allah yang Maha Esa.

Beliau juga tertarik dengan buku ini kerana isi, teknik dan susunan ayat yang seimbang dan mudah difahami. Watak yang digarapkan pula berupaya meninggalkan kesan yang mendalam kepada emosi pembaca.




Anwar Ridhwan, 1949-

Dilahirkan pada 5 Ogos 1949 di Sungai Besar, Selangor. Berkelulusan Ijazah dan Sarjana dalam bidang sastera serta Ph.D dari Universiti Malaya. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik Sastera di Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagai Profesor Pelawat di *Tokyo University of Foreign Studies* dari tahun 1997-2000. Berkhidmat semula di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai Ketua Bahagian Kesusastraan Moden. Empat cerpen beliau yang telah memenangi Hadiah Karya Sastera Malaysia ialah Perjalanan Terakhir (1971); Dunia adalah sebuah Apartmen (1973); Sesudah Perang(1976); Sarasan, Sahabat dan Menjadi Tua (1982/83). Novel Hari-hari Terakhir Seorang Seniman (1979) telah memenangi hadiah pertama Peraduan Mengarang Novel Anjuran Yayasan Sabah-GAPENA II. Hadiah Sastera Malaysia 1992/1993 juga dimenangi untuk dramanya “Yang Menjelma dan Menghilang”. Puisi pertama beliau, “Tercipta dari tanah” telah diterbitkan pada tahun 1985.

Pembicara
Puan Saidatul Akmar Haji Ismail
Pensyarah
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Judul Buku: **Ihya Ulumiddin**

Penerbit: Kuala Lumpur: Victory Ajensi, 1988



Merupakan sebuah buku yang memberi penekanan terhadap soal-soal falsafah, batiniah dan hakikat diri. Persoalan-persoalan batiniah ini pula menjurus kepada persoalan hati dan nafsu. Bagi Tuan Sheikh Ismail, "Buku ini sesuai dijadikan rujukan oleh mereka yang mempelajari ilmu hakikat diri dan mengenali diri." Ia menghuraikan mengenai peristiwa, pemikiran, perasaan dan perlakuan yang saling berkait rapat dalam diri setiap insan yang ingin menjadi muslim sejati. Jenis-jenis nafsu dan sifat yang ada dalam diri manusia juga disentuh yang merangkumi nafsu ammarah, nafsu lawammah, nafsu mulhammah, nafsu mutmainnah, nafsu radiyyah, nafsu mardhiyyah dan nafsu kamillah. Di samping menyentuh mengenai sifat-sifat yang ada pada diri manusia iaitu sifat rububiyyah (ketuhanan), syaitaniyyah (syaitan), al-hawaniyyah (kebinatangan) dan sifat as-subaiyyah (keganasan). Dalam erti kata lain, kitab ini banyak membincangkan mengenai soal akidah dan hakikat diri serta falsafah yang perlu diketahui oleh setiap umat Islam yang ingin mengenal Tuhan dan penciptanya.

Kisah Imam as-Syafie juga ada diselitkan sebagai kisah yang boleh dijadikan sebagai teladan. Dimasukkan juga mengenai ilmu makrifat iaitu tujuh benteng yang ada di dalam diri setiap insan untuk memiliki kekuatan batiniah. Benteng yang pertama diperbuat daripada permata (benar), zamrud (ikhlas), batu pejal (istiqamah), besi (redha), tembaga (tawakkal), perak (iman) dan emas (makrifatullah yakni mengenal Allah).

Bagi Tuan Sheikh Ismail, "Buku ini amat sesuai kepada pencinta Islam, ahli sufi dan cendekiawan yang ingin mendalami ilmu tasyaaf Islam untuk mengenal diri dengan lebih dekat."

Imam Al-Ghazali, 1058-1111

Nama sebenar beliau ialah Abu Hamid Muhammad. Dilahirkan pada tahun 1058 dan meninggal dunia pada tahun 1111 di Tus, Asia Tengah. Beliau merupakan salah seorang ahli teologi, ahli ilmu mantik, ahli hukum dan ahli sufi Islam yang agung pada abad ke-12. Imam Al-Ghazali telah mengorbankan sebahagian hidupnya dengan mengajar di Baghdad. Beliau menulis (dan mengajar) di dalam pelbagai bidang dan telah menghasilkan ratusan buah buku (termasuk yang diterjemahkan) dan artikel-artikel yang amat bernilai mengenai Islam. Di antara hasil tulisannya yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu ialah Akhlak Seorang Muslim (1977); Bimbangan Menuju Keredhaan Ilahi (1998); Adab Mendengar Irama dan Lagu dan Angkara Lidah; Penyebab Dosa Zahir dan Batin (2000).

Penterjemah

Prof. TK. H. Ismail Yakub SH

Pembicara

Tuan Sheikh Ismail Hashim

Pendakwah Bebas

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)

"Buku ini amat sesuai kepada pencinta Islam, ahli sufi dan cendekiawan yang ingin mendalami ilmu tasyaaf Islam untuk mengenal diri dengan lebih dekat."

Judul Buku: **Kaum-Kaum Yang Pupus**

Penerbit: Kuala Lumpur: Saba Islamic Media, 2003


“...amat menarik dari segi cara penyampaian, olahan cerita dan susunan ayat yang berupaya menarik pembaca untuk membacanya. Ia juga dihasilkan oleh penulis yang bersungguh-sungguh menghasilkan karyanya.”

Buku ini mengupas mengenai kisah kaum nabi-nabi terdahulu seperti kaum Nabi Nuh, Nabi Ibrahim dan Nabi Luth sebagai pengajaran dan peringatan kepada generasi sekarang. Sikap angkuh kaum-kaum terdahulu yang menolak ajaran Nabi dan Rasul mereka digambarkan melalui usaha mereka untuk membunuh Nabi dan Rasul walaupun Nabi dan Rasul mengajak mereka ke jalan kebenaran. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menerima ajaran dan risalah yang dibawa. Golongan yang engkar ini kemudiannya telah dimusnahkan oleh Allah swt. Kaum yang dimusnahkan ini sebenarnya bukan sahaja mampu membina kota-kota besar yang gah dan termasyhur dari segi seni binanya seperti kaum Thamud yang mampu mengukir bukit untuk membina bangunan indah tetapi juga mempunyai kekuatan yang amat besar dari segi ketenteraan, setia pada negara dan patuh kepada pemimpin.

Kisah Nabi Sulaiman dan Puteri Balqis serta Ashabul Kahfi juga dimasukkan di samping memuatkan keterangan ayat-ayat Al-Quran yang menerangkan dan menjelaskan lagi peristiwa yang berlaku.

Bagi Encik Idzhar buku ini mengajak beliau untuk merenung akan peristiwa-peristiwa yang diceritakan tersebut dan mengambil pengiktiran daripada apa yang berlaku. Beliau juga berpandangan

bahawa, “Seseorang itu akan menjadi individu yang cemerlang jika ia cemerlang dari segi rohani, jasmani, emosi dan pemikiran.” Bagi beliau lagi, “Buku ini secara keseluruhannya amat menarik dari segi cara penyampaian, olahan cerita dan susunan ayat yang berupaya menarik pembaca untuk membacanya. Ia juga dihasilkan oleh penulis yang bersungguh-sungguh menghasilkan karyanya.”



Harun Yahya

Editor

Nama sebenarnya ialah Adnan Oktar dan berasal dari Turki. Nama Harun Yahya dipilih berdasarkan gabungan dua nama Nabi iaitu Nabi Harun dan Nabi Yahya. Beliau banyak memberikan ceramah dan menulis buku berdasarkan sains tulen serta kewujudan Allah, agama Islam dan politik. Antara buku beliau yang mendapat sambutan dan dikritik hebat ialah *Evolution Deceit* (2001); *The Collapse of the Evolution Theory* dan *The Miracle of Human Creation*. Beliau mengasaskan *Science Research Foundation* yang menerbitkan beratus judul buku, video dokumentari, kaset dan CD dalam berbagai bahasa dan diedarkan di seluruh dunia.

Pembicara

Encik Idzhar Jumali

Artis

Atas: Oleh metasalon adalah sebuah seni kreatif untuk dialih Tinggi kelebihan daripada

Dia sebutkan

Judul Buku: **Kebangkitan Islam Pada Abad Ke 21: Renaissance Melayu**

Penerbit: Kuala Lumpur: Inter Perfection, 2001

Buku ini menjadi pilihan Y.B. Dato' Haji Ishak kerana, "Kandungannya amat sesuai dengan pandangan peribadi saya mengenai Islam."

Buku ini mengandungi lima bab iaitu Kebangkitan Islam Formula Rasullullah S.A.W., Islam Untuk Semua, Jihad Mengikut Al-Quran, Renaissance Melayu dan Reformasi Rohani. Turut dimuatkan juga peristiwa 11 September 2001 yang dianggap sebagai serangan pengganas yang telah mengakibatkan kemusnahan kepada bangunan *World Trade Centre* di Amerika Syarikat. Peristiwa ini telah memberi implikasi yang amat besar kepada dunia terutamanya kepada umat Islam dan Islam itu sendiri walaupun dalang di sebalik kejadian itu belum dapat dipastikan sama ada daripada orang Islam sendiri atau merupakan perancangan daripada musuh. Kejadian ini boleh dikaitkan dengan anggapan bahawa abad ke 21 adalah merupakan abad kebangkitan Islam. Dijangkakan Islam akan membangun sama ada dari segi ilmu pertahanan mahupun teknologi. Oleh itu, golongan bukan Islam sentiasa mencari peluang untuk menyekat keadaan ini daripada berlaku. Peristiwa ini boleh menyedarkan pembaca akan perlunya semangat perpaduan terus dijaga agar keamanan dan kesejahteraan hidup akan terus dapat dirasai.

"Saya memilih buku ini kerana kandungannya amat sesuai dengan pandangan peribadi saya mengenai Islam."



Indrawan Hj. Mohd Yatim


Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dan pernah memenangi biasiswa *Asia Pacific Economic Cooperation (APEC)* untuk melanjutkan pengajiannya ke peringkat Sarjana dalam bidang *APEC Master of Sustainable Development* (Pembangunan Mampan) di Universiti Sydney, Australia. Pengalaman beliau sebagai guru dalam subjek sejarah dan ekonomi serta pakar motivasi di *Perfection Training Academy* telah digunakan sepenuhnya untuk memberikan sumbangan kepada pembangunan agama, bangsa dan negara.

Pembicara

Y.B. Dato' Haji Ishak Arshad
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO)
Negeri Perlis

Judul Buku: **The Legends Of Langkawi**

Penerbit: Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2000



Memaparkan mengenai Pulau Langkawi yang kaya dengan nilai-nilai sejarahnya yang tersendiri agar diketahui umum. Ia berbeza dengan Pulau Tioman dan pulau-pulau lain di Malaysia kerana sejarah dan legenda Pulau Langkawi melebihi daripada yang terdapat di pulau-pulau tersebut.

Pulau Langkawi terkenal dengan tokoh-tokoh yang menjadi legenda seperti legenda Mahsuri, Mat Cincang, Bawang Putih Bawang Merah dan legenda Pulau Dayang Bunting yang kebanyakannya diketahui umum. Inilah juga legenda yang selalu diceritakan oleh pegawai pelancong kepada pengunjung daripada luar yang mengunjungi Pulau Langkawi.

Sebenarnya terdapat lagi legenda dan kisah-kisah lain yang masyarakat umum kurang mengetahui tetapi dimuatkan dalam buku ini iaitu kisah Tuan Puteri dari Kayangan yang Turun Bersiram di Tasik dan kisah Awang Sulung Merah Muda. Beliau banyak membuat perbandingan dengan memperihalkan keadaan manusia dengan alam semula jadi seperti 'pinggang ramping bagi kerengga' dan lain-lain untuk menambahkan lagi daya tarikan buku ini yang menggunakan gaya sastera Melayu lama.

Menurut Tun Zahir, "Kesusasteraan Melayu harus dipelihara dan dijaga agar ia tidak pupus ditelan zaman dan tak lapuk dek hujan."

"Kesusasteraan Melayu harus dipelihara dan dijaga agar ia tidak pupus ditelan zaman dan tak lapuk dek hujan."

Mohamed Zahir Haji Ismail, 1924-

Dilahirkan di Kedah dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Hosbar dan Kolej Sultan Abdul Hamid sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di Universiti Lincoln. Pendekar Kundur adalah antara karyanya yang popular di Malaysia dan telah diadaptasikan ke drama televisyen.

Pembicara

Tun Mohamed Zahir Haji Ismail
Speaker Dewan Rakyat

Judul Buku: Matahari Senja

Penerbit: Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan, 1992

“Novel ini mampu memberi pengajaran dan peringatan kepada pembaca agar sentiasa sedar akan betapa besarnya pengorbanan yang telah dicurahkan oleh ibu bapa kepada anak-anak.”

Beliau memilih buku ini kerana, “Ia cuba memberi pengertian yang mendalam kepada sesiapa yang membacanya.” Ia mengisahkan mengenai seorang tua yang sedang nazak yang melalui hari-hari kematiannya sambil mengingati kembali kehidupan masa lampau. Betapa dia telah tidak dipedulikan oleh anak-anaknya yang masing-masing telah berumahtangga dan tinggal berjauhan. Semasa mereka bergilir-gilir menjaganya, mereka sentiasa merungut seolah-olah mahukan bapa mereka segera meninggal dunia. Setelah bapa mereka meninggal, masing-masing bertengkar mengenai harta yang ditinggalkan tetapi malang bagi mereka apabila dibuka sahaja peti simpanan harta, yang ada hanyalah pinggan-pinggan pecah yang memberi gambaran betapa hancurnya hati seorang bapa; kain buruk yang memberi gambaran bagaimana anak-anaknya melayan beliau semasa hidupnya; senaskah Al-Quran yang mana beliau berharap anak-anaknya akan membacanya dan surat wasiat yang mewasiatkan hartanya kepada anak yatim.

Novel ini yang pada asalnya adalah sebuah cerpen telah dibaca oleh Tuan Haji Rejab sebanyak lima kali kerana bagi beliau, “Novel ini mampu memberi pengajaran dan peringatan kepada pembaca agar sentiasa sedar akan betapa besarnya pengorbanan yang telah dicurahkan oleh ibu bapa kepada anak-anak.”



Rejab F. I.

Nama sebenar beliau ialah Rejab bin Ismail. Merupakan seorang penulis terkenal bukan sahaja di negeri kelahirannya Perlis tetapi juga di peringkat kebangsaan. Bidang penulisan beliau ialah cerpen, novel, sajak dan menulis skrip drama televisyen. Beliau banyak mengambil contoh kehidupan masyarakat sekelliling untuk menggarap karya yang mampu meruntun jiwa pembaca dan penonton.

Pembicara


Tuan Haji Rejab Ismail
Penulis

Judul Buku: **Nadia's Song**

Penerbit: London: Bantam Books, 2000

Buku ini menjadi pilihan Puan Dang Merduwati kerana tertarik dengan gaya penulisan dan jalan ceritanya. Menurut beliau, "Novel ini berlatarbelakangkan kisah cinta yang terhalang. Ia memaparkan kisah suka duka seorang penyanyi wanita yang percintaannya mendapat tantangan keluarga." Tentangan ini telah menyebabkan beliau telah terpisah dengan anaknya Nadia. Walau bagaimanapun perpisahan ini tidak menghalang beliau untuk berusaha apa sahaja demi mendapatkan semula anak yang amat disayanginya itu. Perasaan kasih pada anaknya itu digambarkan oleh penulis apabila Karima telah menamakan setiap lagunya dengan nama anaknya Nadia. Di akhir cerita, hasrat Karima untuk menemui anaknya tercapai tetapi malang telah menimpa apabila beliau kemudiannya ditemui mati.

Apa yang menarik mengenai novel ini bagi Puan Dang Merduwati ialah, "Ia sebuah novel yang ditulis dengan begitu baik dan menggunakan bahasa yang mudah difahami."



Soheir Khashoggi

Dilahirkan di Alexandria, Mesir dan kini menetap di Connecticut, Amerika Syarikat. Beliau muncul dengan novel pertamanya berjudul *Mirage* yang diterbitkan pada tahun 1996. Novel terbarunya ialah *Mosaic* yang diterbitkan pada tahun 2004. Novel-novel beliau ada yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis.

Pembicara

Puan Dang Merduwati Hashim

Pensyarah

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

"...novel ini berlatarbelakangkan kisah cinta yang terhalang. ...Ia sebuah novel yang ditulis dengan begitu baik dan menggunakan bahasa yang mudah difahami."

Judul Buku: **The Rice Mother**

Penerbit: London: Sceptre, 2002

“Membaca buku ini telah memberi kepuasan kepada saya kerana penulisnya telah membuat penyelidikan yang mendalam sebelum menghasilkan novel ini.”

Mengisahkan perjalanan hidup Lakhsmi yang terpaksa berhijrah ke Tanah Melayu setelah dipaksa berkahwin dengan seorang lelaki berusia 37 tahun. Lelaki yang langsung tidak dikenali oleh Lakshmi ini telah memperdaya ibu Lakshmi dengan mengatakan bahawa beliau adalah seorang yang kaya.

Ketika tiba di Tanah Melayu, Lakshmi merasa kagum dengan keindahan pelabuhan Pulau Pinang dengan penduduknya yang terdiri daripada berbilang bangsa. Dari Pulau Pinang dia menuju ke Kuantan, Pahang tempat suaminya bekerja dan menetap di sana. Di sinilah dia mendapat tahu bahawa suaminya hanyalah seorang buruh dan hidup dalam kemiskinan. Walau bagaimanapun hasil perkongsian hidupnya dengan lelaki yang dipanggil ‘aya’ ini telah dikurniakan dengan enam orang cahayamata. Bilangan anak yang ramai menyebabkan Lakshmi terpaksa melalui kepayahan hidup untuk membesar mereka. Dia terpaksa bekerja keras untuk membesar anak-anaknya. Ini dilakukan semata-mata kerana rasa kasihnya sebagai seorang ibu terhadap anak-anak. Malah dia sanggup berkorban apa sahaja demi kebahagiaan keluarga. Manakala suaminya adalah seorang yang sederhana dan penyayang, lurus tetapi kadangkala dikatakan bersifat bodoh. Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, anak perempuan Lakshmi dilarikan oleh tentera Jepun. Kesedihan Lakshmi ini ditambah lagi dengan pembabitan anak lelakinya dalam penagihan dadah. Novel ini memuatkan juga unsur-unsur tasyul, kepercayaan, fahaman, ilmu sihir, ilmu hitam, pelacuran dan jenayah. Merupakan novel yang diadaptasi daripada kisah benar yang berlaku di Malaysia yang diceritakan oleh cucu Lakshmi iaitu Dimple dan diceritakan lebih lanjut oleh anaknya Nisha. Kemudian diceritakan pula oleh cicitnya Mohinis.

Novel ini telah mendapat anugerah *Best Book Award*. Justeru ia mendapat tempat di hati Puan Carole lalu menjadikannya sebagai bacaan kegemaran beliau. Bagi beliau, “Membaca buku ini telah memberi kepuasan kepada saya kerana penulisnya telah membuat penyelidikan yang mendalam sebelum menghasilkan novel ini.”


Rani Manicka

Lahir dan mendapat pendidikan di Malaysia sebelum menetap di England. Berkelulusan dalam bidang ekonomi dan berasal dari keluarga yang ‘kaya’ dengan sejarah dan peradaban kaum India Selatan. Novel sulung beliau ini telah memenangi hadiah *Commonwealth Writers Prize* bagi tahun 2003 dan pada masa yang sama beliau telah menghasilkan novel keduanya *La Gardienne des râves*.

Pembicara

Puan Carole Ann Goon

Timbalan Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia




Judul Buku: **Sejarah Melayu**

Penerbit: Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997

Dato' Dr. Nik Safiah Karim telah memilih buku Sejarah Melayu sebagai bacaan yang digemari kerana rasa kagumnya dengan penulisan Tun Seri Lanang dari dua aspek iaitu keunggulan bahasa Melayu itu sendiri dan nilai-nilai kesusasteraan yang indah. Bahasa Melayu mempunyai mutu kesusasteraan yang tinggi dari segi bahasa dan gaya penulisan. Ini dibuktikan dengan kewujudan karya-karya kesusasteraan lampau yang masih kekal hingga ke hari ini. Menurut Dato' Dr. Nik Safiah Karim, "Nilai-nilai bahasa Melayu yang ditulis dalam buku ini menyerahkan akan kepentingan dan meluasnya penggunaan bahasa Melayu bukan sahaja oleh kerajaan Melayu Melaka tetapi juga negeri-negeri di sekitar Kepulauan Melayu." Terdapat beberapa pernyataan yang menunjukkan betapa bahasa Melayu itu adalah bahasa yang unik dan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Sejarah Melayu ini amat penting sebagai satu khazanah ilmu yang bernilai kerana ia menyatakan sejarah asal-usul nama-nama tempat di Malaysia dan Singapura serta sejarah Melayu itu sendiri yang menjadi tatapan berguna untuk generasi hari ini dan akan datang.

Bagi Dato' Dr. Nik Safiah Karim, "Saya amat menggemari jika ada pembaca lain yang ingin berkongsi pengalaman dan pemahaman dalam pembacaan buku ini kerana ia menggunakan bahasa Melayu lama yang amat terhad penggunaannya pada masa kini."

"Nilai-nilai bahasa Melayu yang ditulis dalam buku ini menyerahkan akan kepentingan dan meluasnya penggunaan bahasa Melayu bukan sahaja oleh kerajaan Melayu Melaka tetapi juga negeri-negeri di sekitar Kepulauan Melayu."



Tun Seri Lanang

Merupakan Bendahara Johor (Johor Lama) ketika beliau diperintahkan mengarang buku ini pada tahun 1612. Keadaan negeri Johor yang kucar kacir ketika itu telah menjadi penyebab kepada pengumpulan bahan dan karya Sejarah Melayu merupakan karya yang paling lengkap dihasilkan. Buku Sejarah Melayu adalah satu karya unik yang menceritakan tentang sejarah kesultanan Melayu pada abad kelima belas dan awal abad keenam belas. Ia telah dimasukkan ke dalam memori Daftar Dunia UNESCO. Selain daripada buku ini, Tun Seri Lanang juga menulis mengenai Kesah Raja-Raja Melayu Melaka dari sejarah Melayu pada tahun 1969.

Pembicara

Y.Bhg. Dato' Dr. Nik Safiah Karim
Penulis, Pensyarah dan Pakar Bahasa

Judul Buku: **Seribu Satu Malam = Alf laila wa laila**

Penerbit: Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1978

Puan Mazidah Mohamad gemar membaca buku Hikayat Seribu Satu Malam kerana ia merupakan sebuah karya yang termasyhur yang telah dialihbahasa ke dalam berbagai bahasa daripada versi asalnya. Buku ini dikenali sebagai *Alf Laila Wa Laila* dalam bahasa Arab dan *Haza Akhsanah* dalam bahasa Parsi. Menurut Puan Mazidah, "ia merupakan sebuah sastera klasik Timur yang penuh dengan nilai-nilai kesusasteraan yang unik."

Buku hikayat ini mengandungi cerita-cerita yang bersambung di antara satu dengan lain dengan memasukkan tiga elemen utama. Elemen pertama, setiap masalah yang dihadapi oleh watak-watak utama akan dapat diatasi. Elemen kedua, watak-watak utama ialah seorang yang kuat, tabah dan cekal serta bijak yang berupaya mengharungi setiap rintangan dan halangan dengan jayanya. Elemen ketiga ialah elemen mistik dan ajaib yang membantu watak-watak utama dari awal hingga ke akhir cerita.

Cerita-cerita yang dimuatkan di dalam hikayat ini ialah cerita-cerita yang berdasarkan kepada kehidupan sosial manusia yang boleh dijadikan pengiktibaran dan pengajaran oleh pembaca dengan menilai mana yang baik dan mana yang buruk.

"Ia merupakan sebuah sastera klasik Timur yang penuh dengan nilai-nilai kesusasteraan yang unik."

Onn bin Jaafar, 1895-1962




Penterjemah

Beliau ialah orang yang bertanggungjawab menggagalkan penubuhan Malayan Union pada 1 April 1946. Pernah menyandang jawatan sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat, Johor dan merupakan pengasas kepada penubuhan Parti Politik yang kekal hingga ke hari ini iaitu PEKEMBAR atau *United Malay National Organization* (UMNO) pada 11 Mei 1946 ketika berlangsungnya Kongres Melayu ke-3. Walau bagaimanapun beliau telah meninggalkan parti berkenaan dan menubuhkan parti lain apabila UMNO bergabung dengan parti politik Cina dan India dan membentuk Parti Perikatan yang sekarang ini dikenali sebagai Barisan Nasional.

Pembicara

Puan Mazidah Mohamad

Jurubahasa Serentak Parlimen



Judul Buku: Sleepers

Penerbit: New York: Ballantine, 1996

Menggambarkan semangat setiakawan serta kebaikan menentang kejahatan. Ia menceritakan pengalaman penulis sendiri dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Lorenzo Caraterra berasal dari sebuah keluarga yang miskin serta sering berhadapan dengan masalah keluarga. Walau bagaimanapun Lorenzo mempunyai tiga orang sahabat iaitu John Larry, Tommy Marcano dan Micheal Sullivan. Hubungan persahabatan mereka amat rapat sehingga mereka sentiasa bersama-sama ke mana sahaja.

“Kekuatan buku ini terletak pada jalan ceritanya yang menarik dan mampu mengajak pembaca untuk berfikir...”

pelbagai masalah yang menyebabkan mereka sedar akan kesilapan yang telah dilakukan dan berazam untuk berubah menjadi insan yang berguna. Penulis kemudiannya berjaya menjadi seorang wartawan manakala rakannya, Micheal Sullivan pula menjadi seorang peguam.

Pada pendapat Encik Zulkifli, “Kekuatan buku ini terletak pada jalan ceritanya yang menarik dan mampu mengajak pembaca untuk berfikir tentang semangat setiakawan antara penulis dan rakan-rakannya yang boleh dicontohi dan diteladani.” Faktor inilah yang telah mendorong beliau untuk menjadikan buku ini bacaan yang digemari.


Peristiwa hitam yang dialami telah mengubah corak kehidupan penulis dan temantemannya. Mereka telah didapati bersalah atas tuduhan membunuh dan dikehendaki menjalani hukuman selama setahun di *Walkinson Home for Boys*. Di sana mereka telah menghadapi

Lorenzo Carcaterra

Dilahirkan dan dibesarkan di New York, Amerika Syarikat. Telah melibatkan diri dalam dunia penulisan selama dua puluh tahun dengan menghasilkan karya dalam bentuk fiksyen, bukan fiksyen, skrip drama tv dan skrip untuk filem di samping menulis mengenai kisah remaja yang kebanyakannya laris dijual. Antara buku beliau yang mendapat sambutan ialah *A Safe Place* (1992); *Apaches* (1997); *Gangster* (2001) dan *Street Boys* (2002).


Buku *Sleepers* telah diadaptasi ke filem pada tahun 1996 dan telah mendapat sambutan hangat daripada para peminatnya.

Pembicara
Encik Zulkifli Bujang
Pengacara TV



Judul Buku: **The Soul Of Malaya**

Penerbit: London: Elkin Mathews and Marrot, 1931



Ia memuatkan kisah percintaan tiga segi yang berlaku di Selangor di antara seorang lelaki Eropah dengan seorang wanita India yang telah berkahwin. Pada masa yang sama suami wanita ini juga amat menyayangi isterinya walaupun dia mengetahui isterinya telah berlaku curang. Bab pertama dan kedua buku ini mengisahkan mengenai corak kehidupan masyarakat pada waktu itu iaitu waktu selepas perang dunia dan mengenai pertemuan lelaki Perancis dengan seorang wanita keturunan India yang telah bersuami. Wanita ini kemudiannya menjadi kekasihnya yang digambarkan menerusi kisah percintaan mereka. Bab ketiga berkisar pada 'The Journey' iaitu gambaran penulis mengenai Malaya, sebuah negara yang cantik dan permai dengan pemandangan sawah padi, lambaian pokok kelapa dan lain-lain keindahan alam semulajadi. Manakala bab keempat adalah berkisar tentang "amuk".

Menurut Pak Ungku terdapat beberapa perkara yang membuatkan beliau begitu tertarik dengan buku ini. Pertama kerana "*somebody is describing your world-Malaya*". Walaupun ia ditulis oleh seorang berbangsa Perancis tetapi dia menulis mengenai cara hidup kita (masyarakat Melayu) yang disifatkan sebagai pemalas, tamak, tidak tenteram, miskin dan melabelkan masyarakat mengikut kemampuan ekonomi masing-masing. Manakala perkara kedua ialah kisah percintaan dan kasih sayang, dan perkara ketiga pula ialah mengenai falsafah cinta kaum India iaitu daya tarikan yang ada pada wanita India sehingga membuatkan suaminya membiarkan sahaja perlakuan curang isteri yang begitu dipuja oleh lelaki Eropah itu."

Satu lagi keistimewaan buku ini ialah pengarangnya mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap pantun dan mampu menulis sebuah karya berbahasa Inggeris yang memuatkan pantun Melayu yang digarap dengan baik dan cantik. Malah menurut Pak Ungku, "*the book has a very clever way of using pantun or Malay poetry. It is one of the best books which uses pantun in a very interactive, romantic and beautiful way.*"

Henri Fauconnier, 1879-

Penulis berbangsa Perancis yang datang ke Malaya untuk mencuba nasib di bidang pertanian. Beliau mula mencebur perusahaan ladang getah sebelum beralih kepada perusahaan ladang kelapa sawit. Pengalaman beliau ini telah dijadikan asas untuk menubuhkan Societe des Plantations yang kemudiannya dikenali dengan nama Socfin. Kejayaan dalam bidang ini adalah seiring dengan kejayaan beliau dalam bidang penulisan apabila ada di antaranya yang telah memenangi hadiah. Buku lain yang ditulis ialah *Malaisie* yang dihasilkan pada tahun 1946.

Penterjemah
Eric Sutton


Pembicara
**Y. M. Prof Diraja Ungku Abd. Aziz
Ungku Abd. Hamid**
Yang Dipertua ANGKASA

"the book has a very clever way of using pantun or Malay poetry. It is one of the best books which uses pantun in a very interactive, romantic and beautiful way."

Judul Buku: **Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck**

Penerbit: Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1983

“...novel ini mengisahkan mengenai cerita cinta yang terhalang yang akhirnya membawa kepada kemusnahan. Ia memberikan pengertian yang cukup mendalam kepada saya akan liku-liku hidup yang perlu dilalui dan diharungi.”



Buku ini memuatkan kisah percintaan antara seorang pelayar dengan seorang gadis yang berhubung secara beratus surat sahaja. Bagaimanapun cinta mereka telah mendapat halangan walaupun Zainuddin yang merupakan watak utama dalam novel ini telah berusaha bersungguh-sungguh membuktikan bahawa ‘kehormatan’ tidak ditentukan oleh keturunan. Kisah percintaan ini telah memberikan pengertian yang cukup mendalam tentang liku-liku hidup pada zaman itu, percintaan yang terhalang oleh ketaksuhan pada keturunan, darjat, pangkat dan kekayaan serta pengorbanan yang terpaksa dilalui oleh watak-watak yang bercinta.

Karya ini ditulis dalam bahasa Melayu Indonesia yang menggunakan bahasa Minang. Oleh itu penggunaan perkataan dan bahasanya berbeza dengan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun Puan Liyana berusaha menghabiskan bacaan buku ini kerana beliau gemar membandingkan karya ini dengan karya tempatan iaitu novel Kartini yang baginya, “Cukup sinonim dari sudut penceritaannya. Novel ini mengisahkan mengenai cerita cinta yang terhalang yang akhirnya membawa kepada kemusnahan. Ia memberikan pengertian yang cukup mendalam kepada saya akan liku-liku hidup yang perlu dilalui dan diharungi.”

Dr. Hamka, 1908-1981

Nama sebenar beliau ialah Haji Abdul Malik bin Karim bin Amrullah. Dilahirkan pada 17 Februari 1908 di Meninjau, Sumatera Barat dan meninggal dunia pada 24 Julai 1981 di Jakarta. Terkenal sebagai tokoh pendakwah, penulis kreatif yang prolifik, pujangga, ahli falsafah Islam dan tokoh kesusastraan yang disegani di Nusantara. Telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Kesusastraan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pernah dilantik sebagai “Imam Besar” Masjid Al-Azhar pada tahun 1960. Beliau banyak menghasilkan karya dalam berbagai genre; antaranya Sejarah Umat Islam (1965); Tasyuf Moden: Falsafah Hidup (1970); Ayahku : Riwayat Hidup (1982) dan Tafsir Al-Azhar (1983).

Pembicara
Puan Liyana Alfiera Malik
Penulis


Judul Buku: **The Vampire Lestat:**
The Second Book In The Chronicles Of The Vampires

Penerbit: London: Warner, 1995

Puan Norizan amat meminati buku ini kerana tertarik dengan ceritanya yang, "...mengisahkan mengenai seorang pemuda berketurunan bangsawan berbangsa Perancis bernama Lestat." Semasa kecil, Lestat hidup dalam serba kekurangan dan kesunyian. Lestat selalu bermonolog dengan dirinya, "Apakah tujuan dia dilahirkan ke dunia yang sunyi sepi sedangkan ibunya sendiri tidak mempedulikannya." Ibunya kurang memberi layanan kepada Lestat tetapi sanggup mengeluarkan wang simpanan dan menjual permata perkahwinannya untuk melihat anaknya berjaya.

Lestat telah berhijrah ke Paris bagi menimba pengalaman baru supaya dia tidak kesunyian. Di akhir cerita ini Lestat memperoleh kejayaan bilamana dia terpilih menjadi pelakon bidan terjun dan seterusnya menjadi pelakon utama bagi menggantikan Magnus iaitu 'vampire'. Walaupun Lestat mempunyai sifat-sifat negatif (syaitan) tetapi ia tidak mendorongnya untuk berbuat jahat kerana sifat semulajadinya yang baik yang kuat dipegang olehnya. Berbeza dengan sifat ibunya dan Nicklaus yang lemah dan akhirnya mereka mati terbakar kerana jiwa mereka tidak sebat dengan sifat 'vampire'.

"...mengisahkan
mengenai seorang
pemuda berketurunan
bangsawan berbangsa
Perancis bernama
Lestat."



Anne Rice, 1941-

Lahir di New Orleans dalam tahun 1941 dan berkelulusan sarjana dalam Sains Politik dan Penulisan Kreatif. Beliau merupakan penulis buku siri vampire yang terkenal, penulis novel sejarah dan banyak menulis mengenai cerita-cerita hantu dan syaitan; antaranya *Interview with the Vampire* (1976); *Queen of the Damned* (1988); *The Tale of the Body Thief* (1992); *Memoch the Devil* (1995); *Servants of the Bones* (1996) dan *Violin* (1997). Novel *Interview with the Vampire* telah diadaptasikan ke filem oleh *Paramount Pictures*.

Pembicara

Puan Norizan Kamarudin

Juruteknik

Perpustakaan Negara Malaysia

Judul Buku: **Wonderful Encounters:**
Recollections Of Meetings With Unforgettable
People From Around The World

Penerbit: Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003

“Ketokohan mereka ini telah memberi satu inspirasi kepada saya untuk berusaha dan memenuhi matlamat hidup.”

Merupakan sebuah buku yang membicarakan mengenai ketokohan pemimpin-pemimpin seperti Dr. Mahathir Mohamed, Dr. Yossy Abuera dan Austrogeclio De Afriden serta kehebatan individu dalam bidang tertentu seperti Roberto Bagio dalam sukan bola sepak. Buku ini menceritakan mengenai perjuangan seseorang pemimpin dalam mencorakkan pembangunan negara dan sikap individu yang terus berusaha hingga mampu mencapai status orang yang dikagumi di dalam bidang masing-masing. Secara tidak langsung sikap dan ketokohan pemimpin serta individu ini mampu memberi motivasi kepada pembaca untuk melakukan seperti mana tokoh-tokoh yang diceritakan. Sebagai tokoh-tokoh yang berjaya dan disegani oleh masyarakat, seseorang itu harus mempunyai sifat kepimpinan dan semangat juang yang tinggi. Tokoh-tokoh yang diceritakan banyak menempuh cabaran dan dugaan untuk berjaya dalam hidup.

Bagi Yang Terutama Duta Fiji, “Ketokohan mereka ini telah memberi satu inspirasi kepada saya untuk berusaha dan memenuhi matlamat hidup.”

“Ketokohan mereka ini telah memberi satu inspirasi kepada saya untuk berusaha dan memenuhi matlamat hidup.”



Daisaku Ikeda, 1928-

Dilahirkan di Tokyo, Jepun pada 2 Januari 1928 dan kini memegang jawatan Presiden Soka Gakkai Antarabangsa. Beliau telah mengasaskan Universiti Soka, Jepun dan Universiti Soka, Amerika Syarikat, *Soka's Women College*, beberapa buah prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah, *Min-on Concert Association*, Muzium Kesenian Fuji, *Institute of Oriental Philosophy*, *Toda Institute of Oriental Philosophy*, *Toda Institute for Global Peace & Policy Research* dan *Boston Research Center for 21st Century*. Pernah menerima Anugerah Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu selain daripada anugerah Ijazah dan Profesor Kehormat dari beberapa universiti terkenal dunia. Antara buku yang dihasilkan ialah *The Creative Family (Life-Force of the New Society)* (1987); *Soka Education* (2001) dan *Fighting for Peace* (2004).

Pembicara

**Her Excellency Adi Litia Q.T
 Samanunu Takobau**
 Duta Fiji

Jadual Persembahan Program Bacaan Kegemaran Saya

1.	BIL. TAHUN	NAMA PESERTA	BUKU PILIHAN	MUKASURAT
1.	1 Ogos 2000	Puan Samsul Khamariah Hamzah Pustakawan BGM, PNM <i>Pengerusi: Puan Salimah Abd. Rahman</i>	Tajuk Buku: All Fall Down Pengarang : Brian Wildsmith	15
2.	2 Ogos 2000	Tuan Haji Mohd Fauzi Shafie Perunding Sumber Manusia <i>Pengerusi: Encik Maliki Muhammad</i>	Tajuk Buku: Giant Steps : Small Changes To Make A Big Difference Pengarang : Anthony Robbins	23
3.	4 Ogos 2000	Puan Maznah bt. Itam Pembantu Perpustakaan, Jabatan Kimia <i>Pengerusi: Puan Jamilah Md. Sir</i>	Tajuk Buku: Echoes Pengarang : Maeve Binchy	19
4.	8 Ogos 2000	Cik Nor Bibi Maslina bt. Jusoh Pelajar Kolej SAL, Kuala Lumpur <i>Pengerusi: Cik Harleeza Abu Husin</i>	Tajuk Buku: Hidup Untuk Menang : Kalau Bukan Untuk Menang Untuk Apakah Hidup Ini? Pengarang : Razzi Armansur	25
5.	9 Ogos 2000	Y.Bhg. Datin Siti Mariani S. M. Omar Pengarah Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia <i>Pengerusi: Puan Rihanun Md. Samin</i>	Tajuk Buku: Thick Face, Black Heart : The Asian Path To Thriving, Winning and Succeeding Pengarang : Chin-Ning Chu	40
6.	10 Ogos 2000	Cik Nur Esmy Zahara bt. Yusof Pelajar Institut Sledgehammer <i>Pengerusi: Puan Zaleha Zainal Abidin</i>	Tajuk Buku: The Secret Diary Of Adrian Mole Aged 13 3/4 Pengarang : Sue Townsend	36
7.	11 Ogos 2000	Cik Jaini Onggai Pustakawan Bahagian Terbitan Bersiri, PNM <i>Pengerusi: Cik Siti Suzani Mohd. Taib</i>	Tajuk Buku: Financial Freedom : Your Guide To Lifetime Financial Planning Pengarang : Edmond Cheah et. al.	21
8.	14 Ogos 2000	Dr. Safiah bt. Mohd Yusof Pegawai Zat Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia <i>Pengerusi: Puan Saonah Shairi</i>	Tajuk Buku: The Millionaire Next Door : The Surprising Secrets Of America's Wealthy Pengarang : Thomas J. Stanley and William D. Danko	30
9.	15 Ogos 2000	Dr. Hatta Azad Khan Pengarah Akademi Seni Kebangsaan <i>Pengerusi: Encik Zulkifli Ali</i>	Tajuk Buku: This Earth Of Mankind, Child Of All Nation, Footsteps and House Of Glass Pengarang : Pramoedya Ananta Toer	41
10.	16 Ogos 2000	Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Abdullah Penyelenggara dan Pendokumentator Sejarah <i>Pengerusi: Encik Shaharom TM Sulaiman</i>	Tajuk Buku: Putera Gunung Tahan Pengarang : Ishak Haji Muhammad	35
11.	17 Ogos 2000	Encik Muhammad Arif Reza bin Yusof Graduan University of Sheffield <i>Pengerusi: Puan Hashimah Mohd Yusof</i>	Tajuk Buku: A Moveable Feast Pengarang : Ernest Hemingway	31
12.	18 Ogos 2000	Prof. Madya Fuziah bt. Mohd. Nadzar Pensyarah UiTM <i>Pengerusi: Puan Munazzah Zakaria</i>	Tajuk Buku: A Promise To Nadia Pengarang : Zana Muhsen and Andrew Crofts	34
13.	21 Ogos 2000	Dr. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad Pensyarah Kolej Universiti Terengganu <i>Pengerusi: Encik So'ot Mohamed Yasin</i>	Tajuk Buku: Meniti Senja Pengarang : Sawako Ariyoshi Penterjemah: Thaiyibah Sulaiman	29
14.	22 Ogos 2000	Dr. Dasrilsyah bin Syahrial Doktor Gigi UPM <i>Pengerusi: Encik Mohd Azri Ramli</i>	Tajuk Buku: Nostalgia Padang Pengarang : Dzul Karnain Ithnain	32

BIL.	TAHUN	NAMA PESERTA	BUKU PILIHAN	MUKASURAT
15.	22 Ogos 2000	Cik Shuhaimi Baba Penerbit dan Pengarah Filem <i>Pengerusi: Cik Harleeza Abu Husin</i>	Tajuk Buku: Edith Piaf Pengarang : Simone Berteaut	20
16.	23 Ogos 2000	Y.Bhg. Puan Sri Zaleha Arshad Suri Rumah <i>Pengerusi: Puan Zawiyah Baba</i>	Tajuk Buku: Listen To The Quiet : The Gentle Art Of Nourishing Your Soul Pengarang : Alda Ellis	26
17.	24 Ogos 2000	Y.Bhg. Toh Puan Uma Sambanthan Suri Rumah <i>Pengerusi: Puan Siti Zakiah Aman</i>	Tajuk Buku: Stargate Pengarang : Sean Devlin & Roland Emmerich Diadaptasi oleh : Sheila Black	38
18.	24 Ogos 2000	Encik Wan Hamzah Awang (WAHBA) Editor Jurnal Pemikir <i>Pengerusi: Encik Shaharom TM Sulaiman</i>	Tajuk Buku: Detik Sejarah Rundingan Baling Pengarang : Wan Hamzah Awang	18
19.	25 Ogos 2000	Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Salleh Pensyarah UKM <i>Pengerusi: Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat</i>	Tajuk Buku: Sulalatus Salatin : Sejarah Melayu Pengarang : Tun Seri Lanang Pengkaji Teks : Muhammad Haji Salleh	39
20.	25 Ogos 2000	Prof. Madya Dr. Muhd Bukhari Lubis Timbalan Presiden Persatuan Senikhat Kebangsaan <i>Pengerusi: Tuan Haji Rosham Abdul Shukor</i>	Tajuk Buku: Seni Kaligrafi Islam Pengarang : D. Sirajuddin A. R.	37
21.	29 Ogos 2000	Dr. John Anthony Xavier Timbalan Pengarah Program Kewangan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) <i>Pengerusi: Puan Siti Aishah Sheikh Kadir</i>	Tajuk Buku: The Malays Par Excellence ... Warts And All: An Introspection Pengarang : Dato' Dr. Ismail Noor dan Muhammad Azaham Wahab	27
22.	29 Ogos 2000	Y.Bhg. Dato' Dr. Zaiton Osman Ketua Pustakawan UM <i>Pengerusi: Puan Siti Aishah Sheikh Kadir</i>	Tajuk Buku: Flowers For Algernon Pengarang : Daniel Keyes	22
23.	30 Ogos 2000	Tuan Haji Annuar Ayub Ahli Persatuan Sejarah Malaysia <i>Pengerusi: Encik Zulkifli Abd. Samad</i>	Tajuk Buku: The City Of Joy Pengarang : Dominique Lapierre	17
24.	30 Ogos 2000	Encik Khairy Jamaluddin Pegawai Khas Kepada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri <i>Pengerusi: Encik Muhammad Musa</i>	Tajuk Buku: The Heart Of Darkness Pengarang : Joseph Conrad	24
25.	30 Ogos 2000	Siti Nur Laily bt. Hussin Pelajar Sekolah Menengah Sungai Besi, Selangor <i>Pengerusi: Puan Rosenah Abdul Karim</i>	Tajuk Buku: Mawar Putih Mawar Merah Pengarang : Khairuddin Ayip	28
26.	26 September 2000	Y.Bhg. Dato' Mohammed Hashim bin Sam Abdul Latiff Pesara/Bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia <i>Pengerusi: Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam</i>	Tajuk Buku: Orang Biasa Diraja : Hayat Dan Zaman Imam Perang Jabor (1858 – 1921) Pengarang : Y.Bhg. Dato' Hashim Sam Abdul Latif	33
27.	28 September 2000	Cik Kavita Kaur Sidhu Peragawati Antarabangsa, Penerbit serta Pelakon Filem dan TV <i>Pengerusi: Pn. Primalani M. Kukanesan</i>	Tajuk Buku: Angela's Ashes Pengarang : Frank McCourt	16
28.	2 Julai 2001	Encik Mohd. Razali Ahmad Termizi Pustakawan Bahagian Terbitan Bersiri PNM <i>Pengerusi: Encik Muhammad Musa</i>	Tajuk Buku: Perlumbaan Kedua Pengarang : Marwilis Haji Yusof	70

Jadual Persembahan Program Bacaan Kegemaran Saya

BIL.	TAHUN	NAMA PESERTA	BUKU PILIHAN	MUKASURAT
29.	3 Julai 2001	Shaharom TM Sulaiman Pensyarah UiTM <i>Pengerusi: Encik Zulkifli Ali</i>	<i>Tajuk Buku:</i> SQ - Spiritual Intelligence, The Ultimate Intelligence <i>Pengarang :</i> Danah Zohar and Ian Marshall	76
30.	4 Julai 2001	Puan Wan Roslina Wan Rahman Pengarah British Montessori Pre-School <i>Pengerusi: Puan Katrun Nada Haji Hashim</i>	<i>Tajuk Buku:</i> Good Kids, Bad Behavior : Helping Children Learn Self-Discipline <i>Pengarang :</i> Peter Williamson	51
31.	6 Julai 2001	Encik Zulkifli Abd. Samad Pegawai Perpustakaan PPN <i>Pengerusi: Encik Abdul Rahman Sudin</i>	<i>Tajuk Buku:</i> Fishing Forays : An Angler's Travels In Malaysia <i>Pengarang :</i> Aznir Abdul Malek	49
32.	9 Julai 2001	Tuan Haji Zainal Buang Hussein Presiden PEKARTUN <i>Pengerusi: Encik Wan Fazali Mohd. Salleh</i>	<i>Tajuk Buku:</i> Tafsir Quran Karim : Bahasa Indonesia <i>Pengarang :</i> Prof. Dr. H. Mohmud Yunus	77
33.	10 Julai 2001	Tuan Sayed Munawwar Al-Jamalulaill Pengurus Akademi YPEIM <i>Pengerusi: Cik Anisatul Wahida Abdul Wahid</i>	<i>Tajuk Buku:</i> Rich Kid Smart Kid : Giving Your Child A Financial Head Start <i>Pengarang :</i> Robert T. Kiyosaki and Sharon L. Lechter	74
34.	11 Julai 2001	Y.B. Datuk Ahmad Zahid Hamidi Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad <i>Pengerusi: Puan Siti Zakiah Aman</i>	<i>Tajuk Buku:</i> Gayat <i>Pengarang :</i> Megat Junid Megat Ayob	50
35.	12 Julai 2001	Puan Azizah Haji Yusof Telefonis Jabatan Pembangunan Koperasi <i>Pengerusi: Puan Munazzah Zakaria</i>	<i>Tajuk Buku:</i> Pilot Café <i>Pengarang :</i> Ahadiat Akashah dan Zuraidah Othman	73
36.	17 Julai 2001	Puan Siti Zakiah Aman Pengarah Bahagian Rujukan Malaysiana PNM <i>Pengerusi: Cik Nafisah Ahmad</i>	<i>Tajuk Buku:</i> Malay Sketches, 3 rd ed. <i>Pengarang :</i> Frank A. Swettenham	61
